



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 6

Rabu

9 September 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- [YB Senator Datuk Razali bin Idris]

(Halaman 30)

Usul Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 15(3)

(Halaman 113)

UCAPAN PENANGGUHAN

Pemeriksaan Kuasa Negeri

- [Puan Asmak binti Husin]

(Halaman 114)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 9 September 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua.

*Datang ke Parlimen bermuka ceria;
Bentara tolong bukakan pintu;
Awal Bismillah pembuka bicara;
Soalan saya nombor satu.*

1. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah strategik kerajaan dalam mengukuhkan ekonomi negara serta meningkatkan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang suku keempat tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Boleh jawab pantun, tetapi biar Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Penularan COVID-19 bukan hanya memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia, malah, kepada seluruh dunia. Semua sektor utama ekonomi telah terjejas akibat penularan wabak ini. Melihat kepada keadaan ini, kerajaan telah bertindak proaktif dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi untuk memulihkan ekonomi negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, ekonomi Malaysia mengalami penguncupan signifikan dalam tempoh suku kedua tahun 2020, di mana hampir seluruh sektor perniagaan tidak dapat beroperasi susulan perintah kawalan pergerakan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, jika dilihat secara terperinci penguncupan KDNK telah mengecil daripada sejumlah 28.6 peratus pada bulan April kepada sejumlah 19.5 peratus pada bulan Mei dan seterusnya penguncupan yang lebih kecil ke paras 3.2 peratus pada bulan Jun 2020.

Prestasi ini jelas menunjukkan berlakunya pemulihan ekonomi sejajar dengan pembukaan sektor ekonomi bermula pada bulan Mei yang lalu dan proses pemulihan ini dijangka berterusan terutamanya dalam tempoh separuh kedua tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, indikator awal ekonomi bagi bulan Julai 2020 juga menunjukkan prestasi ekonomi kini berada pada fasa pemulihan yang lebih baik. Antara indikator yang mungkin boleh saya nyatakan di sini yang telah meningkat berbanding prestasi bulan Jun 2020 termasuklah:

- (i) kenaikan kadar eksport sejumlah 3.1 peratus dari tahun ke tahun;
- (ii) jualan kereta penumpang mencatatkan kenaikan sebanyak 27.3 peratus;
- (iii) jualan kenderaan perdagangan melonjak sebanyak sejumlah 44.8 peratus;
- (iv) pergerakan penumpang domestik melonjak sebanyak 215.8 peratus; dan
- (v) jumlah kenderaan di lebuhraya bertol meningkat sebanyak 7.4 peratus.

Berdasarkan unjuran prestasi separuh kedua tahun 2020 yang lebih baik ini, Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan pertumbuhan ekonomi negara bagi keseluruhan tahun 2020 dijangka antara negatif 5.5 peratus hingga negatif 3.5 peratus. Manakala, pada tahun 2021, Bank Negara Malaysia telah mengunjurkan ekonomi akan dijangka berkembang sekitar 5.5 peratus hingga 8.0 peratus. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, Kerajaan Perikatan Nasional akan terus memperkemas dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, menyokong perniagaan dan merencanakan ekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Beliau menjawab soalan dalam tempoh empat minit. Saya hendak menyatakan sesuatu berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat 22 yang mengandungi sekitar 19 syarat menjawab soalan-soalan lisan.

Saya ingin mengetengahkan SO atau Peraturan Mesyuarat 22(1) lingkungan yang terakhir sekali. Lingkungan yang terakhir sekali bermakna tidak boleh mengandungi lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan atau gabungan lebih daripada dua pertanyaan. Saya mohon setiap Yang Berhormat menghormati keputusan itu yang saya buat semenjak beberapa hari yang lalu.

Kedua, dimohon supaya Yang Berhormat Menteri tidak menjawab lebih daripada apa yang sepatutnya. Ini bermakna, misalnya pada hari ini ditanyakan tentang langkah strategik

kerajaan, fokus kepada langkah-langkah tersebut. Jika tidak, kita memakan masa yang cukup lama, peluang hendak bertanya kurang. Saya hendak beri sebanyak mungkin pertanyaan lisan terus kepada mauduknya dan Yang Berhormat Menteri menjawab mengikut sistem dan juga isinya.

Jadi, Yang Berhormat ada satu lagi peluang untuk bertanya.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah pun diberi. Saya memetik berita Astro Awani bertarikh 12 Ogos 2020.

■1010

Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa tahap hutang negara berkemungkinan mencecah had berkanun 55 peratus pada akhir tahun ini berikutan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA. Soalan saya, apakah rancangan kerajaan di masa akan datang dalam menurunkan kadar hutang negara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau bertanya hutang negara. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator yang bertanya. Seperti mana persoalan yang dibangkitkan tadi ialah bagaimana kita menguruskan belanjawan negara dan sudah pastinya ia akan berkait kepada hutang negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2020, hutang Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM854 bilion atau 57.7 peratus daripada KDNK. Namun, berdasarkan pengiraan had statutori, ia mencatat 53.6 peratus masih berada di bawah had 55 peratus yang telah ditetapkan. Namun demikian, disebabkan pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan PENJANA, di Dewan Rakyat telah kita kemukakan Rang Undang-undang COVID-19 bagi kita membantu supaya kita meningkatkan had 55 peratus kepada 60 peratus.

Insya-Allah, di Dewan Negara juga kita akan melakukan pembentangan yang sama. Saya mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dapat membantu supaya kita dapat menguruskan kewangan negara. Seterusnya rakyat akan dapat kesan daripada pelaksanaan pakej-pakej rangsangan seperti mana Yang Berhormat telah sedia maklum. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 3 – YB. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha sila catat Yang Berhormat tidak hadir dan diperingatkan sekiranya Yang Berhormat mengemukakan soalan pertanyaan, tertakluk kepada acara kita bermesyuarat hendaklah hadir. Catatan itu diambil sebagai catatan rasmi.

3. Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan memperbanyakkan lagi program-program usahawan dan mewujudkan satu dana khas yang tidak menyukarkan pemohon bagi membantu para usahawan wanita seperti suri rumah khususnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa komited dalam membantu usahawan wanita termasuklah golongan suri rumah dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan juga insentif khususnya melalui agensi di bawah kita iaitu seperti TEKUN, Bank Rakyat, SME Bank, SME Corp, UDA Holdings, Perbadanan Nasional Berhad dan INSKEN.

Bagi tahun 2020, sebanyak RM436.7 juta dana kewangan telah pun kita peruntukkan untuk golongan usahawan wanita dan seramai 11,107 orang usahawan wanita telah pun menerima manfaat melalui pelbagai program dan juga bantuan daripada kementerian yang disalurkan melalui dana khas agensi-agensi di bawahnya. Antara program dan juga inisiatif yang telah diberikan adalah seperti berikut.

Contohnya seperti di bawah SME Bank melalui pembiayaan MySMELady iaitu bagi memenuhi keperluan pemilikan aset dan juga modal. Sebanyak 13 permohonan telah diterima dan diluluskan sebanyak RM6.5 juta. Di bawah TEKUN Nasional, TEKUN ini amat banyak programnya dan telah menyediakan pembiayaan. Setakat 31 Ogos 2020, seramai 8,930 usahawan wanita yang telah menerima manfaat berjumlah RM169 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 712 orang usahawan wanita telah berjaya dibantu melalui Program TemanNita.

Selain daripada itu, Bank Rakyat juga ada menawarkan pembiayaan melalui Program Pakej Biz Lady dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Setakat 31 Ogos, hampir RM31.18 juta telah pun diberikan. Di samping itu, bagi mempercepatkan kelulusan permohonan, Bank Rakyat telah pun mengurangkan kelulusan daripada tempoh yang lama hingga ke tiga hari. Melalui UDA Holdings menawarkan UDA Biznita pembiayaan sebanyak RM3,000 dan memberi nilai manfaat berjumlah RM7.3 juta. Di samping itu, PNS yang akan melancarkan program pada September melalui program yang bernama SWEET dengan peruntukan bernilai RM10 juta yang boleh memberi manfaat kepada 80 orang dengan jumlah lebih kurang maksimum RM500 ribu.

Selain daripada itu juga, *by* SME Corp melalui *Women Netpreneur* dengan peruntukan sebanyak RM400 ribu. Jadi di bawah kementerian juga ada untuk bimbingan dan juga latihan pembangunan usahawan di bawah Institut Keusahawanan Negara yang dilakukan dalam talian. Untuk minggu ini, kita akan buat untuk pertama kalinya kelas secara fizikal.

Kementerian yakin dengan inisiatif dan insentif yang diperkenalkan ini dapat meningkatkan lagi penglibatan serta memperkasakan kaum wanita dalam sektor keusahawanan di negara ini. Terima kasih.

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar usaha-usaha yang dibuat. Saya rasa kalau orang kampung untuk menyahut seruan itu agak sukar. Saya mohon tambahan program yang lebih mudah untuk orang-orang kampung khususnya kaum ibu yang menjaga anak di rumah. Kalau boleh tumpukan kepada kawasan negeri Perak khasnya Parlimen Lumut lebih baik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator memang seorang yang prihatin, selalu- memang membicarakan tentang memperjuangkan untuk orang di kawasannya. *Insyah-Allah*, di bawah TEKUN terutamanya banyak yang boleh kita lakukan terutama sekali untuk yang luar bandar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Senator dia tidak ada kawasan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Maaf. Maksudnya saya kenal beliau Yang Berhormat semasa dekat Lumut. Oleh sebab Yang Berhormat sebut Lumut Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin itu kampung dia.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Okey. Banyak ini- *insyah-Allah*, sekiranya Yang Berhormat Senator ada permohonan kita boleh bantu dan juga memaklumpkannya. Terima kasih.

4. Dr. Yaakob bin Sapari minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah usaha kerajaan supaya pekerja asing ditempatkan di kawasan khas bagi mengawal penyakit berjangkit seperti denggi dan COVID-19 seperti mana yang telah dipraktikkan di negara Singapura bagi mencegah penyakit ini terus meningkat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari yang membangkitkan beberapa soalan. Saya meneliti soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari berkenaan dengan usaha kerajaan bagi menempatkan pekerja asing di tempat khas untuk kerajaan mengawal daripada penyakit daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengeluarkan satu Tatacara Amalan Pelaksanaan ataupun *Standard Operating Procedure* mengenai penginapan asrama pekerja asing ketika tempoh Perintah Kawalan

Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 di semua sektor industri. SOP ini kita telah menggariskan berkenaan antara lain kawalan dan norma baharu terhadap aspek pergerakan harian seperti amalan penjarakan sosial.

Ada ada sedikit perbezaan normal baharu dengan norma baharu. Normal baharu adalah satu tradisi yang kita laksanakan. Norma baharu ini satu nama baru. Kalau 'Norma' perempuan, tetapi norma ini satu pelaksanaan jangkaan yang kita akan laksanakan kepada perkara-perkara yang baharu. Itu sedikit sedangkan kita selalu dengar orang sebut normal ataupun norma. Normal adalah perkara yang berbeza daripada norma baharu.

SOP ini kita telah- dalam kita memperkenalkan dalam aspek pergerakan harian seperti amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer*, penyediaan dan pemakaian litup muka seperti yang kita laksanakan pada hari ini. Bukan sahaja kepada pekerja dan juga pada majikan, kepada semua termasuk orang-orang awam yang tiga perkara yang disebutkan tadi adalah satu perkara yang dimestikan ataupun *the other word, a compulsory for everybody*, dengan izin. Selain itu, majikan juga mesti mengambil dan merekodkan suhu badan setiap pekerja yang menghuni di premis perumahan dan penginapan yang disediakan oleh majikan sebagai langkah pematuhan bagi mencegah penyakit dari merebak.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, majikan dan penyedia kemudahan ataupun kontraktor-kontraktor yang diberi tanggungjawab diwajibkan untuk melaksanakan langkah-langkah kawalan pembersihan dan sanitasi di tempat kerja, perumahan dan penginapan. Begitu juga dengan dewan makan, lobi, tandas, ruang guna sama, kafeteria, surau dan juga ruang rekreasi di mana sanitasi dijalankan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Tatacara Amalan Menghadapi COVID-19 mengikut Akta Kementerian Kesihatan iaitu Akta 342.

■1020

Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 iaitu Akta 446 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menetapkan satu standard minimum penyediaan perumahan, penginapan dan penyediaan kemudahan asas di semua sektor pekerjaan termasuk aspek penyelenggaraan. Kita menyebut Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia kerana dalam Akta Kerja ini dia ada sedikit perubahan di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia yang belum kita laksanakan mengikut Akta 446 ini.

Rang undang-undang pindaan 2019 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2019. Akta ini juga telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 18 September 2019 dan diwartakan pada 23 September 2019.

Akta 446 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 September 2020. Makna sekarang sudah berapa hari bulan, 1 September baru-baru

ini kita terus melaksanakan akta ini. Pindaan tersebut turut memberi kesan positif dalam membendung penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19, SARS, denggi, *leptospirosis* iaitu kencing tikus, *tuberkulosis* iaitu tibi dan lain-lain penyakit batuk kering. Di samping itu ia dapat menjamin keharmonian penduduk tempatan seperti isu kacau ganggu dan juga keselamatan sosial. Ya lah, kalau jiran kita ganggu apa semua, bising, kita hendak tidur pun tidak boleh. Yang ini juga kita praktiskan.

Pada masa yang sama pindaan tersebut juga adalah satu langkah signifikan bagi memastikan pekerja dalam semua sektor menikmati penginapan dan kemudahan asas yang selesa di mana tahap kesihatan dan keselamatan lebih terjamin. Dalam konteks ini kerajaan tiada perancangan- ini adalah usaha-usaha kerajaan kerana yakin dengan langkah-langkah yang diambil melalui penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu Akta 342 oleh agensi-agensi penguat kuasa selain kempen-kempen kesedaran yang mampu mengawal dan mencegah penularan wabak penyakit berjangkit dibandingkan dalam soalan ini oleh Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari dengan tindakan yang diambil oleh *Singapore*.

Kita agak berlainan sebab *Singapore* sebuah negara yang kecil, dia boleh *centralize* dengan menghimpunkan 265 ribu pekerja asing di satu tempat dan dia terpaksa menempatkan bila dikenal pasti di kalangan pekerja asing ini yang telah mendapat penyakit COVID-19, ditempatkan di Tanjung Pagar iaitu semua mereka ini adalah yang positif COVID-19 sebanyak 15 ribu diletakkan di satu tempat. Dia berbeza.

Kita luas, kita beri ruang kepada majikan untuk mereka menetapkan, menempatkan pekerja-pekerja asing di satu perumahan-perumahan tertentu mengikut SOP dengan kita tidak *centralize* sebab kita pekerja asing ada di Penang, di Pulau Pinang, di Kedah, di Kelantan, di Johor. Jadi kita tidak *centralize* dari segi penempatan tetapi kita meletakkan SOP bagi dilaksanakan oleh para majikan. Saya ingat itu saja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lapan minit, panjang sangat.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab ini melibatkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin ingatkan saja.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Ya, ya. Kalau sepuluh minit pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya kita mempunyai ruang yang cukup untuk Ahli-ahli menyampaikan soalan dan menjawab dan saya cadang supaya Yang Berhormat Menteri edit sedikit supaya isinya dapat kita sama-sama menikmati.

Tuan Haji Awang bin Hashim: *Insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan? Boleh? Saya merujuk kepada Akta 446, pindaan 2019, tatacara pelaksanaannya. Saya dapati di tempat saya dia tinggal di kawasan lapang, dalam hutan, di rizab-rizab kerajaan termasuk juga yang tinggal di kawasan perumahan. Bukan hanya masalah COVID-19 tapi masalah sosial juga timbul. Jadi bagaimanakah pelaksanaan akta ini untuk dilaksanakan?

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Yaakob. Bila kita dari segi pelaksanaan sebenarnya, akta kita telah menetapkan akta dijalankan, dipatuhi. Sekarang ini sebab itu 1 September, kita bagi masa tiga bulan kepada para majikan untuk mereka menetapkan, mengikut apa yang telah ditetapkan dalam Akta 446. Jadi Kementerian Sumber Manusia tidak merancang untuk menangguhkan penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019, iaitu Akta 446 meskipun terdapat permintaan dari pihak tertentu, pihak-pihak majikan untuk kita menangguhkan.

Jadi oleh disebabkan dibangkitkan Yang Berhormat Dr. Yaakob sebab itulah kita terus melaksanakan dengan pemantauan dan juga pelaksanaan oleh pegawai penguatkuasaan kepada majikan-majikan yang dikatakan masih lagi tidak mematuhi. Oleh sebab itu berlaku apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Yaakob kerana masih ada lagi. *Insyallah* pelaksanaan pematuhan dan juga penguatkuasaan, kami akan terus jalankan di bawah Jabatan Tenaga Manusia dan juga kementerian-kementerian yang lain yang terlibat secara bersepadu. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Ismail bin Yusop minta Perdana Menteri menyatakan, apakah perkembangan terkini persiapan serta persediaan yang telah dan akan dibuat oleh kerajaan terhadap undi 18 tahun yang telah diluluskan persidangan Parlimen sesi yang lepas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pernyataan oleh Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying pada 15 September 2020 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan pelaksanaan kelayakan umur 18 tahun sebagai pengundi dan pendaftaran pemilih secara automatik. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu saya menetapkan supaya soalan terhadap perkara tersebut yang berpunca dari Yang Berhormat Lim Hui Ying diasingkan dan dijawab kemudian.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebabnya ialah apabila disekalikan sebegitu maka sesuatu yang hendak ditanya oleh Yang Berhormat Puan Lim mungkin dilupai bila sampai masanya dan biasanya Dewan ini mengikut rekod kita tidak ada orang yang jawab selepas itu. Kita

asingkan soalan itu dan dijawab kemudian mengikut jadual yang ditentukan oleh Setiausaha. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas petua yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah pun diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan pindaan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan. Penyediaan *standard operating procedure* ataupun SOP dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan mengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan.

Bagi maksud membantu SPR dalam menyediakan SOP pelaksanaan pendaftaran pemilih serta secara automatik ini, SPR telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama dengan jabatan dan agensi-agensi kerajaan seperti berikut iaitu bersama-sama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dan dengan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Penjara Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah, Kementerian Kesihatan Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus seperti berikut iaitu sesi libat urus bersama parti-parti politik dan juga blok kerajaan sama ada dari blok kerajaan ataupun blok pembangkang berhubung pelaksanaan umur pengundi dan calon 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik yang diadakan pada 3 Oktober 2019. Begitu juga sesi libat urus telah juga diadakan bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik di negeri Sarawak pada 26 November 2019 dan juga sesi libat urus dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga parti-parti politik negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

■1030

Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapat maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara melalui Jawatankuasa *Task Force* SPR dan JPN dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan oleh SPR akan dapat

disiapkan dalam tempoh 18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Sehubungan dengan itu, jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan Julai 2021. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Untuk memastikan amalan demokrasi mencapai apa yang dikatakan *international best practice*, dengan izin, pendidikan pengundi dan pendidikan sivik kewarganegaraan amat dititikberatkan. Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan khususnya SPR dalam memperkasakan rakyat khususnya pengundi-pengundi baharu terhadap persediaan mereka untuk menghadapi pelaksanaan Undi 18 ini? Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop. Sebenarnya SPR telah pun mengadakan proses pendidikan dan juga mendidik rakyat dari segi kepentingan dan tanggungjawab untuk mengundi melalui pelbagai cara. Di antaranya ialah melibatkan NGO-NGO dan juga parti-parti politik untuk menguar-uarkan pendaftaran pemilih di kalangan ahli-ahli masing-masing.

Selain daripada itu, proses ini juga dilaksanakan melalui media-media sosial dan juga media elektronik seperti RTM dan sebagainya. Sekarang ini kalau kita melihat, kecenderungan untuk mendaftar sebagai pengundi telah pun meningkat dengan begitu baik sekali apabila pada 18 Julai 2019, SPR telah melancarkan satu program yang dipanggil pendaftaran *online* MySPR Daftar yang bermula pada 18 Julai 2019. Kesannya telah menunjukkan bahawa perubahan *attitude* pengundi yang baharu menggunakan kemudahan *online* untuk pendaftaran meningkat dengan begitu baik sekali. Kita mengharapkan program-program yang akan dilaksanakan seterusnya ini akan lebih memberikan kesedaran terutama sekali dalam pembentukan sikap dan kesedaran kenapa rakyat perlu menggunakan hak-hak mereka sebagai pengundi.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Ismail, kita menghadapi satu masalah yang perlu kita mainkan peranan secara bersama iaitu petunjuk menunjukkan kepada kita bahawa sekarang ini pengundi ataupun rakyat yang berumur 21 tahun ke atas yang layak mengundi masih belum mengundi berjumlah 4.2 juta. Maknanya selepas umur 21 tahun tetapi belum mendaftar sebagai pengundi. Jumlah mereka sekarang ialah 4.2 juta ataupun mewakili 22.2 peratus daripada warganegara yang layak mengundi. Maknanya jumlah ini agak tidak begitu bagus kepada perkembangan daftar pemilih di dalam negara kita.

Kita mempunyai jumlah pengundi 21 tahun ke atas sekarang ini ialah lebih kurang 15 juta orang. Kalau kita melaksanakan sistem umur 18 tahun yang akan selesai pada 21 Julai

2021, kita akan menambahkan lagi jumlah pengundi di antara enam sehingga tujuh juta. Ini menyebabkan sekiranya terlaksana daftar pemilih di bawah- maksud saya ialah 18 tahun dan ke atas- jumlah pemilih kita akan menghampiri 22 juta orang pada tahun 2021. Sekiranya mereka mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi, keadaan kita akan melihat jumlah pengundi kita begitu ramai sekali.

Jadi, proses untuk menyedarkan masyarakat, mengubah sikap supaya mereka mengambil dan memainkan peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab sebagai pengundi perlu kita laksanakan bukan hanya oleh SPR sahaja tetapi kita amat mengharapkan peranan daripada parti-parti politik, peranan daripada NGO-NGO dan juga peranan daripada ketua-ketua keluarga di dalam setiap rumah tangga itu kerana setiap rumah tangga yang sudah matang biasanya akan ada pengundi daripada suami, isteri dan anak-anak, mungkin dua atau tiga orang. Jadi proses ini, SPR akan laksanakan dengan lebih tegas dan juga kita mengharapkan bantuan daripada semua pihak lain.

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Yusop yang membangkitkan soalan ini.

6. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah usaha kementerian untuk memperkukuhkan sistem siber seperti tandatangan digital, *internet identification* yang lebih kukuh apabila kini orang ramai membuat urusan atas talian atau lebih mengamalkan, *work from home* atau *flexible working*.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, usaha mengekang penularan COVID-19 telah mewujudkan norma baharu di mana terdapat peningkatan penggunaan *internet* bagi mereka yang perlu bekerja dari rumah- *work from home*, ataupun *flexible working*. Begitu juga dengan pembelian secara atas talian yang turut meningkat jumlah penggunaannya.

Sehubungan itu, penggunaan tandatangan digital merupakan satu langkah yang amat praktikal kerana ia selamat digunakan bagi pelbagai perkhidmatan dalam talian. Kelebihan penggunaan tandatangan digital terserlah yang mana ia boleh meningkatkan kecekapan pengurusan serta penyampaian perkhidmatan oleh mana-mana agensi sektor awam mahupun syarikat swasta walau di mana juga dan bila-bila masa tanpa perlu bersemuka kerana perkhidmatan tandatangan digital dikawal selia di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Ia juga membolehkan seseorang melakukan transaksi secara digital dengan membuktikan identitinya secara sah dan menandatangani dokumen yang diperlukan secara dalam talian dengan selamat dan terjamin.

Bagi majikan yang menggalakkan pekerja mereka bekerja dari rumah, perlulah mewujudkan tembok keselamatan ataupun *firewall* yang mantap dan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk penggunaan sistem rangkaian komunikasi yang mereka guna pakai bagi mengelakkan terdedah kepada risiko ancaman siber. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, *firewall* ini ataupun untuk menjaga sekuriti ini agak mahal sikitlah. Sebab apa, kita lihat sekarang ini *scammer*, *hacker*, pencuri data dan sebagainya semakin canggih. Jadi inilah risiko yang agak kita harus tangani.

Sehubungan dengan itu, agensi dan syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan digalakkan untuk menggunakan tandatangan digital yang dikawal selia di bawah Akta Tandatangan Digital 1997. Dokumen yang menggunakan tandatangan digital berdasarkan teknologi prasarana kekunci awam atau ditukar kepada bentuk kod sulit yang membolehkan ia dikirim dengan selamat tanpa boleh difahami dan diubah oleh pihak lain.

Untuk menggunakan tandatangan digital, pelanggan terlebih dahulu perlu mendaftar dengan pihak berkuasa pemerakuan di mana proses pengesahan identiti secara teliti akan dijalankan. Dengan menggunakan tandatangan digital juga, identiti seseorang pengguna telah ditentu dan disahkan oleh pihak berkuasa pemerakuan dan penerima dokumen yang telah ditandatangani dengan tandatangan digital boleh menggunakannya dengan yakin, selamat dan terjamin. Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi.

Soalan tambahan saya ialah pada ketika ini telah ada 90 peratus daripada perkhidmatan kerajaan boleh didapati secara dalam talian. Namun begitu, masih terdapat beberapa masalah yang wujud dengan pengguna identiti digital pelanggan yang berasingan antara sistem kerajaan dan swasta. Contohnya, pengguna masih perlu mengingat pelbagai kata laluan untuk mengakses perkhidmatan pendekatan yang digunakan bagi menyelesaikan masalah sistem tandatangan digital dan identiti digital ini. Mohon jawapan.

■1040

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang saya katakan tadi, memanglah agak sukar proses-proses tersebut di mana kita membuat beberapa sekuriti penting, terutamanya kita hendak mengelakkan kecurian data-data kerajaan. Ini kerana buat masa ini pun memang terdapat kecurian data dan sebagainya. Jadi sebab itulah maknanya kita lihat bagaimanakah yang terbaik untuk kita menjaga kecurian identiti ini untuk kita jaga keselamatan pengguna dan juga kerajaan. Jadi bermakna kalau ada cara yang terlebih baik ataupun yang kita bincang pihak-pihak tertentu, maka kita akan jalankan untuk memudahkan rakyat menggunakan perkhidmatan dengan kerajaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

7. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol minta Menteri Pendidikan menyatakan status terkini pembinaan semula sekolah-sekolah daif di Sarawak.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020, sejumlah RM1.388 bilion telah diluluskan untuk projek menaik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah yang daif di negeri Sarawak. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain. Sehingga 31 Ogos 2020 sebanyak 169 projek telah siap, 48 projek masih dalam pembinaan dan baki 74 projek berada di dalam fasa pra bina.

Bagi tahun 2020, KPM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM18.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan dan fasiliti di 392 buah sekolah di Sarawak. Peruntukan ini digunakan untuk pelbagai skop penyelenggaraan seperti membaiki struktur pendawaian elektrik, sistem kumbahan dan kerja penyelenggaraan yang lain yang tidak melibatkan struktur. Selain itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah program Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan baik pulih sekolah dan kemudahan di negeri Sarawak. PRE PRIHATIN dijangka memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 413 buah sekolah. Sekian, terima kasih.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah, Kementerian Pendidikan Sains dan Teknologi Sarawak telah mencadangkan supaya— telah mengenal pasti dan mencadangkan 263 sekolah kurang murid digabung untuk menjadi 49 sekolah berpusat. Adakah pembinaan semula sekolah-sekolah daif mengambil kira rancangan untuk menggabungkan sekolah kurang murid kepada sekolah berpusat di Sarawak.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin dan peka dengan keperluan untuk mempertingkatkan dan menaik taraf pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat akan saya sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan lain yang baharu sahaja dilantik baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua soalan saya nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8. Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, berapakah jumlah peruntukan daripada RM100 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan yang telah diluluskan sehingga kini dan bagi tahun 2020 untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India dan nyatakan secara terperinci mengikut setiap sektor.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan *Social Economy Development of Indian Community* (SEDIC) dan kemudiannya dipanggil Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) bermula dari tahun 2016 hingga 2019. Bermakna dari tahun 2016 hingga 2019 setiap tahun sebanyak RM1 juta disalurkan melalui SEDIC dan pada tahun 2019, RM1 juta disalurkan kepada MITRA. Keseluruhannya adalah RM400 juta. Perbelanjaan oleh SEDIC dan MITRA bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut.

Pada tahun 2016 sebanyak RM35,044,317.48 telah dibelanjakan dan pada tahun 2017 sebanyak RM57,027,851 telah dibelanjakan oleh SEDIC. Pada tahun 2018 cuma RM1,165,130 telah dibelanjakan oleh SEDIC. Sementara pula pada tahun 2019 sebanyak RM58,090,797.09 telah dibelanjakan oleh MITRA. Keseluruhan yang dibelanjakan, jumlahnya adalah RM151,328,095.57.

Dari tahun 2016 hingga 2019, tumpuan hanya diberikan secara amnya kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat India. Selepas Julai 2019 hingga 2020 tumpuan telah dialihkan kepada Program Pembangunan Sosioekonomi kepada tiga peringkat iaitu:

- (i) Program Pembangunan Modal Insan;
- (ii) Program Pembangunan Kerjaya dan Keusahawanan; dan
- (iii) Program Pembangunan Kesejahteraan Sosial dan Identiti.

Peruntukan dan perbelanjaan tahun 2020, MITRA telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM100 juta daripada kerajaan bermula Januari hingga Mac 2020. MITRA masih di bawah Jabatan Perdana Menteri. Bermula 17 April 2020 pengurusan MITRA diletakkan di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara. Pecahan peruntukan mengikut sektor adalah seperti berikut.

Daripada Januari hingga Mac 2020 di bawah Jabatan Perdana Menteri peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM29.7 juta. Program yang diluluskan adalah sebanyak 62 program. Pecahan peruntukan mengikut sektor iaitu:

- (i) Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan adalah sebanyak RM14,376,191.70.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau dilihat soalan itu ia menumpu kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Jadi elok secara spesifik dijawab itu sedikit.

Ini adalah maksud yang saya sebut tadi, jawapan diberi mengikut selimut am. Jadi sedangkan soalnya spesifik di situ. Sila.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya, cuma kita hendak senaraikan jumlah peruntukan. Oleh sebab soalan menanya tentang peruntukan daripada RM100 juta dan kerajaan— jumlah yang diluluskan sehingga tahun 2020. Maka kita hendak beri maklumat kepada soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi soalan ini tidak berjawab. Itulah maksud saya. Kalau tidak, sukar untuk kita hendak menjalankan tugas kita di Dewan ini.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Sememangnya soalan yang ditanya adalah mengenai peruntukan dan mengikut setiap sektor dan kita telah bahagikan kepada tiga sektor.

Tuan Yang di-Pertua: Terus, terus, yang itu komen daripada Kerusi.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih, terima kasih akan diambil perhatian. Maka Program Pembangunan Modal Insan yang telah dibelanjakan pada Januari hingga Mac tahun 2020 adalah RM14,376,191.70. Di bawah Pembangunan Kerjaya dan Keusahawanan pula ialah RM6,697,474 dan di bawah kategori Pembangunan Sosial dan Kerohanian, RM8,663,619.80. Di bawah peruntukan Kementerian Perpaduan Negara pula jumlah peruntukan penyaluran daripada RM100 juta adalah jumlah penyaluran Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2020 adalah RM19 juta.

■1050

Komitmen penyaluran program ialah sebanyak RM15.8 juta iaitu sambungan daripada tahun 2019 dan akhirnya peruntukan yang dibawa ke Kementerian Perpaduan Negara adalah sebanyak RM65.1 juta. Daripada ini, Kementerian Perpaduan Negara telah memberikan kelulusan peruntukan sebanyak RM30.1 juta.

Program yang telah diluluskan adalah sebanyak 15 program dan pecahan peruntukan mengikut sektor adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan (RM)
Pembangunan modal insan dan pendidikan	14,431,428
Pembangunan keusahawanan dan kerjaya	5,943,428
Pembangunan sosial dan kerohanian	9,756,026

Tuan Yang di-Pertua, untuk menceritakan keadaan, saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Ada ceria ya?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Sebab tadi semua angka, semua. Saya hendak masukkan dua rangkap pantun untuk akhiri.

Tuan Yang di-Pertua: Pantun juga? Akan tetapi, begini. Ada pepatah Inggeris berkata, *'Water, water everywhere but not a drop to drink'* [Ketawa]

Dato' Sri Ti Lian Ker: Okey, saya teruskan.

*Gunung Tahan ramai nak naik;
Sampailah ke puncak kalau pasukan taat;
Kementerian Perpaduan akan salur wang rakyat dengan baik;
Bersama-sama kita berikan rakyat manfaat.*

*Orang Melayu adatnya berbudi;
Tambah dengan keindahan budaya dan bahasa;
Orang politik kalaulah sudi;
Janganlah politikkan eksploitasi emosi bangsa.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Patut Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/ Ponnusamy hendak soalkan? Saya bagi peluanglah supaya soal apa yang patut *[Ketawa]*

Tuan Waytha Moorthy a/ Ponnusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan komen Tuan Yang di-Pertua tadi. Soalan saya spesifik. Walau bagaimanapun, saya cuma ingin tanya tanpa mempolitikkan isu kaum India. Saya cuma ingin tanya, sama ada adakah pihak kementerian akan memberikan penumpuan kepada remaja-remaja belia yang terjerus dalam kegiatan jenayah. Sama ada kementerian akan menjalankan apa-apa usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di kalangan remaja? Adakah apa-apa program khas untuk yang miskin tegar ataupun yang golongan B40 masyarakat India? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan peruntukan yang telah diberi ialah mengikut permohonan NGO-NGO yang juga menjadi pelaksana kepada program untuk meningkatkan sosial ekonomi. Secara spesifiknya, kementerian bercadang untuk membahagikan peruntukan mungkin pada tahun akan datang sebanyak 20 peratus melalui NGO dan sebanyak 80 peratus di bawah kementerian.

Maka, kita akan susunkan program-program seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal jenayah tadi?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya, kita akan susunkan kerana sebelum ini semua pelaksanaan adalah di bawah NGO-NGO. Program pembangunan modal insan dan pendidikan merangkumi pelaksanaan program bantuan kewangan kepada mahasiswa, program latihan kemahiran dan persijilan profesional dalam bidang analisa perniagaan serta program intervensi pelajar bermasalah dan program bijak wang.

Kita mengharapkan program-program sedemikian dapat membantu untuk memberi peluang pekerjaan yang lebih kepada belia-belia dan secara tidak langsung atau secara

langsung mengurangkan kadar jenayah. Program pembangunan keusahawanan dan kerjaya merangkumi pembuatan, usahawan sosial, Revolusi Industri 4.0, bimbingan dalam modal perniagaan mampan dan sokongan pembiayaan perniagaan dan artisan batik.

Maka, kita mengharapkan ini dapat menyasarkan mereka yang lepasan sekolah dan sebagainya. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Yang Berhormat tadi berpantun ya. Sebenarnya saya tidak harus berpantun. Ini sebab bila saya mula berpantun, Yang Berhormat payah hendak jawab [*Ketawa*] Jadi, saya bagi senang saja.

*Kerakap tepi permatang;
Permatang ada di sana;
Bercakap jangan panjang;
Bertandang jangan lama [Ketawa]*

Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

*Buah dokong buah rambutan;
Enak rasanya sedap dimakan;
Soalan saya nombor sembilan;
Mohon Menteri kemukakan jawapan.*

9. Tuan Idris bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, usaha dan tindakan kerajaan untuk mengambil peluang di dalam sektor pembuatan serta penghasilan sarung tangan getah yang dilihat semakin rancak semenjak COVID-19 melanda, sebagai di antara sumber pendapatan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil peluang di dalam sektor pembuatan serta penghasilan sarung tangan getah yang rancak berkembang, usaha dan tindakan kerajaan adalah seperti berikut.

Pertama, menggalakkan industri sarung tangan getah untuk membuat pelaburan semula atau pelaburan tambahan di mana skim galakan Elaun Pelaburan Semula Khas (EPS Khas) di bawah PENJANA telah disediakan.

Kedua, menggalakkan penggunaan automasi dan teknologi tinggi dalam industri sarung tangan getah di mana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya MIDA, turut menawarkan insentif Elaun Modal Automasi bagi menggalakkan industri yang berintensif buruh untuk menggunakan automasi dalam sektor perkilangan.

Ketiga, untuk memberikan kelulusan penubuhan kilang dengan kadar lebih cepat dan dengan kadar segera di bawah PENJANA, kita telah memperkenalkan inisiatif berikut. Pertama, syarikat boleh mendapatkan kelulusan lesen pengilang dalam tempoh 48 jam menerusi inisiatif permohonan lesen pengilang secara atas talian ataupun secara ringkas EML. Kedua, menubuhkan Unit Penyelarasan dan Akselaras Projek (PACU) di bawah MIDA untuk menawarkan fasilitasi menyeluruh dan memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, produk yang dihasilkan perlu dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Begitu juga, sarung tangan getah di mana MITI melalui agensinya MATRADE telah membantu syarikat-syarikat tempatan untuk memasarkan produk mereka melalui inisiatif berikut:

- (i) padanan perniagaan secara maya di antara pengeksport tempatan dan pembeli luar negara;
- (ii) menggalakkan penyertaan syarikat tempatan di dalam pameran contohnya, MyAPEC 2020 yang dilancarkan mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020;
- (iii) penganjuran Hari Eksport Kebangsaan secara maya yang telah dilancarkan semalam untuk membincangkan dan membolehkan pengeksport tempatan membincangkan peluang perniagaan yang wujud ekoran krisis pandemik COVID-19; dan
- (iii) bantuan Geran Pembangunan Pasaran (MDG) yang menampung kos penyertaan syarikat tempatan di dalam pameran dagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada permintaan yang tinggi dan usaha kerajaan yang saya sebutkan tadi, industri sarung tangan getah, pengeksportan sarung tangan getah Malaysia telah meningkat dari RM10.03 bilion bagi tempoh Januari hingga Julai 2019 kepada RM15.06 bilion bagi tempoh yang sama tahun ini iaitu peningkatan sebanyak 50.1 peratus.

Jumlah permintaan sarung tangan getah sedunia dianggarkan berjumlah 330 bilion unit pada tahun ini yakni pada tahun 2020 di mana sebanyak 67 peratus daripada jumlah keperluan ini dibekalkan oleh negara kita Malaysia. Ini juga merupakan satu peluang baik untuk negara kita memperkuatkan jenama dan keyakinan terhadap produk Malaysia di peringkat antarabangsa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kerajaan akan terus memperkasakan industri penghasilan sarung tangan getah untuk membantu merencanakan semula ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan jawapan yang diberikan hampir 30 bilion unit yang diperlukan untuk sarung tangan dan sebanyak 67 peratus pula ialah daripada negara kita.

■1100

Adakah dengan permintaan yang begitu tinggi akan dapat membantu dan meningkatkan taraf hidup penoreh getah? Ini kerana pagi ini penoreh-penoreh getah di Baling, Sik, Gerik dan Jeli menganggap kenapa getah mereka tidak naik, sedangkan permintaan sarung tangan getah begitu tinggi. Saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat sebutkan 30 bilion unit, sebenarnya ialah 330 bilion unit dihasilkan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sarung tangan yang dihasilkan kalau mengikut data yang dikemukakan oleh Jabatan Statistik, jumlah sarung tangan getah yang menggunakan getah asli sebenarnya adalah lebih kurang 60 peratus daripada jumlah keluaran di mana selebihnya menggunakan getah sintetik.

Di kalangan kilang-kilang yang menghasilkan sarung tangan getah sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua kita memang menggalakkan kilang-kilang tersebut agar menggunakan getah asli tempatan supaya ia dapat membantu penoreh-penoreh getah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator untuk menaikkan harga getah asli.

Saya fikir ini merupakan satu usaha berterusan bukan sahaja Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kita juga akan bekerjasama dengan kementerian lain yang berkaitan untuk kita mengoptimumkan penggunaan getah asli tempatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad.

Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua...

*Pengenalan diri sistem maklumat;
Sudah terang lagi bersuluh;
Kad pengenalan berkualiti ke arah selamat;
Mohon perjelas soalan nombor sepuluh.*

10. Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa lama jangka masa untuk pihak kerajaan melaksanakan proses menukar kad pengenalan baharu yang berkualiti dan lengkap dengan ciri-ciri keselamatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya berada di hadapan Dewan yang mulia ini dan berhadapan

dengan Tuan Yang di-Pertua pakar pantun, saya tidak berani hendak jawab takut tersasar. Jadi, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, biar ringkas sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk menukar kad pengenalan warganegara yang baru atau MyKad yang baru setakat ini kementerian tiada cadangan. Cuma kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa terbuka untuk mengkaji dan mendengar pandangan-pandangan daripada mana-mana pakar untuk kita menukar MyKad sekiranya ada keperluan pada masa-masa akan datang.

Cuma saya hendak nyatakan bahawa MyKad yang sedia ada dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang bermutu tinggi serta lebih canggih yang mana:

- (i) diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf;
- (ii) cip MyKad melalui beberapa peringkat ujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad; dan
- (iii) turisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil atau, dengan izin, *ghost image* bagi mengelakkan maklumat daripada dipinda. Sekiranya terdapat pindaan, pindaan tersebut dapat dikesan dengan mudah dan pantas.

Oleh itu, saya menyeru kepada orang ramai untuk mematuhi Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 di mana setiap masa, kita mestilah membawa kad pengenalan kita dan bertanggungjawab menyimpan kad pengenalan kita di tempat yang selamat. Mana-mana yang gagal berbuat demikian boleh didenda di bawah Peraturan 25(1)(n) boleh didenda maksimum RM20 ribu, atau penjara hingga sampai maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana beberapa operasi ID diadakan contohnya Operasi ID Kutip yang telah mengadakan 57 operasi secara *random* untuk orang ramai mempamerkan atau membuktikan mereka mempunyai kad pengenalan yang sah dan sentiasa berada di samping tuan punya atau warganegara Malaysia. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana sentiasa membawa isu-isu mengenai keselamatan dan kedaulatan negara. Terima kasih.

Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, apakah hasil siasatan pihak polis berkenaan laporan polis yang telah dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada 1 Mei 2020 terhadap satu laman sesawang yang mengiklankan dan menjual MyKad palsu dalam talian

kerana jenayah pemalsuan MyKad mampu mencemarkan nama baik Jabatan Pendaftaran Negara. Soalan yang kedua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Hanya soalan itu pun tidak berkaitan dengan soalan yang asal. Terserah kepada pihak berkenaan untuk respons. Tolong kaitkan soalan itu supaya ia menjadi sebahagian daripada pertanyaan asal.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Jabatan Pendaftaran Negara melalui kerjasama dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti polis dan sebagainya sentiasa mengadakan operasi-operasi dan juga memandang berat terhadap mana-mana sindiket yang melakukan tindakan untuk memalsukan kad pengenalan ini atau MyKad ini. Kes ini di dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia dan kita akan meneruskan siasatan supaya mana-mana sindiket akan kita bawa ke muka pengadilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

11. Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Kesihatan menyatakan, status terkini pandemik COVID-19 di negara ini. Berapakah jumlah kes COVID-19, kematian dan yang sembuh? Adakah terdapat sebarang masalah ke atas ujian yang dijalankan dan apakah protokol ubatan yang diguna pakai?

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman KKM secara harian melaporkan secara terperinci statistik berkaitan dengan jangkitan COVID-19 melalui CPRC Kebangsaan yang boleh diakses melalui aplikasi telegram.

Sehingga 8 September 2020, kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah seramai 9,559 orang dan daripada jumlah itu 9,136 kes telah sembuh dan *discharge* daripada wad menjadi kadar kesembuhan 95.5 peratus. Sebanyak 128 kes telah dilaporkan meninggal dunia menjadikan kadar kematian sebanyak 1.34 peratus. Seramai 1.3 juta individu telah di sampel menjadikan kadar ujian COVID-19 yang dijalankan di Malaysia adalah 41:1,000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemunculan pandemik COVID-19, KKM telah membangunkan protokol rawatan COVID-19 yang dikemas kini berdasarkan saranan badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan izin, kajian saintifik dan keberkesanan rawatan ke atas pesakit-pesakit di Malaysia dan di luar negara.

Sehingga kini, tiada ubat khusus bagi merawat COVID-19. Protokol rawatan terkini berpandukan tahap klinikal COVID-19, status klinikal pesakit, keputusan ujian makmal dan

radiologi serta pelan rawatan pesakit. Pelan rawatan bagi pesakit COVID-19 di Malaysia adalah berdasarkan lima tahap:

- (i) tidak bergejala;
- (ii) bergejala tanpa radang paru-paru;
- (iii) bergejala dengan radang paru-paru;
- (iv) bergejala dengan radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen;
dan
- (v) pesakit kritikal dengan penglibatan multi organ.

Secara amnya, kesemua pesakit COVID-19 akan diberikan rawatan simptomatik bagi merawat gejala pesakit tersebut seperti contoh pemberian ubat demam serta penjagaan nutrisi yang optimum dan penjagaan sistem pengairan darah yang seimbang. Pemberian beberapa jenis ubatan yang lebih spesifik adalah berdasarkan tahap klinikal pesakit. Di antara ubat-ubatan yang termasuk di dalam protokol rawatan bagi pesakit COVID-19 adalah seperti berikut, pertamanya rawatan *antiviral*, antibiotik dan *immunomodulatory*. Ubat *antiviral* seperti contohnya Favipiravir dan ubat *immunomodulatory* seperti contohnya *Dexamethasone* yang berfungsi untuk memperbaiki respons sistem pertahanan tubuh.

■1110

Ubat antibiotik diberi jika pesakit disyaki atau disahkan mendapat jangkitan bakteria. Rawatan profilaksis ubat pencair darah bagi *venous thromboembolism*, dengan izin. Di antara ubat pencair darah yang diberikan adalah seperti *low-molecular-weight-heparin (enoxaparin)*, dengan izin, rawatan ini hanya diberikan kepada pesakit dalam kategori klinikal tahap empat dan lima bagi mengelakkan keadaan darah beku dalam saluran darah. Sokongan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tengoklah soalan itu, jawab sikit. Dia hendak tanya antibiotik kah atau hal lain. Itu komen saya. Tolong tengok betul-betul.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Protokol saja, sedikit saja Tuan Yang di-Pertua. Rawatan cecair atau infusi intravena akan diberikan kepada pesakit untuk mengekalkan sistem peredaran darah dan mengelak daripada terjadinya renjatan *acute* yang boleh mengancam nyawa.

Protokol ini sentiasa dikemas kini berdasarkan perkembangan terkini dan bukti saintifik. KKM sentiasa komited dengan memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit COVID-19. Sekian, terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, siapa berdiri dulu.

Dr. Nuing Jeluing: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Orang lain dah berdiri dulu, lambat *beno [Ketawa]* Sila, sila.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ketika ini ada banyak negara mengeluarkan vaksin seperti China, India, Rusia, Thailand dan *United Kingdom*. Kini negara China sedang melakukan ujian klinikal ketiga bagi *antiviral* ini. Sekiranya vaksin ini...

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat Senator.

Dr. Nuing Jeluing: Soalnya- ini soalan. Sekiranya vaksin ini terbukti berkesan, adakah kementerian akan mengguna pakai vaksin itu sebagai satu langkah untuk mencegah COVID-19? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memanglah pada ketika ini rawatan untuk COVID masih belum ada dan juga vaksin pun belum jumpa. Sebenarnya, kalau kita ada rawatan yang khusus dan kita ada vaksin, maka harapan untuk penyembuhan daripada COVID ini adalah sangat tinggi. Jadi, pada ketika ini memang tidak ada lagi vaksin yang ditemukan. Sesuatu vaksin mestilah menjalani beberapa tahap fasa pra klinikal dan klinikal untuk menentukan keberkesanan dan keselamatan kepada manusia.

Jadi, pada negara kita pada hari ini, memang kita ada membuat kolaborasi strategik dengan beberapa buah negara. Kita juga berusaha untuk menyediakan vaksin di peringkat yang terlalu awal bagi negara kita yang pada ketika ini tidak mampu mengadakan vaksin lagi.

Jadi sudah pasti, jika ada mana-mana negara yang telah melalui fasa-fasa pra klinikal dan klinikal dan telah diberi kelulusan oleh WHO dan juga komiti berkenaan dengan keberkesanan dan keselamatan untuk menggunakan vaksin ini, maka sudah tentulah kerajaan kita khususnya saya percaya akan berusaha untuk mendapatkan vaksin supaya kita dapat menggunakan kepada rakyat di negara ini. Terima kasih.

12. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, langkah-langkah oleh pihak kementerian untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat Labuan terutamanya iltizam untuk pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab secara tepat dan ringkas yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus.

Dato' Seri Dr. Santhara: Terdapat tiga inisiatif yang telah dilaksanakan. Peringkat pertamanya ialah:

- (i) inisiatif semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- (ii) inisiatif semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ataupun Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP); dan
- (iii) strategi tambahan pemulihan ekonomi.

Bagi peringkat PKP, kita telah memperkenalkan Inisiatif Wilayah Cakna iaitu pengecualian bayaran sewa rumah milik PA selama enam bulan, 546 akaun yang melibatkan RM933,210.

Keduanya adalah pengecualian bayaran sewa premis perniagaan milik PL semasa enam bulan, 774 akaun yang melibatkan sejumlah RM1,036,110. Bantuan sara hidup untuk penjaja dan peniaga kecil, seramai 1,300 orang, setiap seorang menerima sejumlah RM500 melibatkan sebanyak RM650 ribu. Bantuan makanan, kebajikan dan kesihatan warga Labuan dengan jumlah RM50 ribu dan sehingga kini nilainya berjumlah lebih kurang RM2.669 juta. Pemberian diskaun sebanyak 30 peratus iaitu kadar pajakan untuk tempoh lima bulan dari bulan Mac sehingga Julai 2020 dengan diskaun 30 peratus kepada sejumlah 108 lot tanah adalah sebanyak RM987,292.

Tahap keduanya ialah inisiatif semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat adalah iaitu usaha merancakkan semula ekonomi. Ia melibatkan projek Pakej Rangsangan Ekonomi, Tabung Penyelenggaraan Wilayah Persekutuan Labuan (PRETPWB) dengan jumlah 12 projek bernilai RM1.5 juta.

Keduanya, dalam merancakkan semula ekonomi adalah pelaksanaan sebanyak 40 projek pembangunan untuk tahun 2020 di Wilayah Persekutuan Labuan dengan peruntukan RM139 juta. Ini adalah sejumlah 40 projek pembangunan bagi tahun 2020 di Wilayah Persekutuan. Manakala, memandangkan ianya satu perkara yang serius dan juga Labuan harus diberikan perhatian, maka di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, satu majlis penubuhan iaitu Majlis Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan (MTPWPL) Khas telah pun ditubuhkan dan ianya telah pun dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Menteri sendiri bagi memastikan pemantauan dan penyelenggaraan projek-projek yang diluluskan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Mesyuarat pertama telah pun diadakan pada 3 September.

Akhir sekali ialah Program Pembangunan Usahawan Digital iaitu di bawah strategi tambahan pemulihan di mana PL berserta SIRIM, MIDEK dan MPC sedang mengadakan kursus usahawan digital dan sesi bimbingan bermula Ogos sehingga Disember 2020 melibatkan seramai 200 orang peserta telah pun dimulakan. Manakala, PL juga berusaha mewujudkan portal *online* bagi memudahkan perkhidmatan...

Tuan Yang di-Pertua: Cakap tadi hendak ringkas? Kata tadi hendak ringkas?

Dato' Seri Dr. Santhara: Ringkas. Akan tetapi, saya hendak pastikan tepat dan padat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Kita difahamkan fasa

pemulihan COVID-19 ataupun PKPP banyak syarikat yang telah memulakan operasinya di Labuan.

Soalan tambahan saya, apakah perancangan kementerian bagi memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi ini mengutamakan anak Labuan dalam peluang-peluang pekerjaan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara: Bagi pihak Perbadanan Labuan, kita akan pastikan bahawa keutamaan diberikan kepada anak-anak tempatan dari Labuan dan juga sebagainya di bawah dalam bidang Kementerian Wilayah Persekutuan. Akan tetapi, bagi syarikat-syarikat swasta dan sebagainya, kita akan mengesyorkan agar mereka memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan.

13. Puan Asmak binti Husin minta Perdana Menteri menyatakan perjalanan Dasar Tahfiz Negara dan langkah sokongan yang diambil bagi memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan di peringkat negeri mencapai objektif yang telah digariskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang diperkenalkan sejak tahun 2016 masih diteruskan sehingga kini. Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap isu tahfiz yang perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa. Dasar ini menggariskan lima teras utama iaitu:

- (i) memantapkan undang-undang dan juga penguatkuasaan;
- (ii) mewujudkan model institusi tahfiz;
- (iii) mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
- (iv) memperkasakan tadbir urus tahfiz; dan
- (v) mewujudkan sistem pengiktirafan dan persijilan bagi institusi tahfiz.

Pelaksanaan DPTN juga mendapat kerjasama yang baik daripada pihak berkuasa agama negeri. Antara platform yang digunakan bagi membincangkan dan memantau pelaksanaan DPTN ialah melalui persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi atau *High Level Committee* (HLC) mengenai tahfiz dan pendidikan tahfiz, Mesyuarat Jawatankuasa Induk DPTN dan Majlis Tahfiz Negara. Kesemua platform mesyuarat tersebut turut melibatkan wakil daripada setiap negeri bagi tujuan memudahkan penyelarasan dan pelaksanaan setiap keputusan yang dicapai.

Untuk aspek yang terpenting dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara iaitu penyelarasan, pengiktirafan dan persijilan, bagi merealisasikan teras kelima ini, kerajaan melalui Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) telah bersetuju agar fungsi LEPAI diperkasakan bagi tujuan menyelaraskan syarat-syarat kelayakan dan kehendak bagi tujuan mengiktiraf ke atas sekolah agama dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya melalui penubuhan sebuah jawatankuasa di bawah LEPAI dalam persidangan LEPAI kali ke-50 pada 27 Mac 2020 iaitu Majlis Tahfiz Negara.

■1120

Jawatankuasa ini akan memperkukuhkan bagi kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa negeri khususnya dalam hal-hal yang berkaitan penyelarasan, pengiktirafan dan penarafan kepada individu dan institusi tahfiz.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli-ahli Dewan, majlis pelancaran Majlis Tahfiz Negara akan diadakan pada 8 Oktober 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan sistem sokongan untuk sekolah tahfiz swasta. Antara cabaran utama yang dihadapi ialah latihan perguruan kerana kekurangan kewangan dan juga sumber.

Oleh itu, adakah pihak kerajaan menyediakan inisiatif untuk latihan perguruan termasuk latihan secara berkala atas talian untuk sekolah tahfiz swasta? Sekian, terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang sangat menarik. Untuk makluman Ahli Dewan dan juga semua, secara spesifiknya peruntukan bagi latihan *online* belum dilaksanakan. Walau bagaimanapun, soalan dan cadangan Yang Berhormat merupakan cadangan yang baik dan pihak kami akan mempertimbangkan untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah tahfiz swasta adalah berdaftar dengan kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Sehingga ini, walaupun kita tidak menyediakan subsidi kursus secara *online* tetapi kita telah pun mengadakan kursus-kursus yang melibatkan pentadbir tahfiz iaitu pada tahun 2019 yang kita telah memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta. Begitu juga dengan tahun 2020 ini, walaupun tidak ada peruntukan spesifik di bawah Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri tetapi kursus-kursus yang melibatkan kepakaran, soal keselamatan dan juga pengurusan tahfiz telah dikelolakan oleh pihak NIOSH dengan kerjasama pihak JAKIM secara spesifik.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya beberapa nama ataupun pihak-pihak yang terbabit untuk

dimasukkan dalam senarai itu kita akan mempertimbangkan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

14. Datuk Lee Tian Sing minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kementerian akan meneliti semula dasar dan memberi penekanan yang lebih kepada pembangunan pendidikan vokasional di negara ini sebagai salah satu langkah untuk menyelesaikan masalah pengangguran dengan memenuhi permintaan industri-industri untuk tenaga kerja mahir.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Senator atas soalan nombor 14.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berusaha untuk mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta melengkapkan ekosistem TVET di Malaysia supaya seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 dan selari dengan permintaan pasaran pekerjaan serta keperluan industri.

Justeru, Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) telah diterbitkan sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah seliaan kementerian iaitu politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional dan, dengan izin, *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang terdiri daripada empat buah universiti awam iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Untuk menyediakan ekosistem TVET yang berupaya menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Teras satu dalam rangka kerja tersebut, menggariskan panduan untuk menghasilkan graduan TVET yang mempunyai kebolehpasaran tinggi, menambah baik ekosistem keusahawanan serta membangunkan graduan TVET sebagai warga global yang berdaya saing.

Selain itu, program-program pengajian turut ditambah baik dengan penglibatan industri secara aktif untuk lebih responsif dan relevan dengan keperluan semasa. Kursus-kursus baharu seperti kursus *Internet of Things, Big Data, cyber security, robotics, gaming, programming* dan *augmented reality* juga diserapkan ke dalam program pengajian supaya selari dengan kehendak industri. Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga telah membangun dan melaksanakan Akreditasi TVET Tunggal dan sistem baharu ini bertanggungjawab mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework*.

Melalui pelaksanaan Akreditasi TVET Tunggal ini dapat membuka peluang pendidikan atau latihan terutamanya kepada pelajar kurang kecenderungan akademik melalui artikulasi yang lebih luas dan pendidikan yang lebih jelas. Ia juga dapat meningkatkan kemahiran

pelajar melalui penglibatan aktif industri dan secara langsung dapat membuka laluan kerjaya yang lebih baik.

Selain itu, pelaksanaan Akreditasi TVET Tunggal ini juga akan meningkatkan kerjasama dan hubungan terus antara institusi-institusi TVET melalui jaringan tenaga kerja berkemahiran tinggi di samping menggalakkan inovasi ke arah pembaharuan dalam peningkatan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memperluaskan laluan kerjaya graduan TVET untuk melanjutkan pengajian dan mendapatkan pekerjaan. Justeru, rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah mula menawarkan kursus ijazah untuk pelatih yang telah menamatkan pengajian dari kolej vokasional mulai sesi akademik tahun 2019 dan 2020. Bermula sesi akademik tersebut, MTUN telah menawarkan Program Sarjana Muda Teknologi yang memberi fokus kepada kebolehan dan kemahiran pelajar dalam sesuatu kemahiran vokasional serta turut menekankan aspek keusahawanan. Ini memberi fleksibiliti kepada pelajar untuk memilih bidang pekerjaan atau menjadi usahawan setelah tamat pengajian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut. Apakah bentuk atau jenis jaringan kolaborasi pintar yang telah dirangka untuk graduan TVET oleh pihak kementerian bersama pemain-pemain industri di Malaysia?

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua. Untuk jaringan kolaborasi pintar yang dilaksanakan bersama industri di antara termasuk. Pertama, Majlis Penasihat Industri yang berperanan memberi pandangan dan berkongsi maklumat terhadap hala tuju industri peringkat nasional dan juga global. Justeru itu, kewujudan majlis ini membantu kementerian merancang pelan tindakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Kedua, *Structure Internship Programme* (SIP) di mana industri melatih pelajar dan bakal graduan agar menepati keperluan industri. Industri yang bekerjasama dalam pelaksanaan SIP adalah yang bertaraf *Government Link Companies* (GLC) dan *multinational companies* (MNC) khususnya di bidang teknologi tinggi.

Ketiga, *Centre Of Technology* (COT) atau *Centre of Excellence* (COE) diwujudkan di institusi bagi membolehkan perkongsian kepakaran antara industri dan institusi dan pihak industri juga menyumbang peralatan di COT dan COE untuk dimanfaatkan oleh pelajar

Keempat, *Engineering* ataupun *UM Industrial Innovation Center* di kampus UM yang melibatkan kerjasama dengan lima syarikat global iaitu *Motorola Solutions*, *Daikin*, *Ossur*, *Proton* dan *Rohde and Schwarz* Malaysia. Ini merupakan di antara jaringan industri yang

dilaksanakan oleh kementerian bagi menangani isu tersebut Yang Berhormat. Terima kasih.

15. Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, usaha kerajaan dalam menggiatkan pertumbuhan hasil tanaman lada hitam dan lada putih di Sarawak dan sejauh mana usaha yang dilakukan untuk menggiatkan pertumbuhan sektor perladangan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada saudara saya Yang Berhormat Dato' Zaiedi Suhaili daripada Sarawak juga. Memang permasalahan dan juga industri lada ini dekat di hati beliau.

■1130

Jadi, mengenai soalan yang diketengahkan iaitu berpangkal pada menggiatkan pertumbuhan hasil tanaman lada dan juga menggiatkan pertumbuhan sektor perladangan industri lada.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, pada tahun 2020 Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada yang dilaksanakan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB) bagi meningkatkan kawasan penanaman lada sekali gus meningkatkan lagi hasil lada negara kita.

Bantuan yang disalurkan kepada pekebun kecil lada di bawah program ini adalah seperti pengimport pertanian, pembayaran insentif bagi keratan lada dan tiang sokongan serta khidmat nasihat teknikal kepada penanam-penanam lada di negara kita. Selain itu, kemudahan bantuan lepas tuai seperti pengipas, peleraai, *spiral separator*, dengan izin, pelantar jemuran, tangki rendaman serta bahan binaan untuk empangan kecil anak sungai juga disediakan kepada pekebun kecil lada.

Bantuan ini disediakan untuk menghasilkan lada hitam dan lada putih berkualiti premium dan untuk menghasilkan lada premium ini mereka perlu membuat beberapa proses tambahan. Untuk menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan lada premium seperti lada berkualiti eksport dan lada putih krim ataupun *creamy white paper*. Penghasilan LBE dan LPK dapat memberi manfaat kepada pekebun kecil dengan mendapat harga yang lebih tinggi berbanding dengan lada gred biasa.

Di samping itu, untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara bagi merencanakan aktiviti penanaman lada Kerajaan Perikatan Nasional telah meluluskan peruntukan sebanyak RM16.11 juta melalui bantuan input pertanian pekebun kecil lada di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN). Pada tahun 2020, bantuan ini membantu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Tuan Willie Anak Morgin: Pekebun lada di seluruh negara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang lagi kah? Oleh sebab jam sudah pukul 11.32.

Tuan Willie Anak Morgin: Okey, sedikit lagi kita akan habiskan. Untuk penyelenggaraan kebun lada sedia ada terkesan oleh pandemik COVID-19 melalui penyaluran bantuan secara sistem baucar dan baucar ini boleh pekebun kecil lada membeli input pertanian dan peralatan pertanian untuk menyelenggarakan kebun lada mereka untuk meningkatkan produktiviti tanaman serta meningkatkan pendapatan mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sesi jawab lisan selesai.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Selesai dan Setiausaha Dewan sila buat pengumuman.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas.”

[8 September 2020]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.34 pg.

Datuk Lee Tian Sing: Salam sejahtera dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua yang baharu. Semoga dengan pelantikan Tuan Yang di-Pertua akan dapat terus memperkasa dan memakmurkan Dewan yang Mulia ini.

Pertamanya, saya ingin menzahirkan rasa kagum dan bangga di atas kebijaksanaan Baginda Tuanku dalam mengawal serta merungkaikan ketidaktentuan cuaca politik yang melanda negara sekitar awal tahun ini. Ini terjadi susulan peletakan jawatan oleh Mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-7 pada tanggal 24 Februari 2020 yang secara automatik telah mengakibatkan keruntuhan Kerajaan Pakatan Harapan.

Baginda Tuanku dengan penuh tertib melaksanakan kebijaksanaan menggunakan Perlembagaan Persekutuan sehingga berjaya menyelesaikan satu belunggu politik yang belum pernah berlaku dalam sejarah negara kita. Pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-8, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dengan terbentuknya sebuah kerajaan baharu adalah tidak wajar di tohmah sebagai kerajaan pintu belakang. Titah Tuanku ini menjadi bukti jelas keabsahan kerajaan baharu yang dibentuk berasaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sesungguhnya, label kerajaan pintu belakang atau kerajaan tepuk atap seperti yang dimainkan segelintir pihak tertentu hanya memberi bayangan betapa masih ramai dalam kalangan kita tidak benar-benar menghayati atau memahami prinsip kedua yang terkandung dalam Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Ketaasuban segelintir pemain politik terhadap parti dan figura politik ternyata telah mengikis sifat hormat dan taat kepada Yang di-Pertuan Agong dengan melemparkan pelbagai tohmahan hanya kerana keputusan Baginda Tuanku tidak memihak kepada mana-mana kumpulan tertentu.

Perkara sebegini tidak seharusnya berlaku khususnya rakyat Malaysia yang begitu terkenal dengan ketinggian sifat menghormati pemimpin seperti Raja-Raja kita. Perbezaan ideologi politik bukanlah lesen untuk kita bersikap tidak bertamadun dan tidak sopan terhadap para pemimpin negara.

Oleh yang demikian, dalam menyentuh mengenai salah satu topik perbahasan saya hari ini ingin saya utarakan pertanyaan berikut kepada kementerian berkaitan mengenai apakah usaha-usaha atau inisiatif terbaharu di bawah pentadbiran Kerajaan PN dalam memperkasa rumpun perpaduan negara dan bagaimana kerajaan menilai tahap kecaknaan rakyat Malaysia terhadap asas-asas kenegaraan misalnya seperti pengetahuan tentang Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya alihkan tumpuan seisi Dewan ini kepada topik perbahasan yang seterusnya iaitu mengenai pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia saat ini. Sedar atau tidak sudah hampir sembilan bulan negara kita bergelumang pandemik COVID-19 sejak Malaysia mencatatkan kes pertama pada 25 Januari 2020 membabitkan seramai tiga orang warga China yang masuk melalui Johor dari Singapura dan sejak itu angka terus bertambah.

Mujur barisan hadapan kita yang dipimpin oleh Ketua Pengarah Kesihatan kita Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah bersama-sama agensi lain telah tampil dengan begitu ampuh dengan merencana strategi bagi mengawal penularan pandemik COVID-19 ini di seluruh negara.

Saya juga menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Ogos yang lalu mengenai pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember 2020 yang mana merupakan satu kewajaran bagi kita bersama-sama mencegah musuh yang tidak kelihatan ini.

Mahu tidak, inilah jalan yang terpaksa dilalui oleh seluruh rakyat Malaysia pada saat yang sukar ini. Saya yakin tiada siapa yang menjangkakan kita bakal mengharungi satu senario ancaman wabak hingga mengubah kehidupan seluruh umat manusia di muka bumi secara total.

■1140

Era pasca COVID-19 telah mengubah tatacara kehidupan kita kepada satu keadaan yang disebut sebagai norma baharu atau *new normal*. Setelah beberapa bulan, masyarakat kita sudah berupaya untuk membudayakan amalan norma baharu ini seperti mengamalkan aktiviti seharian secara dalam talian, menjaga kebersihan dengan lebih kerap dan menjaga jarak sosial.

Inisiatif yang telah diterjemahkan melalui pakej PRIHATIN dan PENJANA mula menunjukkan kesan positif kepada usaha pemulihan. Saya mengharapkan kerajaan perlu terus berusaha menyampaikan bantuan kepada rakyat terbawah khususnya mereka yang sangat terkesan akibat COVID-19.

Sehubungan ini, pertanyaan saya berkaitan pandemik COVID-19 kepada kerajaan adalah, apakah kerajaan sedia mempertimbangkan peningkatan jumlah Bantuan Sara Hidup

kepada golongan B40 dan M40 yang terjejas akibat COVID-19 ini di dalam penyediaan Belanjawan 2021 yang akan datang ini?

Tuan Yang di-Pertua, topik seterusnya yang saya ingin sentuh adalah mengenai pendidikan. Mendepani suasana pasca COVID-19, kesiapsiagaan lapangan pendidikan kita perlu segera diadaptasikan dengan pengamalan norma baharu.

Pandemik ini telah menyebabkan semua pelajar dan pengajar terpaksa memanfaatkan rangkaian alat teknologi sedia ada untuk melakukan aktiviti PDP secara dalam talian sama ada melalui platform *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook Live*, *Google Classroom* dan pelbagai medium teknologi yang lain. Malah, untuk tempoh sepanjang PKP tempoh hari, guru-guru di Malaysia telah merekodkan carian *Google Classroom* paling tinggi di dunia mengatasi Indonesia yang berada di tangga kedua, diikuti Albania, Serbia dan Hungary bagi kedudukan lima teratas. Hal ini membuktikan betapa pentingnya penggunaan teknologi dalam mendampingi dunia yang sedang kucar-kacir akibat penangan virus ini.

Insiden yang tular di media sosial pertengahan tahun ini apabila seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terpaksa memanjat pokok di kampungnya di Pitas, Sabah demi mendapatkan talian Internet untuk menduduki peperiksaan dalam talian telah mendedahkan tahap capaian Internet dan telekomunikasi di sesetengah kawasan pedalaman di negara ini. Ini ditambah dengan perbezaan ketara yang boleh dilihat jika kita membandingkan kadar penembusan jalur lebar antara negeri melalui statistik suku ketiga tahun 2019 yang dikeluarkan oleh...

Tuan Lew Chin Tong: Boleh mencelah tidak?

Datuk Lee Tian Sing: ...Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kadar penembusan...

Tuan Lew Chin Tong: Yang Berhormat?

Datuk Lee Tian Sing: ...Jalur lebar di Kuala Lumpur misalnya mencapai 265 peratus, jauh lebih tinggi dari negeri Sabah yang hanya mempunyai kadar penembusan jalur lebar iaitu 80 peratus.

Tuan Lew Chin Tong: Yang Berhormat?

Datuk Lee Tian Sing: Diikuti oleh Kelantan, 93.1 peratus; Wilayah Persekutuan Labuan, 95.9 peratus dan Terengganu, 97.4 peratus.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, mohon mencelah.

Tuan Lew Chin Tong: Mohon mencelah. Yang Berhormat setuju tidak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara harus memanggil Timbalan Menteri KKMM supaya jawab isu Veveonah ini? Isu ini telah menunjukkan *digital divide* di negara ini dan Dewan Negara harus ambil tindakan. Adakah Yang Berhormat setuju?

Datuk Lee Tian Sing: Setuju. Statistik ini ternyata merungkai lebih banyak persoalan tentang sejauh manakah lapangan pendidikan kita telah bersedia untuk mengadaptasi penggunaan teknologi secara total dan berapa tempoh masa yang diperlukan oleh kita benar-benar mempercepatkan revolusi teknologi sistem pendidikan negara. Apakah inisiatif pihak kementerian bagi membantu para pelajar yang tidak mempunyai akses kepada peranti teknologi ini untuk mengelakkan mereka dari terus tercicir dalam peralihan pembelajaran ke platform dalam talian?

Beralih kepada isu seterusnya yang ditekankan oleh Baginda Tuanku iaitu polarisasi kaum. Realitinya hari ini, polarisasi kaum semakin membara dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya kita boleh lihat trend ini semakin menjadi-jadi melalui platform media sosial seperti di *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Hampir setiap hari, saban waktu ada sahaja tangan-tangan yang sengaja cuba mewujudkan provokasi bersifat perkauman di platform media sosial tersebut. Malah, jika kita melihat di bahagian seksyen “Komen” di *Facebook* misalnya, pasti kita akan dapat melihat akaun-akaun palsu atau lebih popular disebut *fake account*, begitu galak...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, mohon mencelah Yang Berhormat. Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya dalam mengatasi masalah polarisasi kaum ini, apakah beliau setuju sekiranya kerajaan mempromosikan kepada rakyat, meningkatkan kefahaman rakyat tentang prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara kita? Apakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Datuk Lee Tian Sing: Saya ingat, Yang Berhormat, *this one I think we need to* gunakan kebijaksanaan kitalah supaya jangan bangkitkan perkara ini dengan sewenang-wenangnyalah demi keharmonian semua kaum di Malaysia kita.

Okey, izinkan saya teruskan. Isu ini semakin menjadi-jadi dengan segelintir portal media pula memainkan peranan dengan menyiarkan artikel berita atau laporan tertentu dengan tajuk yang bersifat *clickbait* semata-mata untuk mendapatkan perhatian dari para pembaca.

Selain itu, kontroversi Jalur Gemilang terbalik dan pengubahan Jata Negara umpamanya merupakan antara isu-isu yang berlaku sehingga mengakibatkan perbalahan dalam kalangan rakyat Malaysia. Setelah 63 tahun kita merdeka, saya yakin perkara-perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku. Sebagai rakyat yang mencintai tanah air, saya juga mengecam mana-mana pihak yang cuba melaga-lagakan rakyat kita dengan api sentimen perkauman.

Sehubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang terkini telah berjaya dilaksanakan terhadap mereka yang tidak menghormati dan tidak patriotik terhadap negara ini?

Pertanyaan saya yang seterusnya ialah sejauh manakah kerajaan dapat menyediakan satu garis sempadan khususnya untuk mengelakkan sesetengah pihak dari memanipulasi penggunaan simbol atau lambang rasmi negara sebagai sebahagian dari persembahan seni dan sebagainya memandangkan ianya adalah jati diri negara yang perlu dihormati dan dipertahankan oleh seluruh isi warganegara ini?

■1150

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan saya buat kali ini, ingin saya menjunjung tinggi segala yang dititahkan oleh baginda Tuanku dan menyokong titah ini. Pada hemat saya, penting kepada kerajaan pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengubah dan melaksanakan dasar-dasar yang berkepentingan kepada rakyat. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing yang membahas usul dengan baik dan teratur. Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan saya meminta ahli-ahli 10 orang mintalah kalau boleh limitlah, kalau boleh 20 minit sebab kita ini 10 orang ya Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Kedua, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh, dipersilakan.

11.51 pg.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan akan patuhi arahan yang diberikan atau panduan yang diberi supaya kita mempercepatkan perbahasan kita ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk melibatkan diri dalam perbahasan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua *front liners* barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus dan masih mengorbankan masa demi menjaga keselamatan semua rakyat dari ancaman pandemik COVID-19 ini. Pengorbanan mereka ini sememangnya memerlukan

penghargaan yang cukup tinggi dan memohon agar kerajaan memberi ganjaran yang lebih bermakna kepada semua *front liners* yang terlibat termasuk yang telah meninggal dunia ketika bertugas. Ini kerana kita harus menghargai pengorbanan mereka yang tak terkira ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, baginda ada menekankan betapa pentingnya keluhan negara yang dibina menerusi kesefahaman dan penyatuan antara kaum di bumi bertuah Malaysia ini. Biarkan pun kita sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang telah bunuh ratusan ribu penduduk di bumi, jangan kita abaikan kesejahteraan tanah air yang kita sanjung ini, yang kita semai dan sulam dengan sifat hormat-menghormati antara semua kaum di negara yang tercinta ini.

Sejak kebelakangan ini kita dapat rasakan nilai keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini semakin hari semakin terhakis. Ketika sesi Dewan Rakyat yang baru lepas, kita dapati ada beberapa insiden di mana kata-kata berbau krisis yang tidak sepatutnya dikeluarkan oleh wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Bukan sahaja seorang, malah ramai pemimpin-pemimpin politik dan rakyat keseluruhan tidak puas hati dan senang dengan kenyataan-kenyataan bersifat rasis lebih-lebih lagi dibuat dalam Dewan Rakyat yang mulia.

Kata-kata tersebut sudah pasti menimbulkan kemarahan dan kekecewaan rakyat terhadap ahli-ahli politik yang dengan sengaja menimbulkan provokasi perkauman. Dalam situasi ekonomi dan politik tempatan yang genting hari ini, prejudis perkauman yang tidak wajar dibangkitkan oleh mana-mana pihak. Lebih-lebih lagi dari Ahli Parlimen yang dipilih oleh semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Mereka mengundi wakil-wakil tersebut supaya menjaga keamanan dan keprihatinan tetapi mereka pula membuat perkataan-perkataan atau kata-kata yang menyakitkan hati semua orang ini.

Pada saat ini, rakyat lebih mengharapkan kestabilan ekonomi untuk terus hidup tetapi harapan ini tidak akan berjaya sekiranya kesejahteraan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama tidak dibentuk dengan sebaik-baiknya. Sewajarnya bumi Malaysia ini perlu dilihat dan dihayati sebagai bumi yang menjunjung kesopanan dan kesusilaan seperti yang terangkum dalam Rukun Negara yang kelima. Sudah 63 tahun kita merdeka, tetapi sehingga kini isu perpaduan masih lagi menjadi persoalan.

Kini kita juga langkah seterusnya iaitu penghayatan Rukun Negara, saya amat menyokong langkah ini kerana Rukun Negara merupakan teras kepada keharmonian dan penyatuan dalam negara. Akan tetapi, penghayatan Rukun Negara ini bukanlah sekadar rakyat sahaja untuk menyedari dan menghayatinya, malah pemimpin dan ahli-ahli politik juga harus menyedari dan menghormatinya. Sebagai seorang Ahli Dewan Negara, saya menjunjung setinggi-tinggi Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang menyuruh agar perpaduan negara ini dapat dikekalkan secara bersama demi mewujudkan kelangsungan negara baik dalam politik mahupun ekonomi.

Oleh itu, saya mohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam tiga perkara ini:

- (i) seperti yang ditah oleh Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan pelan tindakan perpaduan negara dalam titah baginda apakah perancangan khusus kementerian menerusi pelan tindakan ini dalam memupuk semangat *unity* Malaysia untuk jangka masa yang panjang;
- (ii) apakah pendirian kementerian dalam soal prejudis perkauman yang dicetuskan oleh segelintir ahli politik yang terlalu fanatik dan bersikap rasis dengan sentimen perkauman yang kadangkala menjadi faktor perkelahian antara kaum lebih-lebih lagi di media sosial ini; dan
- (iii) apakah bentuk usaha sama antara kementerian dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Dalam Negeri dalam mengekang sebarang bentuk provokasi perkauman baik di dalam media sosial ataupun di kehidupan realiti.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, kadar pengangguran terus meningkat di mana ramai pekerja dihentikan ketika pandemik COVID-19 ini. Begitu juga dengan perniagaan sama dengan sama ada gerai atau syarikat yang ditutup terus kerana tiada keuntungan yang dijana.

Sememangnya kerajaan telah menyediakan pakej bantuan untuk membantu pihak syarikat agar tidak memberhentikan pekerja namun apakah ia mencukupi. Di mana ketika rakyat sedang tenat bergelut dengan pengangguran, *politician* diberikan ganjaran dengan bentuk jawatan bergaji baik di antara anggota pentadbiran mahupun pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah GLC.

Jangan kita pernah lupa kadar pengangguran nasional pernah mencecah 5.3 peratus pada Mei yang lalu. Bukanlah niat saya untuk menyalahkan kerajaan, tetapi kerajaan seharusnya peka terhadap usaha-usaha yang sewajarnya dilaksanakan demi memulihkan keadaan ekonomi tempatan lebih-lebih lagi pasaran kerja yang sekarang ini menyusut. Baru-baru ini syarikat-syarikat besar telah mengumpul untuk melakukan penguncupan, *downsizing*, dengan izin, operasi dengan ribuan pekerja terpaksa diberhentikan. Penguncupan tersebut dibuat disebabkan penurunan kutipan jualan pada suku kedua tahun ini dengan penurunan sebanyak 28 peratus dicatatkan.

Downsizing yang akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tersebut memberikan isyarat jelas kepada kita bahawa ekonomi global sedang berada di dalam tahap yang menggusarkan. Pelabuhan antarabangsa tidak sehebat dahulu, syarikat-syarikat swasta sedang berhempas pulas untuk mengekalkan perniagaan mereka tanpa sebarang penutupan operasi. Golongan peniaga khususnya usahawan-usahawan kecil dan sederhana sedang

mencari talian hayat untuk meneruskan aktiviti perniagaan mereka. Jurang kemiskinan semakin melebar, yang kaya makin kaya, yang miskin papa kedana.

Selain mewujudkan bantuan atau insentif berbentuk kewangan kepada rakyat baik yang bekerja mahupun yang berniaga, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Kewangan sepatutnya merangka pelan tindakan drastik yang khusus bagi menghidupkan kembali industri-industri yang sedang tenat. *Especially* industri pelancongan yang telah banyak terlibat dalam kes ini. Rakyat perlukan duit untuk menyara hidup dan duit tidak akan datang bergolek selagi rakyat tidak ada peluang untuk bekerja mahupun berniaga.

Saya amat prihatin dengan nasib rakyat khususnya peniaga yang memerlukan bantuan kerajaan sama ada untuk memulakan perniagaan baru atau memulakan semula perniagaan yang lama ditutup. Oleh itu, saya ingin juga membangkitkan beberapa persoalan untuk perhatian dan respons Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi:

- (i) apakah perancangan kementerian dalam mewujudkan bantuan berstruktur kepada usahawan-usahawan muda yang berniaga secara kecil-kecilan;
- (ii) apakah agensi di bawah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk membantu golongan usaha PKS di kawasan bandar dan di luar bandar dan apakah bentuk sokongan yang diberikan atau disediakan oleh agensi-agensi tersebut bagi memastikan para usahawan dari kelompok tersebut tidak dipinggirkan daripada menerima *governmental support*; dan
- (iii) apakah peranan yang bersepadu yang digerakkan oleh kementerian dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga merangkumi majlis-majlis perbandaran dan majlis daerah dalam memberi galakan kepada aktiviti-aktiviti perniagaan jalanan seperti kios, burger, buah-buahan dan lain-lain peluang perniagaan di kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh balik kepada status pekerja *piecemeal* di Jabatan Penyiaran Malaysia yang telah saya bangkitkan semalam. Seperti yang kita sedia maklum, terdapat perjawatan yang lain selain penjawat tetap di kerajaan iaitu Pegawai Lantikan Kontrak SPA dan satu lagi ialah pegawai yang dibayar gaji harian yang lebih dikenali sebagai *piecemeal*.

Jawatan *piecemeal* ini sudah wujud terutama di Jabatan Penyiaran Malaysia, malah terdapat lebih 500 *piecemeal* pekerja di seluruh negara yang berkhidmat di bawah Jabatan Penyiaran. Cuma apa yang saya rasa kurang adil ialah mereka ini tidak mendapat satu pun faedah daripada kerajaan walaupun sudah berkhidmat lebih daripada lima hingga 10 tahun.

■1200

Mereka bekerja selama 10 tahun, tak berhenti-henti tetapi tidak diberikan sebarang faedah pekerjaan atau *benefit* dari SOCSO. Mereka tidak mendapat EPF, tidak mendapat SOCSO, tiada bonus, tiada imbuhan dari kerajaan. Malah yang bersalin kena ambil cuti tanpa gaji selama tiga bulan, kalau sekiranya wanita itu *single mother* dan harus menjaga anak-anak mereka, tiada punca pendapatan lain daripada yang didapatkan dan kes-kes sebegini adalah macam *double standard*.

Bila pihak swasta menjalankan kerja-kerja *piecemeal* ini, kita akan dipanggil dan disiasat oleh KWSP dan juga dengan SOCSO, kenapa tidak bayar SOCSO atau EPF. Akan tetapi bila masa kerajaan yang menjalankan perkara sebegini, kita harus ambil prihatin dan ambil tindakan yang sewajarnya supaya kes-kes sebegini diberhentikan serta-merta dan mereka dijadikan sebagai pekerja kontrak atau pekerja tetap di kerajaan.

Mereka sangat kasihan kepada- walaupun berkhidmat di sektor kerajaan tetapi pergi hospital kerajaan pun mereka perlu bayar rawatan kerana mereka tiada HRMIS. Begitu juga dengan pinjaman bank untuk beli rumah dan sebagainya, mereka tidak layak kerana tidak ada potongan EPF dan slip gaji. Saya amat pelik kerana CUEPACS pernah menyatakan bahawa mana-mana majikan termasuk sektor awam, sekiranya tidak memotong EPF akan diambil tindakan, tetapi perkara ini tidak diambil tindakan pula.

Saya berharap agar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia memandang serius perkara ini kerana ia seolah-olah mendiskriminasikan mereka. Mereka adalah lebih layak mengisi jawatan kosong di sektor awam berikutan pengalaman yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit fasal kes kad pengenalan merah yang masih tidak selesai lagi. Kita sedia maklum isu kad pengenalan merah iaitu IC merah masih belum diselesaikan lagi. Ada seorang warga tua terpaksa menunggu empat dekad untuk mendapatkan IC biru. Sepanjang empat dekad itu, beliau tidak menerima bantuan atau kemudahan daripada mana-mana pihak. Begitu juga anak-anak yang mempunyai IC merah. Apakah mereka mendapat peluang pendidikan? Masih ada ibu bapa yang tidak kira kaum masih lagi bertungkus-lumus bagi mendapatkan anak-anak mereka IC biru. Apakah Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah penyelesaian bagi isu tersebut?

Pada tahun 2018, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan pemastautin tetap berusia lebih daripada enam tahun ke atas dengan MyKad merah dan anak-anak mereka di bawah umur 60 tahun yang seorang daripada ibu bapa mereka warganegara Malaysia diberi taraf kerakyatan. Tun Dr. Mahathir turut mengumumkan pemastautin tetap yang memegang kad pengenalan merah berusia enam tahun ke atas akan

diberikan kerakyatan dan diberikan kad pengenalan biru. Akan tetapi langkah terbabit telah terhenti dan apakah kerajaan terkini akan meneruskan langkah ini. Permasalahan ini perlu dihentikan serta-merta kerana ia menjejaskan kebajikan rakyat. Kita masih hairan mengapa rakyat Malaysia yang sudah bermastautin lebih berpuluh tahun tetap masih memegang IC merah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh soal pembangunan pendidikan dari aspek infrastruktur. Dalam situasi di mana masih wujud sekolah-sekolah daif di kawasan-kawasan luar bandar, saya minta Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan dan juga seorang Senator berkenaan dengan pendekatan terbaharu yang sedang direncanakan oleh Kementerian Pendidikan dalam menjaring sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang bermasalah dalam perihal peruntukan fasiliti pelajar.

Saya ingin memberi contoh di sebuah sekolah di kawasan Puchong di mana bilik guru selepas 70 tahun tidak pernah diubahsuai dan kalau sekiranya hujan sampai kawasan semua itu akan jadi banjir dan juga bocor dan pihak Kementerian Pendidikan tidak membuat apa-apa tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru di sana. Akan tetapi dengan ada sokongan dan dana daripada Yang Berhormat Puchong kita dapat memulihkan dan memberikan bantuan kepada sekolah tersebut dan sekarang sekolah itu telah pun mempunyai bilik guru yang baru dan boleh dikatakan lebih selesa.

Apakah wujud sistem atau mekanisme khusus yang mengenal pasti sekolah-sekolah daif yang berhadapan dengan masalah kerosakan kemudahan-kemudahan seperti kerusi, meja, papan putih dan sebagainya. Bagaimanakah ketelusan dapat dijamin dalam setiap perolehan yang dibuat? Memandangkan tahun 2020 berbaki tiga bulan sahaja, saya minta Menteri menyatakan jumlah peruntukan yang dikhususkan untuk tujuan pembangunan sekolah daif luar bandar dan dalam bandar. Minta Menteri menyatakan sekolah-sekolah khususnya di negeri Selangor yang sedang berada di bawah perhatian kementerian untuk tujuan tersebut.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titahnya mengharapkan agar pemantapan modal insan dapat dicapai menerusi kecemerlangan dan penerokaan bidang pendidikan seperti Sains dan Matematik. Titah baginda Yang di-Pertuan Agong tersebut wajar diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kanan dalam memastikan tiada satu sekolah pun yang mengalami masalah kedaifan infrastruktur pembelajaran dan pengajaran yang boleh merencatkan kualiti akademik para pelajar.

Saya ingin mengatakan satu lagi perkara iaitu berkenaan CF bagi sekolah-sekolah di kawasan Selangor. Terdapat ramai- banyak sekolah di sana sampai sekarang tidak dapat CF dan bila masa mereka tidak dapat CF, segala kerja-kerja pembaikan tidak dapat dijalankan oleh JKR sebab keadaan peruntukan begitu. Ada sebuah sekolah dekat Puchong Putra di

mana rangka-rangka *building* itu telah retak dan dalam keadaan bahaya dan sampai sekarang perkara itu telah dilaporkan beberapa kali tetapi masih tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan berkenaan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas hari ini. Dengan ini saya menyokong Titah Diraja dengan harapan negara kita akan terus maju dan membangun dengan lebih pesat. Elakkan rasuah, negara maju jaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh. Yang Berhormat telah berucap kurang daripada 20 minit dan penuh dengan hujah-hujah baik dan isi-isi yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat ya dan hujah yang baik.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponusamy. Yang Berhormat, dipersilakan.

12.06 tgh.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponusamy: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika perasmian Dewan Negara di Parlimen yang lalu. Saya menjunjung kasih di atas nasihat dan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan hadapan kita yang telah dan masih menaburkan jasa bagi menangani wabak COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, *Universal Declaration of Human Rights* atau Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat telah diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948. Dalam mukadimahnya, kerajaan-kerajaan mengikat diri dan rakyatnya untuk langkah-langkah progresif yang menjamin pengiktirafan dan pematuhan hak asasi manusia yang universal dan efektif yang dinyatakan dalam deklarasi tersebut. Semasa Suruhanjaya Reid menggubal Perlembagaan negara kita, dokumen ini adalah antara dokumen terpenting yang digunakan bagi menetapkan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaya pada masa tersebut belum mencapai kemerdekaan semasa *Universal Declaration of Human Rights* ini diterima oleh negara-negara anggota, status negara kita selepas merdeka adalah mengikut fasal 169(a) dan (b). Maka secara tersurat, konsep hak asasi ini adalah terpakai bagi negara kita dan konsep ini diluahkan dalam Perlembagaan Persekutuan terutamanya di Bahagian II dan Bahagian III. Peruntukan hak kebebasan diri dalam Artikel 5(1) Perlembagaan Malaysia memberikan warganegara Malaysia perlindungan Perlembagaan yang diperlukan.

Pada 13 November 2018, Malaysia bersama 123 negara anggota yang lain menyokong resolusi moratorium hukuman mati yang seterusnya diterima pakai pada 17 Disember 2018 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi Ke-73. Hukuman mati mandatori bersikap kejam dan tidak berperikemanusiaan. Larangan terhadap hukuman yang kejam dan tidak adil ini kini merupakan undang-undang adat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan sistem kehakiman juga tidak kebal terhadap kesilapan kerana hakim-hakim juga adalah manusia biasa. Nyawa adalah anugerah yang Maha Esa. Pemberi nyawa pun dia, maka pengambilnya pun seharusnya lah dia sendiri mengikut kehendaknya. Dengan izin, *he is the giver of life. And only he has the divine right to take it away*. Dengan izin saya ingin menyatakan dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua. "*While I respect the provision of the law and the need to meet out justice, at times, justice needs to be tempered with compassion, as compassion is a true nature of the divine. Hence, as leaders of the country, we should be magnanimous in preserving life*".

Maka saya amat berharap kerajaan sekarang akan terus menghapuskan sama sekali hukuman mati di negara ini. Saya juga pada masa yang sama menyeru kerajaan menghapuskan satu lagi hukuman zalim iaitu hukuman sebatan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada dua komuniti yang sering dilupakan dan dipinggirkan dalam arus pembangunan negara iaitu masyarakat India dan Orang Asli.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India yang hanya lebih kurang tujuh peratus daripada penduduk Malaysia adalah satu masyarakat yang sering disalah fahami oleh rakyat secara amnya. Banyak isu yang membangkitkan masyarakat India dilihat dari kaca mata haram- menduduki tanam haram, kuil haram, kubur haram dan sebagainya.

Punca utama masalah-masalah ini dihadapi oleh kaum India adalah kerana sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi masyarakat India ketinggalan dan dipinggirkan dalam arus pembangunan negara. Masyarakat India sebelum kemerdekaan kebanyakannya adalah mereka yang bekerja di estet-estet sebagai penoreh getah sejak tahun 800-an sehingga tahun lebih kurang 1970-an.

Pada ketika itu getah adalah sumber utama Malaya. Akibat perkembangan pesat perusahaan industri getah maka sistem jalan raya dan kereta api mula dibina di Malaya. Menurut kajian-kajian pakar-pakar sejarah dan juga kajian saya secara peribadi di *London Archives* lebih kurang satu juta masyarakat India terkorban di bumi Malaya sebelum kemerdekaan akibat malaria, malnutrisi, serangan binatang buas dan sebagainya semasa kerja-kerja pembersihan hutan bagi pembukaan estet-estet getah dan pembinaan jalan raya dan jalan kereta api.

Daripada rekod awal *Federated Malay States Report* usaha-usaha gigih telah dilakukan oleh kerajaan British untuk membawa masuk pekerja-pekerja buruh India selatan ini. Sebagai insentif, mereka dijanjikan pekerjaan di taman-taman iaitu *totem* sebagaimana yang disebut dalam bahasa Tamil. Mereka tidak tahu bahawa kerja mereka sebenarnya adalah membersihkan hutan-hutan tebal bagi membangunkan estet dan pembinaan jalan raya dan jalan kereta api.

Malah, terdapat rekod perkara ini sengaja dirahsiakan oleh penjajah British kerana mereka terdesak untuk memajukan industri getah yang akan menjana pendapatan yang amat tinggi bagi ekonomi Malaya. Pekerja-pekerja ini juga dijanjikan tanah sebanyak tiga ekar setiap seorang tambahan satu ekar bagi isteri dan satu ekar bagi setiap anak lelaki sebaik sahaja tamat tempoh pekerjaan sebagai buruh paksa selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran British di Malaya kemudiannya sedar bahawa sekiranya pekerja-pekerja estet ini dibebaskan dengan janji tanah untuk penempatan maka hasil lumayan pentadbiran British Malaya akan terancam. Sekiranya laporan kewangan tahunan *Federation of Malaya 1956* dihayati 69 peratus daripada pendapatan Malaya adalah hasil daripada getah. Maka, pekerja-pekerja ini perlu dikekalkan di Malaya kerana keperluan tenaga buruh untuk menjana pendapatan negara. Malangnya, tiada sesiapa ketika itu yang mempersoalkan Kerajaan British yang telah menjanjikan tanah kepada masyarakat India ini.

Bermula sejak tahun 1970-an, harga getah jatuh dan tenaga buruh di estet-estet tidak lagi diperlukan. Secara sistematik syarikat-syarikat besar sebagai Guthrie dan kemudiannya Sime Darby menjual estet-estet ini kepada anak-anak syarikat mereka dan kepada syarikat lain di mana-mana tanah-tanah ini dipecahkan kepada *parcels* yang lebih kecil bagi tujuan komersial dan pembangunan.

Masyarakat India di estet-estet tersebut disingkirkan begitu sahaja daripada estet...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat? Satu soalan, boleh celah?

Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy: Biasanya Yang Berhormat, ucapan sulung tiada celahan- tapi okeylah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya cuma hendak tanya, macam tadi ada dua masyarakat di Malaysia terpinggir. So, macam mana keadaan sekarang kerajaan sekarang sudah tubuh satu Kementerian Perpaduan- apa kata kalau sudah masanya tiba untuk kerajaan tubuhkan satu kementerian khas untuk minoriti FS? Itu sahaja.

Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy: Saya amat menyokong cadangan Yang Berhormat. Beberapa tahun lalu, lebih kurang tujuh tahun yang lalu saya juga ada buat cadangan itu. Akan tetapi memandangkan kita sekarang di Dewan yang mulia ini saya berharap

kerajaan akan mengambil perhatian terhadap keperluan untuk mewujudkan suatu kementerian yang khas.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India di estet-estet tersebut disingkirkan begitu sahaja daripada estet walaupun mereka telah bekerja di antara tiga generasi hingga empat generasi. Tiada tanah penempatan yang baru. Tiada peluang-peluang pekerjaan yang baru atau peluang latihan untuk menceburi bidang pekerjaan baru diberikan. Tiada pampasan berpatutan diberikan. Malah, kebanyakan mereka menerima kurang daripada RM2,000. Rumah-rumah mereka di estet dipotong bekalan elektrik dan air. Klinik kesihatan dan kedai runcit di estet ditutup oleh syarikat dan jalan masuk ke estet dihalang atas alasan tanah ini tanah persendirian.

Ini semuanya dilakukan untuk memaksa mereka keluar daripada estet. Bayangkanlah mereka yang tinggal di estet tiga generasi hingga empat generasi dan tiada pengetahuan tentang dunia luar yang penuh cabaran tiba-tiba dipaksa keluar dari kampung halaman mereka. Ini menyebabkan mereka menjadi, dengan izin, *a distress community*. Ramai sudah yang tua dan 'buta huruf' malah tidak boleh mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah kos murah dan sebagainya.

Akibatnya, ramai yang membina penempatan dan rumah-rumah haram di pinggir bandar dan, dengan izin, menjadi *illegal squatters*. Dengan izin, *they became the new urban squatters and urban poor*. Maka, sekolah-sekolah di estet kebanyakannya ditutup. Kuil-kuil mereka mencecah seratus tahun dirobohkan atas alasan menduduki tanah persendirian secara haram.

Ramai masyarakat India yang berasal daripada estet masih tidak mempunyai kad pengenalan kerana tiada rekod datuk dan nenek mereka disimpan oleh pengurusan estet dan menjadikan anak cucu mereka juga tidak ada kad pengenalan. Ini mengakibatkan mereka terpaksa bekerja secara haram dan diberikan gaji yang jauh lebih rendah daripada pekerja-pekerja asing di negara kita.

Memandangkan tiada peluang pekerjaan diwujudkan kepada golongan muda, ramai daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan jenayah. Sekiranya kajian *Center for Public Policies Studies* dihayati kesimpulan yang dapat dibuat adalah lebih kurang 800 ribu masyarakat India disingkirkan daripada estet. Ini adalah hampir 45 peratus daripada kaum India di negara ini.

Saya petik satu perenggan daripada laporan kajian ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*An analysis of the Malaysia plan documents since 1970's indicates that the government has been aware of the worsening situation of the displays- rural poor Indian, for along time. Despite, this knowledge very few specific programs had been established to addressed the problem.*"

Tiada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu masyarakat yang sekian lama berkhidmat dan berjasa kepada tanah air kita. Seperti mana disarankan dalam *Guiding Principle on Internal Displacement* oleh *United Nations office for the Coordination of Humanitarian Affairs*.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya dipertanggungjawabkan dengan Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) banyak program latihan kemahiran khusus diberikan kepada pemuda-pemudi India. Perhatian khusus diberikan kepada, dengan izin, *school dropouts* dan kepada mereka yang tidak dapat kecemerlangan dalam PMR dan SPM. Penekanan diberikan kepada IR4.0, *automation*, *robotic*, dan teknologi tinggi yang lain dengan kerjasama badan-badan swasta dan NGO-NGO.

Saya berharap kerajaan akan meneruskan dengan pelan-pelan pembangunan yang telah pun dirancang oleh kerajaan terdahulu yang memberikan penekanan kepada golongan remaja, ibu tunggal, golongan B40 dan akan menerima cadangan-cadangan kerajaan terdahulu untuk pembangunan masyarakat secara menyeluruh dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Saya juga berharap kerajaan akan berusaha untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar ekonomi sebelum ini supaya masyarakat yang disingkirkan daripada estet ini diberikan pelan khas dan tanah untuk melibatkan diri dalam pertanian moden.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu lagi masyarakat yang sering disalah fahami iaitu masyarakat Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, sejarah menunjukkan kepentingan dan hak Orang Asli bukan sahaja terabai buat masa kini malah sejak zaman kemerdekaan lagi. Semasa Perlembagaan negara digubal, tiada perwakilan yang wajar diberikan kepada masyarakat Orang Asli. Daripada 131 memorandum yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid atau *Reid Constitutional Commission* hanya satu memo yang dikemukakan bagi pihak Orang Asli oleh seorang rakyat biasa yang amat prihatin terhadap masyarakat Orang Asli ini.

Masyarakat Orang Asli seharusnya diberikan perhatian yang khusus dan hak mereka dalam Perlembagaan harus dijamin dan didasarkan daripada awal lagi. Seperti mana hak masyarakat Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak dijamin dalam Perlembagaan maka hak Orang Asli juga harus dijamin dalam Perlembagaan. Malangnya, mereka tertinggal dinyatakan dalam Perlembagaan pada tahun 1957. Pada tahun 1963, apabila Sabah dan Sarawak turut serta dalam negara baru yang dinamakan Malaysia, sekali lagi hak istimewa Orang Asli telah tertinggal daripada dinyatakan dalam Perlembagaan.

Saya ingin bertanya, adakah Menteri undang-undang sanggup mengambil inisiatif untuk memartabatkan hak Orang Asli dalam Perlembagaan Persekutuan dalam satu usaha merentasi sempadan politik demi keadilan kepada masyarakat Orang Asli?

■1220

Saya percaya semua Ahli Parlimen akan bersetuju dengan suatu pindaan Perlembagaan yang akan memastikan hak istimewa Orang Asli terjamin. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli politik yang memegang jawatan dalam Kerajaan Pusat mahupun di peringkat negeri masih jahil dan stereotaip terhadap Orang Asli sebagai pemalas dan masyarakat yang tidak inginkan pembangunan. Mereka jahil tentang adat resam tradisi kepercayaan Orang Asli sehingga mereka sanggup menggadai tradisi dan gaya hidup Orang Asli atas alasan pembangunan dan ekonomi.

Tanah adat, ranah rayau, *nenggirik*, dan tanah pusaka Orang Asli dicabul begitu sahaja tanpa menghormati perasaan Orang Asli. Beberapa kerajaan negeri dengan sengaja tidak mengiktiraf tanah adat Orang Asli. Alasan kerajaan negeri adalah tiada peruntukan dalam perlembagaan negeri yang mengiktiraf hak tanah adat Orang Asli, maka negeri-negeri ini tanpa belas kasihan...

Tuan Manolan bin Mohamad: Mohon mencelah.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: ...merampas tanah adat Orang Asli.

Tuan Manolan bin Mohamad: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya, sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan Perlembagaan, Yang Berhormat pun seorang peguam. Dalam Perkara 8(5)(C) Perlembagaan Persekutuan, saya baca di sini. "Apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau pemajuan Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu, termasuk perizaban tanah atau perizaban bagi Orang Asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam."

Di sini disebut tentang perizaban tanah Orang Asli. Kita tengok perizaban tanah Orang Asli ini nampaknya memang terus terabai dan ada juga tanah yang telah dirizabkan, dikeluarkan rizab dan tidak ada perizaban baru oleh kerajaan negeri dan juga dasar yang lebih spesifik, holistik oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Yang Berhormat, saya rasa di akhir ucapan saya nanti ada jawapan untuk pertanyaan tersebut.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali hak mereka dicabul, mereka berdepan dengan kuasa mutlak kerajaan negeri, polis dan syarikat-syarikat swasta yang kaya raya. Ramai daripada mereka telah ditangkap polis dalam usaha menegakkan hak asasi mereka.

Walaupun mereka tidak mempunyai sumber kewangan untuk melantik peguam, namun dengan usaha murni sekumpulan peguam dan badan-badan hak asasi manusia, maka kepentingan Orang Asli dibawa ke mahkamah untuk keadilan. Mahkamah Tinggi telah pun memutuskan dengan jelas hak Orang Asli dan peruntukan undang-undang yang harus diguna pakai oleh kerajaan negeri.

Walaupun demikian, tafsiran hak-hak asasi ini sering kali menjadi kontroversi kerana ahli-ahli pentadbiran negara baik di peringkat Persekutuan mahupun negeri, penjawat awam dan badan-badan penguat kuasa mentafsirkan kandungan Perlembagaan mengikut kehendak mereka. Mereka gagal mempraktikkan konsep “Keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.” Ini menimbulkan satu situasi di mana Orang Asli dibebankan dengan keperluan untuk memfailkan tindakan di mahkamah setiap kali bagi mendapatkan keputusan yang sama yang sebelum ini telah pun diputuskan dan tafsiran diberikan dengan jelas. Konsep *doctrine of binding precedent* tidak dipraktikkan dalam sistem pentadbiran negara.

Saya berpendapat terdapat jurang atau, dengan izin, *disconnect* di antara sistem keadilan dan sistem pentadbiran negara. Maka, saya berharap kerajaan akan mengambil berat keputusan-keputusan yang diputuskan oleh sistem kehakiman di negara kita. Saya mencadangkan agar kerajaan melaksanakan polisi-polisi yang berpatutan yang selari dengan keputusan mahkamah dan mengambil inisiatif untuk mendidik dan memberikan panduan kepada ahli-ahli pentadbiran baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri dan juga penjawat-penjawat awam.

Seksyen 6, 7 dan 8, Akta Orang Asli secara khusus memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk melindungi tanah Orang Asli. Akta ini digubal sebelum kemerdekaan dan pada masa tersebut adalah dipercayai kerajaan negeri akan melindungi hak masyarakat Orang Asli. Malangnya, kini beberapa kerajaan negeri yang tidak mengendahkan tanggungjawab mereka di bawah peruntukan undang-undang dan dengan niat untuk mengaut keuntungan, bersubahat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menceroboh tanah adat Orang Asli. Seperti kata pepatah, ‘harapkan pagar, pagar makan padi’.

Jelas sekali, kuasa kerajaan negeri di bawah Akta Orang Asli adalah, dengan izin, *redundant* kerana tiada *political will* untuk memartabatkan hak Orang Asli. Maka, saya mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan agar meminda seksyen 6, 7 dan 8 dengan memberikan kuasa sepenuhnya kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Orang Asli untuk melaksanakan tanggungjawab mengiktiraf dan mengazetkan tanah-tanah adat Orang

Asli. Semua tanah Orang Asli mestilah diisytiharkan dan digazetkan dengan secepat mungkin oleh Menteri berkenaan tanpa melengahkan masa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan tadi. Saya merujuk kepada seksyen 6, 7 dan 8, saya baca sedikit Tuan Yang di-Pertua. "Pihak berkuasa negeri boleh melalui pemberitahuan dalam warta mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki kebanyakannya atau hanya oleh Orang Asli yang belum lagi diisytiharkan sebagai tanah rizab Orang Asli." Kerajaan negeri "boleh".

Seksyen 7 pula, "Pihak berkuasa negeri boleh melalui pemberitahuan dalam warta mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh Orang Asli sebagai rizab Orang Asli." Sekali lagi perkataan "boleh", digunakan.

Seksyen 8, "Pihak berkuasa negeri boleh memberikan hak menduduki mana-mana tanah yang bukan tanah yang diberi hak milik atau tanah yang dipajakkan bagi apa-apa maksud di mana-mana kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli."

Sekali lagi perkataan "boleh", digunakan. Jadi, dengan izin, niat *framers* akta ini sebelum merdeka adalah memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk menjalankan tanggungjawab. Akan tetapi setelah sekian lama merdeka, setelah 63 tahun, kerajaan negeri masih- walaupun tahu di mana tanah adat Orang Asli ini, di mana kawasan rayau mereka tetapi masih tidak melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah Akta Orang Asli.

Jadi, secara rumusannya Tuan Yang di-Pertua, sebelum merumuskan, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara yang telah diberikan status kementerian. Saya juga berharap Kementerian Perpaduan Negara akan bekerjasama dengan badan-badan NGO dan juga individu-individu yang mempunyai kemampuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara rakyat berbilang kaum di negara kita dengan mengambil kira resipi ataupun formula yang digunakan oleh negeri Sabah dan Sarawak.

Akhir kata, saya mengambil juga kesempatan ini untuk mengingatkan lagi pemimpin-pemimpin negara kita bahawa pentingnya perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Lebih kurang 13 tahun yang lalu, pada 25 November 2007, pada masa tersebut saya juga dituduh menimbulkan kekacauan di negara apabila suatu demonstrasi telah berlaku. Jadi, dalam penghujahan saya tadi, saya terdengar dengan jelas menyatakan terdapat kekeliruan dan juga salah faham rakyat Malaysia terhadap masalah unik yang dihadapi oleh masyarakat India.

Jadi, saya berharap dengan penjelasan saya tadi, rakyat Malaysia secara amnya akan lebih memahami masalah unik yang dihadapi oleh masyarakat India dan kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif untuk menangani isu-isu tadi dan juga untuk mengeratkan lagi hubungan baik di antara rakyat berbilang kaum di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy yang berucap 23 minit. Terima kasih banyak kerana mengupas isu-isu yang baik untuk dibincangkan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Silakan.

12.29 tgh.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya ingin merakamkan ucapan syukur *Alhamdulillah* dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan juga kerajaan negeri serta kepimpinan parti di atas pencalonan saya menjadi Ahli Dewan Negara mewakili DUN Negeri Kedah.

Kedua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Rais bin Yatim, Yang di-Pertua Dewan Negara di atas pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua. Semoga pengalaman dan ilmu serta kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua akan memimpin Dewan Negara ini ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati oleh semua. Ada pantun untuk Tuan Yang di-Pertua...

*Dari Langat ke Tanjung Sepat;
Singgah sebentar di Kanchong Darat;
Pelantikan Tan Sri adalah tepat;
Moga Dewan diangkat darjat.*

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan junjungan kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berangkat mencemar Duli dan Bertitah di Parlimen ini pada 18 Mei 2020, merasmikan Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas. Saya berterima kasih kerana diberikan peluang untuk berbahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya hanya akan mengambil beberapa perkara yang saya kira menyentuh hati rakyat.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya kena tanya dahulu soalan-soalan kepada kementerian takut nanti terlupa.

Pertamanya kepada Kementerian Kerja Raya iaitu mengenai status pembinaan dan naik taraf Jalan Putra dari Alor Setar melalui Jerlun sampai ke sempadan Perlis yang telah pun diluluskan sebelum ini tetapi ditangguhkan kerja-kerjanya. Mohon pencerahan status berkenaan.

Kedua, kepada Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu berkenaan status pembinaan jambatan bagi melengkapkan projek tebatan banjir dari Tanjung Pauh, Jitra ke Keloncor,

Kuala Kedah di mana dua buah jambatan yang diperlukan iaitu di Alor Melintang, Jalan Gunung Keriang ke Pantai Johor dan juga di Kampung Panggas iaitu di antara Mergong dan Kuala Sungai.

Ketiga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru-baru ini telah pun meluluskan projek pembinaan rumah mampu milik sebanyak 500 unit di pekan Kodiang di kawasan Jerlun dan juga 150 unit di Jitra.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang telah berjaya mengawal dan mengekang penularan penyakit COVID-19 ini di negara kita. Tahniah juga kepada *front liners* yang menyabung nyawa menghadapi setiap kes.

Tahniah kepada Tan Sri Noor Hisham, Ketua Pengarah Kesihatan yang berjaya memimpin pasukannya dengan cemerlang. Beliau kini dianggap figura ataupun ikon penjawat awam. Rakyat nanti-nanti kemunculan beliau di TV setiap hari dengan laporan terkini dengan masalah ini. Mudah-mudahan, perkara ini akan dapat kita atasi dengan segera. Mudah-mudahan negara kita akan terpelihara. Tahniah juga kepada pihak *front liners* lain seperti polis, tentera, RELA dan sebagainya yang turut menyumbang tenaga bagi memastikan penyakit ini dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sedikit perkara mengenai ekonomi. Negara sedang menghadapi cabaran ekonomi yang getir. Harga minyak yang turun mendadak, ubah suai dasar percukaian seperti GST yang mana Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dapat mengutip cukai dengan lancar kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan perniagaan kerana COVID-19 ini dan keadaan pula diburukkan lagi dengan masalah COVID-19.

Pertumbuhan ekonomi bukan hanya menguncup malahan ia telah menjadi negatif. Namun, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani masalah ini agar tidak menjadi lebih teruk. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Antaranya Program PENJANA, Program PRIHATIN, Program Subsidi Upah, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan bantuan serta latihan, dana mudah untuk perusahaan kecil dan sederhana serta sudah tentu berkaitan dengan moratorium kepada peminjam-peminjam. Langkah ini menjamin kegiatan ekonomi terus berkembang dan dapat bertahan.

Cuma soalan saya, adakah kerajaan melalui Bank Negara Malaysia akan mengkaji semula kemungkinan sekali lagi menurunkan *overnight policy rate* (OPR) untuk terus menggalakkan- *stimulate* kegiatan ekonomi? Penurunan kadar ini mungkin akan mengurangkan kadar faedah dan seterusnya kos kewangan dan dapat dinikmati oleh pengguna. Ia akan dapat merancakkan lagi sektor-sektor tertentu seperti pembinaan,

hartanah, automotif, peruncitan dan lain-lain. Akhirnya, ia akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada perenggan 28- saya petik sebahagian daripadanya iaitu, “Bagi meningkatkan lagi hasil pertanian dan jaminan sekuriti makanan negara, penekanan perlu diberikan kepada automasi, penggunaan teknologi moden, benih berkualiti, pembajaan dan pengairan, kawalan penyakit serta konsolidasi kawasan pertanian”.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan memberi tumpuan khusus kepada industri padi untuk kali ini. Nasi adalah menjadi makanan ruji rakyat Malaysia. Lebih kurang 80 kilogram setiap orang makan nasi setiap tahun dan lebih kurang RM44 dibelanjakan oleh setiap isi rumah setiap bulan membeli beras dan sebanyak 2.7 juta metrik tan beras digunakan ataupun *diconsume* setiap tahun.

Terdapat seramai 200 ribu petani yang menghasilkan padi untuk seramai 32 juta rakyat di Malaysia dan juga tidak lupa seramai 2.1 juta pekerja asing yang berdaftar. Mereka yang tidak berdaftar ini tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Keluasan tanaman padi di Malaysia sekitar 250 ribu hektar, melibatkan sejumlah 10 kawasan jelapang dan sekitar 78 ribu hektar kawasan luar jelapang.

Bagi kawasan jelapang, MADA di Kedah dan Perlis ada lebih kurang seluas 100,685 hektar, menghasilkan sekitar satu juta tan padi setahun iaitu lebih kurang menyumbang sebanyak 39 peratus daripada keluaran beras negara.

Hari ini tahap *self-sufficient level* (SSL) beras negara yang dihasilkan adalah sekitar 70 peratus. Jadi, kita sentiasa bercakap bagaimana hendak hasilkan, meningkatkan hasil padi dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani. Jadi, sudah tentulah kerajaan sejak dari dahulu kalau di Kedah itu, MADA diperkenalkan pada tahun 1970 untuk projek tanaman padi dua kali setahun ataupun *double cropping*.

Di MADA ini kita mempunyai lebih daripada sepanjang 1,900 kilometer saliran, pengairan, terusan dan sebagainya m ia telah mengambil masa lebih dari 40 tahun. Kita telah pun diberikan baru dulu kelulusan untuk meningkatkan lagi saliran dan pengairan melalui Program Infrastruktur Tersier ataupun *Tersier Drain Program* ini dengan izin, untuk meningkatkan kepadatan tali air daripada 18 meter sehektar menjadi 30 liter sehektar.

Ada sejumlah 128 blok semuanya, empat blok telah pun siap, 10 blok sedang dalam *progress* kerja dan juga ada yang baru siap. Baru-baru ini ada tiga blok baharu di tender dan sejumlah 26 blok telah pun siap pengambilan tanah.

Jadi kita mengharapkan, memohon kepada kerajaan supaya dapat meneruskan projek ini untuk kepentingan petani. Ini kerana, sebelum ini kita dimaklumkan setelah kerajaan diambil alih oleh Pakatan Harapan, mereka telah bercadang untuk menanggungkan sementara

projek ini. Jadi kita menyeru, menggesa supaya kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memastikan terutama sekali dalam RMKe-12, ia dapat diberikan peruntukan untuk menyiapkan keseluruhan program ini kerana ia melibatkan hasil tani dan pendapatan keseluruhannya.

Kedua adalah berkaitan dengan isu benih. Isu benih ini Malaysia memang sejak dari dahulu berusaha untuk menghasilkan benih-benih padi baharu, varieti-varieti baharu. Akan tetapi, kita agak ketinggalan dalam tempoh 50 tahun yang lalu kalau dibandingkan contohnya dengan negara India telah berjaya menghasilkan lebih sejumlah 1,900 varieti ataupun jenis-jenis padi, Filipina sejumlah 200 jenis, Thailand sejumlah 80 jenis manakala Malaysia sekitar 50 jenis. Jadi yang penting di sini adalah hendak menghasilkan satu benih ini bukan mudah. Ia mengambil masa antara lapan sampai 10 tahun.

Jadi, ia perlu kerjasama kolaborasi antara pihak-pihak yang berkaitan contohnya MARDI dan juga universiti-universiti, institusi-institusi yang berkaitan untuk bekerjasama rapat, tidak boleh bekerja silo secara sendiri-sendiri kerana ia mengambil masa yang panjang dan juga akhir hujung tahun itu kita tidak tahu sama ada benih yang dibuat kaji selidik itu dapat dihasilkan, dapat digunakan oleh petani.

Berkaitan dengan benih juga, isu-isu yang sedang dihadapi ketika ini adalah bagaimana pengagihan kuota benih dalam kalangan pembekal benih yang tidak rata. Kerajaan perlu memastikan bahawa sesiapa juga yang diberikan kuota benih itu mesti mampu menghasilkan benih sah melalui ladang benih yang disahkan oleh Jabatan Pertanian.

■1240

Kita tidak mahu petani-petani dibekalkan dengan benih-benih tidak sah, sepertimana kalau di Kedah ini orang tahu melalui beg putih dan sebagainya. Jadi, benih inilah yang merupakan kunci kepada hasil utama bagaimana padi itu dapat dituai kelak selepas ditanam lebih kurang 120 hari. Jadi, para petani selalunya merungut tentang benih-benih yang tidak sah ini. Kadang-kadang benih yang ditabur tidak tumbuh dan sebagainya. Saya menggesa supaya kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat memberi perhatian supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dengan segera.

Ketiga, berkaitan dengan soal *profiling*, yang ini adalah berkaitan dengan tanah. Bagaimana setelah sekian lama kita membuat bendang, buat sawah ini, tetapi masalah tanah kita tidak dapat selesaikan. Kita membekalkan baja kepada petani-petani dengan formula yang sama. Semua petani akan diberikan urea, diberikan MPK, diberikan *compound fertilizer*, dengan izin, dan juga *foliar* untuk seluruh negara, seluruh negeri dan semua kawasan.

Sedangkan kita tahu bahawa siri-siri tanah berbeza. Kalau di kawasan Kedah sahaja pun ia mempunyai pelbagai siri tanah yang memerlukan kajian tuntas untuk menghasilkan formula baja yang sesuai. Apa yang penting di sini adalah bagaimana kita mengusahakan

dengan penuh teliti agar setiap bantuan yang disalurkan kepada petani itu dapat digunakan secara optimum dan menghasilkan hasil yang dihasratkan.

Seterusnya, dalam perutusan ataupun Titah Tuanku tadi juga menyebut tentang berkaitan dengan cara untuk meningkatkan hasil melalui konsolidasi kawasan ataupun kawasan-kawasan yang kecil itu digabungkan menjadi besar dan seterusnya dapat dibuat dengan pengurusan yang lebih tersusun, baik bermula dengan penyediaan tanah, bekalan air dan sebagainya.

Jadi, di MADA contohnya, kerajaan dahulu telah pun memperkenalkan program *National Key Economic Areas (NKEA) EPP 10* iaitu berkaitan dengan meningkatkan penskalaan, *skill* dan juga pengukuhan produktiviti tanaman padi. Jadi, program ini adalah untuk meningkatkan skala keluasan tanah itu secara komersial, meningkatkan infrastruktur ladang yang saya sebutkan awal tadi dan juga yang penting adalah melibatkan petani dalam rantaian nilai.

Jadi, dalam program ini MADA telah pun berjaya dalam tempoh tujuh tahun iaitu tahun 2011 sehingga tahun 2018 menjadikan kelompok-kelompok kawasan berskala besar ini sebanyak 38,358 hektar daripada jumlah asal 100 ribu lebih kurang sekitar 40 peratus kawasan tanah telah pun berjaya dimasukkan dalam program ini, konsolidasi kawasan ini. Mengikut rekod, hasil yang dituai melalui program ini pernah mencecah setinggi 6.3 tan satu hektar. Ini merupakan satu kesan daripada program yang dibuat untuk mengurus ladang ataupun sawah ini dalam skala yang lebih besar dan lebih terurus dengan jadual-jadualnya.

Saya dimaklumkan bahawa program ini telah pun ditangguhkan pula oleh kerajaan. Maka kita menggesa supaya kementerian melihat semula kepada program ini agar ia dapat diteruskan semula supaya ia memberi kesan yang baik untuk menghasilkan padi, meningkatkan lagi SSL dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan penglibatan petani dalam rantaian nilai. Kita sedar hendak buat sawah ini kita kena siapkan tanah menggunakan traktor, kemudian *maintenance* hari ini orang sudah menggunakan dron untuk menyembur racun serangga dan sebagainya. Kemudian, kita perlu menuai menggunakan *track harvester* dan kita juga perlu melihat tentang *post-harvest loss* ataupun kehilangan selepas tuai dan juga sudah tentu berkaitan dengan logistik lori mengangkat padi ke kilang dan sebagainya.

Ini semua kita hendak supaya kerajaan ataupun kementerian melihat bagaimana petani-petani ini sama ada melalui PPK masing-masing dapat terlibat supaya mereka juga dapat pendapatan bukan hanya *direct* daripada hasil padi, tetapi juga terlibat dengan pengusahaan untuk mereka terlibat dalam penyediaan rantaian nilai ini. Jadi, melalui Majlis Kemakmuran Bumiputera yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, kita harap bahawa pengupayaan petani ini dapat dipertingkatkan melalui bantuan

mesin traktor dan sebagainya supaya ia memberikan pendapatan yang lebih kepada petani-petani.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk menjadi pesawah atau petani ini juga, kita tidak boleh semata-mata mengharapkan hasil tuaian padi. Maka, sebab itulah kita di MADA dahulu ada program industri asas tani dan asas tani yang melibatkan 2,500 orang usahawan yang menghasilkan pendapatan ataupun *turnover* jualan yang cukup menggalakkan.

Daripada tahun 2013 sekitar RM80 juta kepada tahun 2018 meningkat kepada RM176 juta. Ini mereka yang terlibat bukan langsung dengan industri padi tetapi menghasilkan bahan-bahan sampingan, kuih-muih tradisional dan sebagainya yang perlu ditingkatkan dan digalakkan. Apa yang kita hendak ialah supaya kerajaan, kementerian melihat bagaimana kita boleh memperkasakan mereka ini untuk meningkatkan lagi jualan dengan kemahiran dalam bidang pemasaran dan sebagainya.

Seterusnya di kawasan bendang ini juga Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mereka buat bendang, mereka juga terlibat dengan ternakan lembu dan kambing. Ia merupakan satu pendapatan sampingan yang cukup lumayan. Jikalau hendak dikirakan untuk petani-petani ini, mereka memelihara lembu Kelantan-Kedah, kemudian Charolais ialah satu baka daripada Perancis yang boleh membesar sehingga 1.3 kilogram setiap bulan dan boleh menjadi beratnya sekitar 600 kilogram hingga 800 kilogram dalam tempoh dua tahun dan hasilnya cukup lumayan kerana jualan secara kasar pun dijual RM30 sekilogram.

Kemudian, ada baka baharu pula Limousin yang juga besar daripada *Europe*. Ini merupakan aktiviti sampingan yang dibuat oleh petani-petani pada masa lapang mereka dan mereka dapat meningkatkan hasil pendapatan keluarga ini melalui ternakan seperti ini. Begitu juga dengan kambing, dahulu katanya kambing Boer tetapi dimaklumkan oleh DVS katanya tidak sesuai dengan cuaca di negara kita. Dia cepat letih, penat, bulu luruh dan sebagainya. Kemudian diperkenalkan dengan Jamnapari, selepas itu ada pula ketika ini satu benih baharu Jamglo iaitu kacukan antara Jamnapari dengan Anglo.

Ini merupakan satu minat baharu di kalangan petani-petani dan kita meminta kepada kerajaan dapat melihat bagaimana untuk memudahkan di kalangan peminat, peserta ini. Mereka ini adalah orang-orang yang *obsess* dengan bidang-bidang ini. Bagaimana kita boleh membantu mereka memperbaiki kandang, sediakan mesin untuk hendak buat makanan menjadikan silaj dan sebagainya. Kemudian kita bagilah ruang, peluang bagaimana mereka boleh menanam rumput napier di batas-batas ban, bendang dan sebagainya. Supaya ia menjadi sumber baru kepada pendapatan petani.

Kemudian kita juga perlukan melihat bagaimana peminat di kalangan golongan muda, syarat-syarat yang dibuat oleh jabatan mungkin kadang-kadang agak payah. Kita perlu

mempermudah syarat kerana contohnya kalau tidak ada tanah, memang tidak dapat bantuan. Macam mana hendak ada tanah, sedangkan kita di kawasan-kawasan bendang ini memang tanahnya amat terhad tetapi dapat dipelihara, dibela dalam skala kecil tetapi orang yang terlibat itu lebih ramai.

Jadi, secara tidak langsung ianya juga akan mendapat meningkatkan hasil bekalan daging tempatan ini kepada SSL daging yang kini berlegar sekitar 10 peratus hingga 15 peratus. Kemudian kita hendak supaya *Department Of Veterinary Services Malaysia* (DVS) ataupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar dapat bekerjasama rapat dengan agensi-agensi seperti MADA contohnya. Supaya mengenal pasti mereka yang terlibat dan seterusnya dapat dibantu, sama ada dari segi teknikal dan sebagainya. Supaya ia dapat menggalakkan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi bekalan.

Satu lagi perkara yang dibawa, yang dipesan oleh orang kampung ini suruh saya bawa ke sini ialah bagaimana pihak Jabatan DVS meningkatkan lagi bekalan semen beku, bukan simen, semen benih beku yang diimport daripada luar negara dan kemudian dibawa masuk, kemudian dibiakkan melalui baka-baka tempatan dan sebagainya.

■1250

Kemudian di Kedah juga, Tuan Yang di-Pertua hari ini ramai- terdapat satu keghairahan baru di mana ramai orang tanam nanas. Cuma, masalah mereka bagaimana hendak menghasilkan MD2 yang berkualiti, yang boleh dipasarkan. Isu yang mereka bawa adalah berkaitan dengan benih. Katanya benih ini terlalu mahal. Kemudian, bekalannya tidak konsisten serta sukar untuk didapati. Jadi, saya minta supaya Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia ini dapat membantu mereka supaya diperbanyakkan lagi kegiatan seperti ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, soalan kepada kementerian ini adalah berkaitan dengan data ataupun profiling petani, pesawah, pekebun berada di tangan jabatan dan agensi kementerian. Data dan maklumat yang tidak lengkap dan tidak dikemaskini kadang-kadang menyukarkan bantuan segera. Contohnya seperti mana musim COVID-19 ini, kerajaan hendak buat bantuan baru hendak pergi cari detil, survei dan sebagainya, jadi lambat. Kemudian, bantuan seperti BPN ini tidak dapat disalurkan dengan segera.

Jadi, kita minta supaya kementerian melihat semula kepada data bank ini agar petani yang terlibat, pesawah, pekebun semua ini dapat bantuan dengan segera. Kemudian, satu lagi adalah berkaitan dengan AgroBazaar Rakyat (ABR) yang ini telah diperkenalkan beberapa tahun yang lalu. Cuma, kita melihat bahawa sambutan di kalangan masyarakat pun kurang. Mungkin kerana masalah harganya, kualiti barang ataupun sebagainya.

Jadi, mereka ini lebih suka berbelanja di pasar raya yang ada membekalkan makanan basah. Jadi, kita hendak supaya kementerian melalui FAMA atau siapakah yang terlibat melihat semula bagaimana untuk diberikan nafas baharu kepada AgroBazaar ini supaya

mereka dapat memberikan tawaran kepada pengguna dengan lebih murah, dengan lebih berkualiti, lebih segar agar kita dapat menikmati makanan-makanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita doakan semoga negara kita akan terus terselamat diberi rahmat oleh Allah SWT. Sekian... *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Banyak isu-isu, poin-poin yang baik ditimbulkan, khususnya tentang pertanian. Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya.

12.52 tgh.

Tuan Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah Rabbil 'Alamin...* *[Berucap dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Dewan yang dihormati, pertamanya saya rakamkan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga ingin menzahirkan rasa syukur di atas peluang yang diberi kepada saya untuk berada di Dewan Negara yang mulia ini sejak 2 September yang lalu. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Kerajaan Negeri Kedah dan juga parti yang memilih saya untuk berada di sini mewakili Dewan Undangan Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim di atas lantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Tinggillah harapan seluruh ahli Dewan kepada Tuan Yang di-Pertua agar meletakkan Dewan pada kedudukan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Senator yang lain, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih kepada petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta lain-lain jabatan dan agensi yang telah berkorban tanpa mengenal erti penat dan takut dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 yang melanda kita. Juga tidak lupa kepada imam-imam, tuan-tuan guru pondok serta alim ulama, yang tidak putus-putus berdoa, memimpin ummah untuk bermunajat, membaca Qunut Nazilah, bersama memohon agar Allah mengangkat bencana ini dari terus merebak sehingga tidak mampu dikawal oleh sesiapa.

Kita juga berdoa... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Di negeri saya Kedah, pelbagai kluster muncul, Kluster Sivagangga, Kluster Tawar, Kluster Muda, Kluster Sala, Kluster

Telaga dan yang terbaru Kluster Sungai. Kerana banyaknya kluster yang muncul, ada ketika orang Kedah digeruni oleh penduduk negeri lain kerana bimbang terhadap positif COVID-19 ini. Jangan pula Yang Berhormat Senator di sini juga takut kepada kami orang Kedah dan rakan dari Kedah kerana *insya-Allah* kami negatif COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Malaysia di bawah Perikatan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin. Usia kerajaan baru setengah tahun, amat muda, namun berjaya mengharungi pelbagai rintangan bermula Malaysia yang terkontang-kanting lapan hari tanpa kerajaan, tanpa Perdana Menteri, tanpa Kabinet, diikuti pula dengan pandemik COVID-19 yang amat menakutkan.

Namun, kerajaan mampu menyelamatkan nyawa rakyat terbanyak. Mampu memimpin hal ehwal ekonomi, sosial dan politik Malaysia dengan baik dan konstruktif ke arah negara yang bersatu, stabil dan dihormati dunia dengan majoriti rakyat meyakini pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional.

Justeru, walau dalam suasana norma baharu, 31 Ogos yang lalu disambut dengan penuh kesyukuran. Ulang tahun kemerdekaan negara kali ke-63 membawa erti yang sangat mendalam kepada rakyat. Izinkan untuk saya ungkapkan erti kemerdekaan melalui beberapa rangkap pantun...

Timbalan Yang di-Pertua: a, sila.

Tuan Ahmad bin Yahaya:

*Dari Pahang terus ke Melaka;
Singgah berehat di Bandar Kuantan;
63 tahun Malaysia merdeka;
Hidup aman tanpa peperangan.*

*Meredah hutan mencari cemara;
Singgah sebentar di negeri kedah;
Hargai merdeka yang kita rasa;
Hilang ia sesal tak sudah.*

*Ayam jantan berkokok di dahan;
Sejuk terasa air perigi;
Kemerdekaan negara perlu dipertahan;
Sekali tergadai tidak berguna lagi.*

Semoga kerajaan ini mampu mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan serta terus membawa kemakmuran kepada semua rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kedah di bawah pentadbiran Perikatan Nasional juga baharu sahaja menyambut 100 hari pentadbirannya. Sambutan dibuat secara sederhana, tetapi amat bererti kepada rakyat.

Kedah adalah negeri kedua tercorot selepas Kelantan dari sudut KDNK per kapita rakyat. Bahasa paling mudah, negeri yang ramai penduduknya masih dibelenggu kemiskinan. Kami berhadapan cabaran pembangunan yang besar. Contohnya, kawasan pembangunan yang terhad, capaian Internet yang lemah, pembangunan yang tidak seimbang di antara daerah, kemasukan pelancongan yang berkurangan, kadar pengangguran yang meningkat dan banyak pula kawasan yang terdedah kepada bencana seperti ribut, banjir dan ombak besar.

Walau besar cabaran yang dihadapi, jiwa kami tidak pernah kecil, terus bercita-cita besar. Sempena sambutan 100 hari pentadbiran Kedah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar melancarkan visi Kedah 2035, dengan tema “Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni”. Visi ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa, bermula tahun 2021 sehingga tahun 2035 iaitu dalam tempoh 15 tahun. Tempoh pelaksanaannya pula selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, dan Rancangan Malaysia Keempat Belas.

Apa yang kami mahu dari visi ini ialah taraf hidup rakyat dipertingkatkan. Kaya dan miskin digembleng bersama untuk mengecap nikmat Kedah sejahtera, nikmat untuk semua. Maka, terungkaplah kata-kata keramat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, “Kedah adalah tempat orang miskin berteduh dan tempat orang kaya berbakti”. Maka, tinggilah harapan kami kepada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan cita-cita besar ini direalisasikan, kerjasama erat antara negeri dan pusat amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, teruskah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Ahmad bin Yahaya: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Yang dihormati, dari pantun tadi bagus, saya nampak banyak lagi poin-poin yang amat baik, saya akan tunggu dari Yang Berhormat sendiri.

Tuan Ahmad bin Yahaya: Ya, ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta supaya kalau dapat Yang Berhormat sambung selepas ini ya.

Tuan Ahmad bin Yahaya: *Insyaa-Allah*. Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jam pukul 1, dengan ini ditangguhkan sehingga ke 2.30 petang ini. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita diminta supaya Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya meneruskan ucapan dan menurut rekod yang ada, masih berbaki 12 minit. Silakan.

2.32 ptg.

Tuan Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang untuk menyambung perbahasan.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya di para 28 ada menyentuh soal jaminan sekuriti makanan negara. Untuk makluman Dewan, negeri Kedah terus bersedia mengorbankan tanah yang luas demi untuk memastikan jelapang makanan negara terpelihara. Namun, sebagai imbalannya, kami memohon sebanyak RM170 juta dari Kerajaan Pusat sebagai tanda penghargaan kepada pengekalan tanah sawah tersebut.

Demikian juga kami bersedia mengorbankan lagi keluasan tanah untuk empangan dan hutan simpanan bagi menjamin sumber bekalan air mencukupi. Sebagai imbalannya, kami memohon jasa baik Kerajaan Persekutuan sebanyak RM100 juta.

Permohonan saya ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-77 iaitu satu kerangka kewangan inovatif akan dilaksanakan bertujuan menyediakan insentif kewangan kepada semua kerajaan negeri bagi melindungi dan memelihara kawasan berhutan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan pendidikan Islam khasnya sekolah agama janaan rakyat. Mei yang lalu, JAKIM telah menyumbang sebanyak RM21 juta bantuan *one-off* kepada tahfiz swasta, pondok, sekolah agama rakyat dan sekolah agama swasta yang berdaftar di bawah JAKIM di seluruh negara.

Difahamkan juga sebanyak 2,119 buah sekolah telah menerima bantuan pengurusan operasi dengan kiraan RM10 per murid. Saya yakin sumbangan ini dapat meringankan pihak sekolah, guru dan pelajar dalam suasana COVID-19 melanda negara. Bagi pihak sekolah agama, saya merakamkan terima kasih kepada pihak JAKIM.

Cuma, apa yang ingin saya persoalkan di sini ialah, pertama, apakah pula bentuk bantuan kepada sekolah pondok, sekolah agama rakyat yang hanya berdaftar dengan jabatan agama negeri tetapi tidak berdaftar dengan JAKIM?

Kedua, COVID-19 masih lagi membelenggu negara khususnya di beberapa negeri termasuk kami di Kedah. Saya mohon agar pihak JAKIM mempertimbangkan sumbangan yang berikutnya kepada pihak pengurusan sekolah, guru dan kakitangan terutama kepada sekolah-sekolah yang bergantung kepada sumber yuran. Suasana PKP ada ketika menghalang pelajar hadir ke sekolah. Apabila tidak hadir ke sekolah, maka yuran sekolah juga tidak dibayar padahal pengurusan sekolah bergantung dengan sumber yuran.

Ketiga, saya memohon agar kerajaan mengembalikan bantuan perkapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat seperti mana sebelum tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu memberi perhatian yang terbaik kepada pendidikan Islam melalui sekolah-sekolah agama rakyat, pondok, tahfiz kerana sekolah-sekolah tersebut telah memainkan peranan yang amat besar dalam melahirkan modal insan yang terbaik di negara ini. Bahkan, perlu disedari juga, sekolah agama ini telah menyumbang penjimatan yang besar kepada kewangan negara kerana pembangunan pengurusan sekolah adalah hasil sumbangan orang ramai, individu yang prihatin, bukan dari kantung kewangan negara.

Justeru, sudah sampai masa untuk kerajaan menimbangkan sumbangan yang tetap dan munasabah kepada sekolah-sekolah agama janaan rakyat ini. Saya yakin cadangan saya ini akan diberi perhatian oleh kerajaan.

*Nama diberi Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin;
Perdana Menteri Malaysia Kelapan;
Pemimpin utama Malaysia prihatin;
Kasihkan rakyat bapa kebajikan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keperluan asas rakyat iaitu sumber air bersih untuk rakyat. Semua kita rasa kesal terhadap apa yang berlaku baru-baru ini di Selangor yang mungkin boleh berlaku di mana sahaja negeri iaitu pencemaran air yang berpunca daripada pelepasan sisa toksik dan kimia. Walaupun tindakan penutupan premis dan pendakwaan terhadap pihak terbabit telah dibuat, namun ia bukanlah solusi sebenar kepada permasalahan yang berulang-ulang ini.

Justeru, saya menyokong penuh tindakan Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk memperkasakan akta dan undang-undang sedia ada agar isu ini tidak akan menyusahkan rakyat lagi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya menyokong penuh Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih di atas ucapan itu. Bagusnya lantaran berada dalam lingkungan masa yang telah diberikan.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

2.39 ptg.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan dalam Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah ke atas pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin sebagai Perdana Menteri yang kelapan.

Saya juga turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan jabatan serta agensi-agensi kerajaan yang lain yang telah bertungkus-lumus menghadapi serangan wabak COVID-19. Rakyat Malaysia sangat menghargai usaha, dedikasi dan pengorbanan anda demi menjaga keselamatan dan kepentingan orang ramai.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah menyeluruh, menyentuh pelbagai kementerian dan berpaksi kepada kesejahteraan rakyat. Pesanan, cadangan serta nasihat Baginda tentunya diterima dengan baik oleh semua pihak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, serangan wabak pandemik COVID-19 di negara ini menyebabkan ekonomi negara berada dalam satu kedudukan yang agak membimbangkan. Baru-baru ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) suku tahun kedua 2020 yang menampakkan prestasi ekonomi Malaysia secara menyeluruh. Mengikut data yang dikeluarkan, KDNK Malaysia menyusut 17.1 peratus daripada pertumbuhan margin 0.7 peratus pada suku tahun pertama 2020.

Prestasi suku tahunan ini merupakan pertumbuhan KDNK terendah yang direkodkan sejak suku tahun keempat 1998 iaitu negatif 11.2 peratus. Oleh yang demikian perancangan kerajaan serta pelaksanaan tindakan dalam membaik pulih ekonomi negara wajar disokong oleh setiap warga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun data KDNK suku tahun kedua 2020 adalah kurang memuaskan, namun kita bersyukur bahawa data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

pada Jun juga mendapati kadar pengangguran pada bulan Jun susut 0.4 peratus kepada 4.9 peratus berbanding 5.3 peratus bulan sebelumnya. Ini bermakna bilangan penganggur telah berkurangan sebanyak 52,900 orang kepada 773,200 ini. Pengurangan ini didorong pembukaan lebih banyak sektor ekonomi susulan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Bagi mengurangkan jumlah rakyat menganggur adalah dicadangkan supaya satu insentif strategik dimulakan di mana peluang pekerjaan, kemahiran pekerja dan sektor fokus pembangunan ekonomi ini di integrasi di satu platform. Inisiatif strategik ini harus dilakukan bersama antara agensi kerajaan dan pihak swasta di mana agensi kerajaan menyediakan pekerjaan yang berkemahiran dan mereka ini ditempatkan di syarikat-syarikat swasta yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.

Maka adalah amat baik jika pihak Kementerian Sumber Manusia dapat mempertimbangkan supaya dua platform pekerja sedia ada di bawah tadbir urus pihak kementerian iaitu *MYFutureJobs* di bawah PERKESO dan *JobsMalaysia* di bawah Kementerian Sumber Manusia di integrasi menjadi satu platform yang dapat diakses oleh semua pekerja dan bakal-bakal pekerja.

Antara perkara yang juga patut diberi perhatian adalah isu kebolehpasaran graduan. Memandangkan KDNK Malaysia menyusut 17.1 peratus bagi suku tahun kedua, sudah semestinya *graduates* universiti tempatan akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya meningkatkan kadar pengangguran *graduate* tempatan.

Masalah peningkatan kadar pengangguran di kalangan *graduate* di Malaysia tahun demi tahun bukan saja telah merugikan *graduate*, keluarga dan institusi pendidikan. Malah ia boleh melumpuhkan ekonomi negara kerana modal insan ini tidak dapat diketengahkan dengan jayanya untuk membangun negara.

Bagi mengatasi masalah ini adalah dicadangkan supaya kerajaan memperkasakan serta menambah baik program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) atau kini dikenali sebagai, dengan izin, *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) bagi segi jumlah *graduate* yang diambil serta program status pelaksanaan serta pemantapan yang berterusan bagi memastikan tiada ketirisan akan berlaku di dalam program ini. Diharapkan juga pihak kerajaan dapat menambahkan bilangan *graduate* dari masyarakat India untuk diambil di dalam program PROTEGE ini sekali gus meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India di negara ini yang semestinya harus diberi perhatian oleh kerajaan.

Dalam perbicaraan soal peluang pekerjaan, sukacita saya memetik cadangan mantan Perdana Menteri Keenam di mana kerajaan juga disarankan untuk mempercepatkan projek-projek infra rakyat sedia ada seperti ECRL, MRT2, LRT3, Petronas Pengerang, RTS, Lebuh

raya CSR, *Pan Borneo Highway* dan sebagainya termasuk projek-projek *scale* kecil dan sederhana seperti projek pembangunan jambatan, masjid, jalan yang telah dihentikan oleh kerajaan lalu. Proses untuk menganugerahkan projek-projek tersebut perlulah dipendekkan dan dipermudahkan. Dengan mempercepatkan projek-projek ini, lebih banyak pekerjaan baru boleh diwujudkan untuk mengganti pekerja sektor lain yang sudah dan tentu akan hilang akibat serangan pandemik COVID-19 dan juga kejatuhan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada Julai 2020 yang lalu, tindakan Kerajaan Perikatan Nasional menaikkan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM2,208 berbanding RM980 telah mendapat pujian Bank Dunia. Ini kerana tindakan ini disifatkan dapat membantu kerajaan memastikan semua rakyat mencapai standard kehidupan minimum baru yang lebih konsisten dengan keadaan semasa.

Namun demikian saya merayu kepada pihak Kerajaan Perikatan Nasional untuk memastikan bahawa segala bentuk bantuan kerajaan disalurkan kepada kelompok yang paling memerlukannya supaya dana kerajaan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Telah terdapat beberapa rungutan dari pihak bahawa bantuan-bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan tidak diterima akibat dari masalah teknikal atau data yang tidak dikemaskini. Perkara ini tidak harus berlaku dan mana-mana kelemahan yang ada di dalam sistem sekarang harus dibaiki serta-merta.

Selain itu, Kerajaan Perikatan Nasional juga diharapkan dapat melihat kebolehlaksanaan program bantuan langsung subsidi bagi pusat asuhan kanak-kanak kepada setiap keluarga B40 dan M40. Umum ketahui bahawa yuran bulanan pusat penjagaan kanak-kanak swasta adalah sangat tinggi di kawasan bandar. Akibat yuran yang tinggi ini, ianya memberikan tekanan ekonomi kepada keluarga B40 dan M40. Dengan bantuan subsidi bulanan sebanyak RM100 atau RM200 kepada keluarga yang layak, dapat mengurangkan bebanan mereka.

Bagi pelajar di universiti awam dan swasta adalah dicadangkan supaya pihak universiti memberi pertimbangan yang sewajarnya bagi pelajar-pelajar ini dengan mengurangkan yuran atau menangguhkan pembayaran yuran semasa mereka pada tahun 2020. Umum diketahui bahawa pelajar juga merupakan antara golongan yang terjejas teruk akibat serangan pandemik COVID-19 dan bantuan dari pihak universiti dapat membantu pelajar dan juga ibu bapa mereka dalam pengurusan kewangan keluarga masing-masing.

Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Tinggi yang telah mengambil maklum pandangan semua pihak supaya yuran pengajian di universiti awam dapat dikurangkan bagi meringankan bebanan kewangan pelajar dan ibu bapa. Namun bagi pihak universiti swasta adalah diharapkan tindakan sama dapat diambil sebagai satu bentuk *corporate social responsibility* bagi pihak universiti swasta.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 September 2020, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah mengalami masalah gangguan bekalan air. Gangguan bekalan air ini membabitkan hampir 1.2 juta akaun di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang dan berlarutan sehingga hampir lima hari. Gangguan bekalan air di Lembah Klang terutama di Selangor bukanlah kali pertama dan telah berlaku hampir setiap tahun. Antara alasan yang diberi juga adalah hampir sama ialah pencemaran di loji rawatan air. Kesan dari gangguan bekalan air...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai, alokasi 20 minit.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi oleh sebab ini ucapan sulung, bolehlah simpulkan dalam tempoh tiga minit.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Okey Tuan Yang di-Pertua. Kesan dari gangguan bekalan air ini telah menyusahkan ramai pihak seperti peniaga, pemilik premis, pejabat, pusat membeli belah dan paling terkesan sekali ialah rakyat biasa. Namun demikian, apa yang merisaukan adalah segi kelangsungan bekalan air di mana Malaysia secara amnya dan Lembah Klang secara khususnya dilihat terlalu lemah dalam menguatkuasakan atau sangat terdedah kepada pencemaran sungai yang memberi impak yang sangat tinggi kepada rakyat.

Perkara ini diharap dapat diteliti dan diambil berat oleh Majlis Keselamatan Negara serta agensi-agensinya yang terbabit. Infrastruktur bekalan air adalah sesuatu yang kritikal bagi menjamin kelangsungan bekalan air kepada rakyat dan jika ia tidak dikawal dengan baik, akan menyebabkan keadaan huru-hara di dalam negara.

Di Amerika Syarikat terdapat, dengan izin, *United States Environmental Protection Agency* (EPA) di mana EPA mempunyai satu program iaitu *EPA's Homeland Security Research Program* yang membuat kajian ketahanan ke atas fasiliti dan infra air negara US dan jika berlaku pencemaran air, apakah respons yang akan diambil. Mungkin sudah tiba masanya satu badan seperti US EPA diwujudkan di Malaysia. Permohonan ini harap dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Dengan ini, saya mohon menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat sebagai ucapan ulung di Dewan Negara. Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Tempoh diberi ialah 20 minit dan apabila sampai kepada taraf tiga minit akhir, maka Setiausaha akan memberi isyarat. Silakan.

2.53 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

Pertama sekali saya ingin merakamkan junjung kasih saya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V atas perkenan ampun kedua-dua ke bawah duli melantik saya sebagai Senator mewakili Parlimen Malaysia. Untuk mengucapkan jutaan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan dan DUN Kelantan yang telah mencalonkan nama saya sebagai Senator mewakili negeri Kelantan untuk bercakap bagi pihak negeri Kelantan dan rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian, bagi saya bercakap atas isu Titah Diraja, Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, "Bilamana rakyat negara tersebut beriman dan bertakwa, maka Allah akan melimpahkan rezeki dan juga keberkatan daripada perut-perut bumi dan juga daripada langit".

Saya juga ingin merujuk kepada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussein semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Petaling Timur ketika itu Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang dalam Dewan Rakyat pada 15 November 1974. Ucapannya yang berbunyi, "Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di Malaysia melainkan Sabah dan Sarawak telah menandatangani perjanjian dengan Petronas sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Kemajuan Petroleum 1974. Saya diberitahu Kerajaan Selangor telah pun bersetuju menandatangani perjanjian ini. Mengikut perjanjian itu, tiap-tiap negeri akan menerima lima peratus daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperoleh dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut, yang dijual oleh Petronas ataupun agensi-agensi ataupun kontraktor-kontraktornya."

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini selingan sahaja. Pada waktu Yang Berhormat sebut tarikh itu, saya ada di Dewan Rakyat.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *[Ketawa]* Saya tahu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai seorang Ahli Parlimen yang baharu dan saya memang ingat ucapan tersebut. Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* Allah SWT memberi rezeki kepada negeri Kelantan dan

negeri Terengganu dengan penemuan telaga-telaga minyak di perairan yang tidak di dalam tiga batu nautika tetapi sekitar 40 batu nautika dan sehingga kepada sempadan Malaysia-Thailand dan juga Malaysia-Vietnam.

Alhamdulillah, saya diberi kesempatan untuk mengukur jarak telaga-telaga minyak tersebut sama ada yang berada di sempadan Thailand-Malaysia dan juga di Malaysia-Vietnam dan juga beberapa telaga-telaga minyak yang berada berhampiran dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Apa yang menggembirakan saya walau tidak menggembirakan banyak pihak, kebanyakan telaga-telaga ini jauh lebih hampir kepada negeri Kelantan, pantai-pantai di negeri Kelantan berbanding di pantai di Pattani- dan juga pantai di Terengganu. Seheinggakan ada telaga-telaga minyak yang antaranya ialah Damar, Bintang, Lawit yang berada dalam kelompok empat, PM 326B, berjarak tidak melebihi 100 kilometer daripada pantai negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, pada kira-kira 10 tahun yang lampau telah ada satu perjanjian yang konkrit antara kerajaan ataupun pentadbiran Putrajaya pada ketika itu dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Perdana Menteri yang keempat telah bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada ketika Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk membina satu kompleks petrokimia di suatu kawasan yang dinamakan Pantai Senok. Pantai Senok ini merupakan tempat yang strategik dan paling hampir kepada lokasi-lokasi telaga-telaga minyak antara yang saya sebutkan tadi dan juga telaga-telaga minyak yang lainnya.

Atas kejujuran bersama, maka telah disepakati bahawa kerajaan negeri pada ketika itu menyediakan kemudahan untuk tujuan pengambilan tanah untuk tujuan membina kompleks petrokimia tersebut. Syarikat yang akan melaksanakan dan mendapat limpahan daripada projek-projek ini adalah KUB yakni syarikat yang dimiliki oleh parti pemerintah pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Alhamdulillah, perjanjian telah dilaksanakan. Perjanjian telah dibuat dan dilaksanakan dan media massa telah memaparkan seluas-luasnya perjanjian tersebut. Akan tetapi malanglah Tuan Yang di-Pertua, atas apa jua alasan hanya Allah SWT yang mengetahui. Walaupun tempat ini paling strategik, paling hampir kepada telaga-telaga minyak termasuk telaga-telaga minyak berada di sempadan bersama Malaysia-Thai dan juga sempadan bersama Malaysia-Vietnam, projek itu tidak diteruskan, walaupun kerajaan negeri telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk bersetuju untuk segala limpahan ekonomi akan di kendali, di urus oleh syarikat KUB, yakni syarikat milik parti pemerintah pada ketika itu.

Di mana kerajaan negeri telah pun sebagai denak, orang Melayu kata denak telah membina satu syarikat yang berurusan dengan petroleum yang dinamakan Keloil di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sebagai denak untuk menjemput syarikat-

syarikat lain dan KUB itu sendiri supaya membina dan menjalankan aktiviti petroleum dan apa-apa jua perniagaan yang berasaskan petroleum pada ketika itu.

Pada masa yang sama juga kerajaan negeri telah menjadikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sebagai agensi pemudah cara di mana pengambilan tanah ini akan dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan kerana kita tidak dapat elak. Ini kerana tanah-tanah milik banyak di situ tetapi tidak melibatkan *construct cost*, pembinaan yang tinggi kerana tanah di situ rata tetapi pengambilan tanah tidak dapat dielakkan.

Maka untuk memudah cara kerajaan negeri telah mengarahkan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sebagai syarikat pemudah cara supaya projek ini berjalan dengan lancar. Jadi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah menjalankan kerja secara intensif pada ketika itu. Mengenal pasti tanah-tanah, menjalankan kerja-kerja ukur dan melibatkan syarikat-syarikat *soil investigation*, dengan izin, dan juga menjemput untuk petak-petak tertentu, bahagian-bahagian tertentu syarikat-syarikat perunding kejuruteraan, perunding perancang bandar dan sebagainya supaya memudahkan dan melicinkan kerja-kerja pembinaan kompleks petrokimia di Pantai Senok tersebut.

Saya pada kali ini, memohon kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelapan, dengan panggilan manja PM Abah, panggilan manja Abah supaya memikirkan kembali supaya Kelantan yang pada satu ketika agak terpinggir supaya projek ini diteruskan kembali kerana asasnya telah pun diterokai dan *insya-Allah* untuk meneruskan kompleks petrokimia ini aktiviti-aktiviti sudah sampai ke tahap-tahap yang ketiga dan keempat. Tidak perlu lagi kepada tahap permulaan.

Saya menyatakan begini Tuan Yang di-Pertua kerana sekarang ini perniagaan tenaga melalui satu peringkat kompetensi, peringkat pertandingan sengit. Ini kerana sekiranya kos bahan api itu tidak dapat dijual melalui paras tertentu maka banyak platform-platform yang terpaksa ditutup.

Bahkan antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Petronas akhir-akhir ini, banyak platform-platform *inner* sudah tidak digunakan lagi, tidak berpenghuni secara komersial, hanya, dengan izin, *skeleton of staff* yang masih berada di platform tetapi banyak menggunakan helikopter untuk menghantar secara harian pekerja-pekerja daripada sama ada Lapangan Terbang Kota Bharu-Pengkalan Chepa ataupun dari lapangan terbang di Kerteh oleh syarikat *Weststar Aviation*.

Langkah penjimatan seterusnya yang dilakukan oleh Petronas di mana sebahagian besar telaga-telaga, pelantar-pelantar yang berada di bawah daripada 100 kilometer sekarang mereka *transfer*, dengan izin, pekerja-pekerja ini dengan bot bermula subuh ke pelantar dan sampai balik ke pelabuhan di Pulau Duyong, Terengganu sekitar waktu Isyak secara harian waktu-waktu bekerja.

Ini antara langkah-langkah yang diambil oleh Petronas demi menjimatkan kos kerana persaingan kos bahan api sangat mencabar akhir-akhir ini. Bahkan kita dikejutkan beberapa hari yang lepas untuk satu tempoh yang lama kita baru mendengar Petronas satu-satunya syarikat negara kita yang berada dalam *Fortune 500* seluruh dunia. *The only*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *the only company*, Malaysia *company* dalam- *Fortune 500* telah mengalami kerugian yang besar separuh tahun, RM20.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua ini berita yang sangat menikam kalbu kita semua kerana hampir lebih kurang antara RM80 bilion tiap-tiap tahun, sama ada pemberian wajib ataupun juga dividen yang disalurkan oleh Petronas kepada kewangan negara untuk menampung segala aspek pengurusan dan pembangunan.

Dengan ini kita melihat bahawa, dalam jangka panjang, kita tahu bahawa *competition* dengan izin, sangat mencabar. Maka dengan pembinaan kompleks petrokimia di Pantai Senok, negeri Kelantan, yang jaraknya jauh lebih dekat. Umpamanya paling jauh di sempadan Malaysia-Thailand, Cakrawala, dengan izin, kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua hanya berjarak 138 kilometer dari Pantai Senok. Ini saya yang sukat menggunakan GPS. Antara syarikat yang pertama menggunakan GPS dalam negara kita adalah syarikat saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Kemudian, saya pada masa yang sama daripada telaga tersebut, pelantar kepada sempadan di Thailand yang menjadi tempat pendaratan berjarak 270 kilometer dan ke Kemaman juga lebih kurang 280 kilometer. Jadi, kalau dari segi rasional perniagaan, inilah waktunya kita sama-sama memikirkan perniagaan bahan api di masa depan. Jadi sudah tentulah kompleks dan tempat yang paling sesuai adalah di negeri Kelantan tanpa meninggalkan kompleks sedia ada, *insya-Allah*. Bahkan alasan saya kemukakan ini adalah kerana di bawah Perdana Menteri yang keenam telah dirancang jajaran, dengan izin, *East Coast Rail Link* (ECRL), dari Port Klang dan seterusnya ke Pantai Timur sehingga kepada Bandar Baru Tunjong, lebih kurang dua atau tiga kilometer dari bandar Kota Bharu.

Di samping itu ada lagi satu stesen di negeri Kelantan yakni di Tok Bali. Tok Bali dengan Senok hanya sekitar lima kilometer ke tujuh kilometer. Jadi rangkaian ataupun rangkaian jalan kereta api laju sudah tersedia di dalam perancangan tersebut daripada Kuala Lumpur, daripada Port Klang sampai ke Kota Bharu di Tunjong dan juga di Tok Bali berhampiran dengan tempat yang telah sama-sama dipersetujui oleh kerajaan pentadbiran Putrajaya dulu dan juga Kerajaan Negeri Kelantan.

Kedua, tender telah pun ditutup untuk kerja-kerja ukur tanah, kejuruteraan dan juga, dengan izin, *soil investigation* daripada hentian lebuhraya terakhir sekarang ini di Gemuruh Terengganu ke Pengkalan Kubor di negeri Kelantan. Laluannya juga hampir-hampir selari, hampir-hampir, saya tidak kata selari. Hampir-hampir selari dengan laluan ECRL tersebut.

Dengan ini memberi sokongan yang lebih untuk melayakkan lagi Pantai Senok dijadikan satu lagi kompleks petrokimia, selain daripada apa yang ada di Kerteh sekarang ini. Ini *insya-Allah*.

Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, tempat yang paling hampir dengan Ho Chi Minh City adalah di Kota Bharu. Dalam tanah air sepanjang pantai di negara kita yang berjumlah lebih kurang 4,800 kilometer panjang seluruh pantai Malaysia ini, tidak termasuk pulau-pulau sehingga ke Sabah dan Sarawak, titik pantai yang paling hampir ke Ho Chi Minh, titik pantai yang paling hampir ke Bangkok, titik pantai yang paling hampir ke Sihanoukville di Cambodia, semua tempat-tempat tersebut berada di negeri Kelantan. Bahkan daripada *report-report*, laporan yang kita perolehi dan saya terlibat *AirAsia* telah bersetuju menjadikan hab Kota Bharu untuk kawasan lingkungan penerbangan ke kawasan Indo-China.

Begitu juga syarikat *Firefly* juga telah bersetuju untuk diadakan penerbangan dari Kota Bharu ke Ho Chi Minh. Jadi ini menunjukkan tanda-tanda keyakinan pelabur kepada lokasi ini, kepada negeri Kelantan itu untuk dijadikan hab baharu, sama ada hab penerbangan dan juga kepada petrokimia itu sendiri.

■1510

Bahkan Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mewakili rakyat Kelantan, merakam junjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V kerana atas inisiatifnya, maka telah terbina satu pelabuhan mini yang kita panggilkan *Tok Bali Supply Base...*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung Yang Berhormat, dalam masa tiga minit. Tiga minit.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Insya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, nampak saya sokong banyak Tuan Yang di-Pertua tadi [*Ketawa*] Jadi, saya mohon Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita fikir, *Tok Bali Supply Base* ini mengikut cerita *managing director*, yang dulu dia *managing director* kepada *Kemaman Supply Base*. Kepada Kerajaan Negeri Kelantan semasa taklimat, dia beritahu dengan izin, "*This port is 10 times better than the other ports that I had already initiated.*"

Ini maknanya, cukup strategik Pelabuhan Tok Bali ini. Paling hampir kepada Ho Chi Minh, paling hampir kepada China, paling hampir kepada Jepun, paling hampir kepada Bangkok dan sebagainya. Justeru itu, inilah waktunya, dengan izin, *this is the moment. No other moment*, dengan izin. *This is the moment, since we are together*, dengan izin. Marilah bersama-sama dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan Kompleks Petrokimia di Pantai Senok, Bachok demi kelangsungan perniagaan bahan api di masa depan. *Wallahu'alam*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga daripada sahabat-sahabat semua. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat. Penyampaian ulung dan juga dengan cara yang sentiasa kita tekankan iaitu tanpa menggunakan teks. Olahan itu akan kita rakam sebagai petua yang baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, sila.

3.12 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang dalam masa yang terbatas ini hanya untuk memfokuskan, terutama sekali perenggan tiga, empat, lima, enam, tujuh, 13 dan 15 sahaja daripada Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali berasa bangga dengan satu Titah yang sangat lengkap oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin memulakan perbahasan saya, terutama sekali kepada isu yang pada pandangan saya penting untuk negara kita Malaysia bergerak ke depan iaitu mengenai isu yang diketengahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda mengatakan, Baginda Bertitah bahawa Baginda terpaksa mengambil satu inisiatif untuk menentukan kepimpinan negara bila mana terdapat kelompangan di dalam kepimpinan dalam negara di suatu ketika.

Persoalannya di sini ialah saya melihat bahawa di sini Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencipta satu *precedent* baharu di dalam menentukan tampuk kepimpinan di negara di mana Baginda sendiri, dengan inisiatif sendiri telah memanggil semua pimpinan ke Istana Negara dan kebetulan saya juga – walaupun bukan Ahli Parlimen ketika itu. Hanyalah Senator tetapi bersama kawan-kawan ke sana.

Saya melihat bagaimana kesungguhan yang ditunjukkan oleh Baginda untuk memastikan bahawa negara ini dari segi sudut kepimpinannya dapat diteruskan. Pun begitu, seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa berdasarkan rujukan kes yang terdahulu, daripada Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan sehinggalah ke kerajaan Perak dan sebagainya, ini telah membentuk satu kes rujukan-rujukan baharu.

Jadi, untuk mereka yang minat ataupun prihatin dengan hal ehwal Perlembagaan dan sebagainya, ini adalah satu rujukan baru, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya berhujah sebegitu. Pun begitu, saya mahu kita semua fikir-fikirkan bahawa apakah yang sebenarnya yang mahu ditinggalkan ketika mana Suruhanjaya Reid memberi cadangan terhadap cara kita berpolitik? Apabila saya melihat di dalam Laporan Reid yang telah- di perpustakaan tadi, memang jelas mengatakan bahawa cadangannya ialah Malaysia mesti mengamalkan prinsip pilihan raya Parlimen, *Parliamentary democracy*, dengan izin.

Jadi, di sini saya melihat apa yang telah dibangunkan semenjak Malaysia merdeka, ia berjalan dengan sangat baik sehinggalah baru-baru ini satu perkara yang bagi saya, norma baharu berlaku. Perkara ini adakah satu perkara yang kita minta dan sebagainya? Saya beranggapan bahawa inilah satu perkara yang telah berlaku dan yang perlu ditangani.

Apabila mendengar ucapan daripada rakan saya, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip baru-baru ini yang dengan jelas di dalam Dewan ini mengatakan beliau terlibat di dalam perancangan dengan beberapa yang lain, dengan bertujuan dengan satu tujuan. Saya terkejut juga tetapi yang dizahirkan di Dewan yang mulia ini, hanyalah satu tujuan iaitu untuk menghalang Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan juga parti DAP untuk berada di dalam pimpinan.

Jadi, saya berhujah sekiranya tujuannya itu hanyalah untuk menafikan hak DAP dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, saya khawatir apa yang dikatakan itu boleh terjumlah kepada perkara-perkara yang tidak bersifat demokratik. Ini kerana saya berhujah Tuan Yang di-Pertua, DAP ialah sebuah parti politik yang berdaftar dan secara pilihan telah memasuki pilihan raya dan berkempen mengikut aturan-aturan seperti mana yang digariskan di bawah sebuah negara yang mengamalkan, dengan izin, *rule of law*.

Saya juga melihat apa yang cuba dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan sebagainya ialah beliau ketika mana terpaksa keluar daripada parti beliau dan membina parti yang baharu, berdaftar dan sehingga sekarang ini *alhamdulillah*, mendapat kurang lebih sejuta keahlian dan beliau memasuki pilihan raya. Apa yang kita khawatir Tuan Yang di-Pertua, ketika mana- sedikit pengalaman, ketika awal tahun 2000, terlibat di dalam kes Al-Ma'unah ketika itu. Saya terlibat sebagai salah seorang peguam. Ketika itu ramai mengatakan bahawa kita tidak boleh membenarkan mana-mana elemen-elemen yang *undemocratic*, dengan izin, dalam menukar kerajaan. Tidak boleh.

Jadi ketika itu, walaupun perkara itu telah berlaku, saya ingin mengatakan bahawa dalam kes Al-Ma'unah itu sendiri pun, kita melihat kerajaan telah menanganinya. Ia telah dibawa ke mahkamah dan mereka ini telah dihukum dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baru-baru ini apabila saya melihat laporan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan prihatin telah memberikan pengampunan kepada 13 orang pesalah Al-Ma'unah.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang cuba dipastikan ialah supaya tidak ada elemen-elemen yang kita panggil *undemocratic forces*. Selagi mana di Malaysia ini segala pilihan yang diambil oleh rakyat Malaysia, tidak kira yang mengundi, tidak mengundi dan sebagainya tetapi menyokong apa yang dimaksudkan itu demokrasi berparlimen, saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang perlu diraikan. Oleh sebab itu, saya berhujah di sini

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat, apabila Kanun Keseksaan jenayah dipinda sekitar saya ingat awal tahun 2000, ketika itu saya di Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Kanun Keseksaan jenayah, seksyen 124(b), dengan izin ya. Saya baca prosedur asal, dikatakan, “*Activity detrimental to Parliamentary Democracy...*”. Di katakan di situ, dengan izin, “*Whoever, by any means, directly or indirectly commits an activity detrimental to Parliamentary Democracy, shall be punish with imprisonment for a term which may extend to 20 years*”.

Jadi, Parlimen pada ketika itu, sama-sama kita bersetuju bahawa kita tidak boleh membenarkan mana-mana aktiviti yang membahayakan amalan demokrasi berparlimen dan ia merupakan satu kesalahan jenayah. Hari ni, saya melihat bahawa tidak ada segan silu perkara ini dikatakan di khalayak awam bahawa kita boleh melakukan perkara sebegini dengan beberapa orang kita untuk menukarkan kerajaan.

Jadi, saya melihat bahawa trend ini bukanlah satu trend atau satu pandangan yang saya kata wajar diraikan bagi kita yang meraikan dan mengamalkan demokrasi berparlimen. Malah, kalau tidak keterlaluan saya kata, memandangkan Parlimen telah meluluskan ialah satu kesalahan jenayah. Sekiranya kita membenarkan orang-orang tertentu mengadakan perubahan kerajaan bukan melalui pilihan raya, saya rasa ini bukanlah satu perkara yang perlu kita raikan.

■1520

Saya rasa pihak kerajaan perlu melihat perkara ini supaya ke depan. Apa yang akan berlaku di negara kita ini ialah parti-parti politik yang berdaftar tidak kira parti DAP, parti PAS, parti rakan-rakan GPS di Sabah dan Sarawak, rakan-rakan di Sabah, selagi mana kita memasuki pilihan raya dengan satu amalan yang sihat saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diraikan. Inilah yang dimaksudkan, dengan izin, *Parliamentary Democracy*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan ialah apa yang kita sama-sama cuba jayakan di Dewan yang mulia ini. Saya menekuni ucapan Tuan Yang di-Pertua yang mana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah mengangkat satu petikan paragraf daripada Suruhanjaya Reid iaitu di perenggan 64 yang Tuan Yang di-Pertua mengangkat dan saya amat berterima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana ini akan menjadikan satu asas kita untuk bergerak ke depan.

Tuan Yang di-Pertua katakan bahawa apa yang dikatakan di dalam Laporan Suruhanjaya Reid tersebut ialah menggambarkan bahawa Dewan ini bukanlah dengan izin, *secondary importance*, tidak. Kita ialah *primary importance*. Kita utama, kita bukan kedua. Jadi saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua tersebut malah saya rasa kita di sini perlu bangga sebagai Senator yang dilantik di peringkat negeri mahupun oleh Yang di-Pertuan Agong, kita bukanlah *secondary importance*, kita ialah utama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah diri ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua juga dan Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa kita Dewan yang mulia ini telah memulakan usaha yang kecil, sederhana tetapi saya rasa boleh diperhebat lagi dengan pengalaman Tuan Yang di-Pertua. Macam Tuan Yang di-Pertua kata tadi, masa tahun Allahyarham Tun Razak tengah bahas itu, Tuan Yang di-Pertua sudah menjadi *Parliamentary Secretary*, tahun 1974 lebih kurang. Saya baru beranak, baru dilahirkan [*Ketawa*]

Jadi saya melihat walaupun usaha yang kecil ini Tuan Yang di-Pertua, untuk rujukan Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara ini telah kami rekodkan di dalam satu naskhah iaitu *Menzahirkan Reformasi Dewan Negara* yang mana mantan Tuan Yang di-Petua Dewan sendiri memberi dukungan yang sangat baik tanpa mengira batasan parti.

Kami bermula sekitar 19 Disember 2018 dengan satu penubuhan Jawatankuasa Kerja Reformasi yang kecil melangkaui parti. Kemudian kami memulakan pelbagai sidang meja bulat dan seterusnya sehinggalah buat pertama kali dalam sejarah Dewan yang mulia ini kita membentuk Kokus Dewan Negara. Jadi, saya yakin dengan pimpinan Tuan Yang di-Petua banyak lagi pandangan-pandangan yang boleh kita sama-sama dokong untuk kita perbaiki, untuk kita sama-sama mantapkan Dewan Negara seperti yang Tuan Yang di-Petua nyatakan, dengan izin, "*It has to be primary importance, not secondary importance.*"

Seterusnya, saya juga bersetuju dengan Tuan Yang di-Petua, ia mestilah menjadi satu platform yang mana perbahasannya itu, dengan izin, yang dipanggil sebagai '*an influential forum of debate and discussion*'. Jadi dia bukan *just another forum but an influential forum*. Forum yang berpengaruh dan saya juga berharap perkara tersebut dapat dipanjangkan oleh Tuan Yang di-Petua kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan agar kerajaan menyambut baik.

Di masa yang terbatas ini saya juga ingin mengatakan bahawa saya bersetuju dengan rakan-rakan yang mengatakan asasnya ialah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 itu perlu dikembalikan. Akan tetapi, yang kita cadangkan bukan sahaja dikembalikan, kita cadang ia perlu dikembalikan dengan satu pembaikan, dengan satu tambah nilai. Jadi, yang kita cadangkan iaitu mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dengan pindaan yang sesuai berdasarkan peruntukan dan pengalaman seperti diamalkan di *Senate* lain yang berwibawa seperti di Australia dan sebagainya.

Seterusnya, kami juga mencadangkan bahawa untuk mengkaji tempoh Ahli Dewan Negara ini. Ini agak kontroversi Tuan Yang di-Petua sebab pengalaman yang kami timba daripada Kanada katanya selama tiga tahun, sekiranya tidak *direnew* sehingga seterusnya, ditambah baik- katanya tahun pertama baru hendak kenal Aturan Mesyuarat. Tahun kedua baru hendak dapat pengalaman orang kata berbahas dan sebagainya dan tahun ketiga itu barulah betul-betul fasih ataupun kita panggil arif.

Jadi, pandangan Speaker dan Senator-senator daripada Kanada mengatakan agak wajar ia dipanjangkan. Walaupun begitu saya kata perkara ini perlu dinilai sewajarnya oleh pihak kerajaan dan juga pihak Tuan Yang di-Petua untuk melihat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin boleh saya bagi sedikit pandangan daripada sudut-walaupun apa yang saya hendak sebut ini mungkin tidak berbunyi begitu neutral. Jika sedemikian halnya, sebaik-baiknya anggota *Senate* kita di sini membuat usul sebulat suara atas apa yang disebutkan tadi. Jadi ia menjadi satu *spinal* usul yang tidak dapat tiada mesti diiktiraf [*Ketawa*]

Oleh sebab di bawah peraturan mesyuarat kita ini, kita merupakan Dewan tertinggi... [*Tepuk*] Jika itu dapat dilakukan, maka haruslah kita lihat buku merah itu dan kita tokok sedikit sebanyak apa yang patut kita lakukan. Saya berhenti di situ dahulu... [*Tepuk*] Silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada cadangan Tuan Yang di-Pertua dan saya serahkan kebijaksanaan kepada rakan-rakan sekiranya nadanya ialah nada menyokong mari kita sama-sama tepuk... [*Tepuk*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya menyokong penuh usaha yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi supaya mengangkat Dewan yang mulia ini. Saya juga bertemu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator daripada Kanada. Kebetulan dia orang Malaysia, ketika saya ada *Conference CPA* di London.

Di Kanada, Perdana Menteriya mengambil inisiatif untuk mengangkat *Senate* dengan *term*-nya ialah tujuh tahun. Tujuh tahun dan bersambung lagi tujuh tahun. Jadi, sebagai seorang anggota *Senate* ini ia lebih bebas. *Senate*, kita dilantik oleh kerajaan tiga tahun. Jadi, tiga tahun ini hendak kritik kerajaan tidak boleh, nanti tidak sambung kontrak pula [*Ketawa*] Jadi, saya setuju supaya kita lebih bebas memberi pandangan-pandangan. Kalau kita lihat *debate* di sini kami tidak *cross debate*. Oleh itu, kita sokong usaha ini.

Saya rasa juga dibawa usul supaya disemak semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 iaitu supaya diperkukuhkan Dewan Negara supaya fungsi Dewan Negara sebagai *checks and balances* ini benar-benar berlaku di negara ini. Saya menyokong penuh usaha Tuan Yang di-Pertua bersama kami Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk mengangkat martabat Dewan ini dan untuk kebaikan negara kita ini. Terima kasih... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: *Insyallah*. Dalam konteks itu, sekiranya ditokok sedikit pandangan daripada rakan-rakan yang menyumbang tenaga fikir. *Consensus* harus kita

lakukan dalam penentuan fungsi, penentuan Perlembagaan dan penentuan masa depan negara atas status Dewan Negara ini.

Oleh yang demikian, terbaik saya rasa kita men-*detail*-kan beberapa hal dalam forum yang tidak semestinya semua di sini kemudian kita bawa ke dalam Dewan ini sebagai kata bulat. Ini cara yang lebih merapatkan anggota Dewan ini antara satu dengan lain. Kita agihkan kalau ruangnya bak durian dan lopaknya bak sawah kita satukan menjadi pandangan kenegaraan di bawah Dewan Negara kita sendiri. Jadi, ini saya rasa kuat dan tentu sekali Ahli-ahli Yang Berhormat Senator rasa kuat juga. Kita pegang ini sebagai jurusan masa depan kita di Dewan yang mulia ini. Teruskan... [Tepuk]

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Amin, amin.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya selalu beranggapan bahawa Dewan yang mulia ini ialah Dewan muafakat suara rakyat. Saya selalu beranggapan- Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila kita cakap *Senate* ini, hendak kata Bahasa Melayu kah, bahasa Orang Putih kah, kita pun tidak tahu. Jadi, saya rasa inilah Dewan muafakat. Kalau bahasa Arab namanya '*muafaqoh*', kalau Indonesia panggil 'mufakat'.

Jadi, bagi saya ini adalah falsafah pandangan saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this is the idea of democracy* kita yang mana kita bertolak ansur, kita berkompromi untuk kepentingan yang lebih besar. Jadi, saya melihat potensi Dewan Negara ini ialah di mana suara negeri dan suara Pusat dapat bermuafakat isu-isu yang tadi, isu petroleum itu untuk negeri Kelantan, isu MA63 atau Perjanjian 1963. Saya rasa ini, "*Bersekutu bertambah mutu*" yang Tuan Yang di-Pertua selalu ketengahkan itu ialah satu nilai, satu piagam, moto yang mana kita sama-sama lihat bagaimana ia perlu dimaknai di kala alaf 21 ini.

Ini kerana, "*Bersekutu bertambah mutu*" yang kita lihat di belakang Tuan Yang di-Pertua itu ialah satu perkara yang diilhamkan secara geniusnya suatu ketika dahulu. Akan tetapi, sekarang sudah tahun 2020 mari kita sama-sama memaknainya. Saya rasa platform yang terbaik ialah Dewan Negara. Memang secara niatnya, niat penggubal, ia dibuat memang untuk menjadi suara negeri dan suara Pusat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bergerak kepada isu yang saya rasa sama penting selain daripada kita membina sistem sokongan, kita membina ruang tetapi yang paling penting ialah falsafah dan etikanya itu iaitu isu perpaduan. Saya sebenarnya berasa terpuja Tuan Yang di-Pertua untuk bahas isu ini kerana saya lihat Yang Berhormat Menteri Perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua secara konsisten setiap hari di Dewan yang mulia ini sebagai Yang Berhormat Menteri Perpaduan... [Tepuk]

■1530

Saya rasa ini satu perkara yang perlu saya rekodkan dalam perbahasan saya kerana pengalaman pendek dua tahun di sini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa selalunya Timbalan Menteri, malah kadang-kadang jadi kelaziman. Tuan Yang di-Pertua ada pengalaman jadi Menteri, kadang-kadang Timbalan Menteri. Saya tengok hari itu Perdana Menteri sendiri. Ini ialah satu pengiktirafan.

Jadi, dalam konteks perpaduan Yang Berhormat Menteri, boleh saya langsung kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa perpaduan ini ialah satu perkara yang boleh kita sama-sama serlahkan, tonjolkan ke dunia kerana hujah saya ialah ini ialah satu-satu negara tempat di dunia yang mana tamadun utama dunia yang Islam, Cina, Kristian, Eropah dan sebagainya berinteraksi dan berinteraksinya ialah di dalam mana? Di arus perdana. Saya yakin interaksi inilah yang telah membentuk Malaysia pada hari ini menjadi sebuah negara yang sangat istimewa di dunia.

Oleh sebab itu saya yakin sekiranya agenda perpaduan ini dijadikan satu agenda utama kerajaan pada hari ini dengan di dukung oleh Parlimen, ia akan mampu dengan izin, *unleashed the real potential* anak-anak bangsa Malaysia. Saya beranggapan Tuan Yang di-Pertua, 'bulat air kerana pembedung' itu ialah satu gambaran di mana bakat-bakat hebat Melayu, bakat-bakat hebat Cina, bakat-bakat hebat India, bakat-bakat hebat Iban, Kadazan dan seterusnya yang mana dipilih dan diangkat untuk agenda besar Malaysia. Saya yakin Malaysia akan membangun, akan jadi negara yang terbaik dan dihormati di dunia.

Ini saya berhujah Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak punya asas. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua lebih tahu bahawa Malaysia bermula sekitar tahun 60-an, 70-an pada asas yang sama. Negara-negara jiran kita Taiwan, Korea Selatan, Singapura, kita sama tetapi persoalannya kenapa negara-negara ini melonjak. Kalau jiran sebelah SD1, kita dah RM3 lebih. Kalau rakan kita di Taiwan, mungkin dua kali. Ini secara gambaran besar. Rakan di Korea Selatan, dulu main bola pun sama-sama Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah jauh dengan teknologi dan sebagainya.

Di mana masalahnya di sini? Bagi saya, potensi Malaysia sebenarnya sekiranya digarap dengan betul, dengan etika politik yang betul dengan perpaduannya itu, saya yakin Malaysia sebenarnya mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara yang saya katakan tadi.

Jadi saya mencadangkan Pelan Perpaduan Negara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia di-Pertuan Agong itu di dalam ucapan Baginda itu, saya rasa bukanlah satu agenda biasa. Ia perlu dijadikan agenda utama dan saya mohon sokongan rakan-rakan bahawa kita ada Kaukus Dewan Negara. Kaukus Dewan Negara akan mengangkat agenda perpaduan ini sebagai satu agenda utama, *not secondary important* tetapi, dengan izin, *as a*

primary importance. Saya rasa sekiranya kita suara negeri dan suara pusat dapat berpadu, kita membantu Menteri kita di sini. Saya yakin agenda ekonomi, agenda sosial, agenda lain-lain akan jadi lagi hebat.

Poin yang terakhir Tuan Yang di-Pertua di masa yang terbatas ini, saya ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua lebih kurang?

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Habiskan ya, okey. Terakhir sekali saya rasa dalam kita hendak bermuafakat, dalam kita hendak bekerjasama dan sebagainya, beretika tetapi kita tahu realiti kita sekarang ini ialah realiti dunia inovasi, dunia teknologi. Hari ini saya rasa terkilan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merakamkan terkilan saya apabila perkara sebenarnya mengenai adik kita di Sabah itu ialah isu kemiskinan. Isu masalah adik kita di Sabah itu bukannya isu jaringan internet, isunya bukan isu dia hendak buat peperiksaan atas pokok ataupun di bawah pokok. Isu sebenarnya ialah isu pembangunan, isu kemiskinan.

Bagi saya untuk kita melihat isu itu daripada sisi politik, saya rasa itu ialah satu kedangkalan dan kejahilan kita. Jadi saya menggesa Menteri yang berkenaan bantu adik tersebut kerana saya fikir anak orang Sabah kah, anak orang Sarawak kah, anak orang Pulau Pinang ke, dia ini anak orang Malaysia yang saya rasa di atas semangat kemerdekaan yang baru kita sama-sama sambut baru ini, saya ingin menggesa kerajaan, tolonglah perbetulkan isu ini.

Saya merayu kepada Perdana Menteri, betulkan keadaan ini. Saya rasa perkara ini saya cuba memahami kerana saya pun datang dari keluarga susah. Tolong lihat isu itu daripada kaca mata gadis yang miskin tersebut, isunya ialah isu pembangunan. Mari kita sama bangunkan Malaysia dengan pembangunan yang manusiawi.

Tadi saya sempat...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat, mohon mencelah Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Senator Yusmadi, isu perpaduan ini memang sangat penting. Kita tengok sebenarnya perpaduan ini kita boleh rapatkan dan perkemaskan sekiranya kita dapat mengurangkan kesenjangan di antara luar bandar dan juga bandar, luar wilayah dan wilayah kerana yang di luar bandar ini pendapatan

lebih rendah dan miskin. Jadi disebabkan itu mereka merasakan diri mereka ini tidak adil daripada segi ekonomi itu. Maka mereka merasakan mereka ini terpinggir dan perpaduan itu kita sukar untuk samakan kerana dia tidak dapat, yang orang lain dapat. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua kerana yang melatari isu perpaduan ini ialah isu keadilan, yang melatari isu perpaduan ini ialah isu pembangunan, yang melatari isu-isu perpaduan ini ialah isu tadi itu, isu kefahaman. Yang melatari isu perpaduan ini jugalah isu kita toleransi dan yang lebih penting lagi, Menteri Perpaduan tengok saya, saya takut Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya ini ialah kejayaan Malaysia selama hampir 60 tahun lebih. Kita ada generasi yang Tuan Yang di-Pertua katakan tadi menuntut kemerdekaan, generasi yang telah mencapai kemerdekaan, generasi yang telah membina Malaysia dan generasi yang telah memodenkan Malaysia. Sekarang kita berada dalam satu generasi pasca pemodenan. Pasca pemodenan inilah yang telah menunjukkan sekiranya ada lebihan pembangunan. Apa lebihan pembangunan? Tadi, kesenjangan yang mana kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin.

Apa lagi kelebihan daripada pemodenan Malaysia? Itu isu hak asasi, isu gender, isu tadi saya berbincang dengan Yang Berhormat Senator Ras Adiba, isu Orang Kelainan Upaya. Kadang-kadang kita pada hari ini masih lagi melihat golongan minoriti ini golongan yang, dengan izin, *token*. Saya hendak mencadangkan hari ini untuk Yang Berhormat Menteri, pembangunan mestilah pembangunan manusiawi. Apa pembangunan manusiawi? Pada pandangan saya yang sederhana ini ialah apa yang baik untuk orang biasa tidak semestinya baik kepada Orang Kelainan Upaya. Akan tetapi apa yang baik untuk Orang Kelainan Upaya, mesti baik untuk Orang Kelainan Upaya.

Janganlah anggap mereka ini ialah orang yang kita panggil *token*. Buat dulu baru fikir mereka. Dulu kita di Dewan Rakyat Yang Berhormat Menteri, sehingga berlaku satu kecelakaan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, baru kita tahu oh rupanya Parlimen kita tidak cukup manusiawi. Oh kita hendak bagi untuk Orang Kelainan Upaya, mendiang Karpal Singh. Sebelum itu kita tidak fikir. Akan tetapi Dewan yang mulia ini memang daripada asal dibuat untuk menyantuni suara-suara minoriti. Jadi sebab itu Perlembagaan mengiktiraf Orang Asli, mengiktiraf orang Siam, mengiktiraf Orang Kelainan Upaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah Dewan yang sebenarnya Dewan muafakat yang sangat manusiawi. Saya yakin *insya-Allah* kalau kita sama-sama mengangkat darjat Dewan ini sebagai jadi Dewan yang tertinggi seperti Tuan Yang di-Pertua cakap itu, saya rasa *insya-Allah* kita akan, dengan izin, kita muafakat *insya-Allah* Malaysia hebat. *Assalamualaikum*

warahmatullaahi wabarakaatuh. Terima kasih dan saya menyokong usul yang diusulkan oleh rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Beberapa bibit pemikiran itu tentu sekali menusuk pemikiran kita yang secara kolektif.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

3.58 ptg.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu sebelum saya mulakan ucapan perbahasan saya, tidak terlewat untuk saya mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-63 buat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat Malaysia yang dikasihi. Semoga kita terus mengamalkan kesepaduan di antara kita, dan kita berusaha membangunkan negara ini sebaik mungkin dan meletakkan di landasan yang betul dengan memperjuangkan nasib rakyat selaras dengan tema kemerdekaan kita pada tahun ini iaitu "Malaysia Prihatin".

Ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana berjaya dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara buat penggal kali ini. Semoga dapat berkhidmat dengan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk John Ambrose: Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja adalah menyeluruh menyentuh pelbagai kementerian dan memastikan kepada kesejahteraan rakyat. Pesanan Baginda kepada wakil rakyat tentang pelbagai etika yang baik tentunya kami terima dengan hati yang terbuka.

■1540

Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada kemajuan negara adalah amat tinggi sekali. Kita sama ada sebagai penjawat awam, anggota pentadbiran, ahli perniagaan, rakyat yang muda dan tua menyanjung kasih Titah yang sangat bertepatan dan kena pada masanya.

Sesungguhnya Tuanku telah menggalas amanah dengan tulus dan adil selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang amalan negara kita menurut Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan. Setelah melalui proses penilaian, Tuanku telah melantik Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang mendapat majoriti kepercayaan Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri Malaysia kelapan.

Seperti kita sedia maklum, rakan-rakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat telah dititahkan menghadap Tuanku di istana melalui proses penilaian sokongan. Ada yang

masuk ke istana dengan bas bumbung, ada yang masuk dengan bas tidak berbumbung agar boleh dilihat oleh semua rakyat dan dunia.

Kemelut politik negara diselesaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di istana dengan bijaksana. Setelah Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir meletakkan jawatan, diterima menghadap, diminta oleh Tuanku untuk tidak meletak jawatan, namun Tun Mahathir tetap dengan keputusannya. Akhirnya, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin dilantik oleh Tuanku menjadi Perdana Menteri kelapan. Itulah, jangan lagi ada cuba mempolitikkan isu ini kerana itu 'kerajaan pintu istana' yang sah, bukan 'kerajaan pintu belakang'.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat bernasib baik kerana kejayaan memerangi COVID-19 dengan cemerlang, menjadi antara negara *top five* dari segi pengurusan terbaik mendepani pandemik COVID-19. Tahniah diucapkan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, MP Pagoh dan seluruh yang terlibat.

Oleh itu, sekali lagi, marilah kita merakamkan penghargaan di Dewan yang mulia ini kepada perkhidmatan kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera, polis, RELA, APM, Jabatan Imigresen, bomba dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), SKMM, pihak media cetak, media elektronik dan digital serta lain-lain pihak yang tidak dapat disebutkan satu persatu. Kita beri tepukan kepada mereka semua ini.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan yang mempengerusikan mesyuarat setiap hari. Begitu juga dengan 19 Menteri yang lain. Berpuluh lagi agensi setiap hari mengadakan mesyuarat. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan, kakitangan Kementerian Kesihatan, semua ini kita ucapkan tahniah.

Tahniah juga kepada Kementerian Kewangan yang meneruskan PRIHATIN dan PENJANA bagi membantu meringankan beban rakyat ketika COVID-19 ini yang ganas melanda. Penghargaan juga kepada seluruh rakyat di negara ini dari Semenanjung hingga Sarawak dan Sabah yang telah dengan taat menuruti SOP PKP, PKPD, PKPB dan PKPP.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ini telah melaksanakan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) di mana sejumlah RM10.92 bilion kepada seramai 10.245 juta orang di Malaysia. Ini adalah satu rekod bantuan terbesar seumpamanya dalam negara Malaysia. Hampir sejumlah RM11 bilion kepada lebih 10 juta rakyat.

Bantuan geran khas PRIHATIN pula dimanfaatkan seramai 544,632 perusahaan kecil dan sederhana dengan sejumlah RM3,000 setiap satu, berjumlah RM1.634 bilion. Dicadangkan prosedur untuk PKS mendapat geran ini dipermudahkan. Pastikan semua peniaga termasuk pasar malam, pasar tani, pasar borong, peniaga kecil, pekedai *food truck* dan penjaja tepi jalan semua dapat.

Keseluruhan kesan bantuan ini secara langsung dan tidak langsung, PRIHATIN dan PENJANA berjumlah RM295 bilion merupakan angka yang besar dan luar biasa. Sekali gus

dengan pelaksanaan ini memberi kelegaan kepada rakyat bahawa kerajaan ini amat prihatin dan menjaga kebajikan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang beberapa isu masalah setempat di kawasan saya di Penampang, Sabah. Antaranya ialah projek air, di mana projek ini diluluskan oleh Kerajaan BN dahulu kosnya RM48 juta. Saya mahu tahu juga, apa kedudukannya sekarang? Kerana musim PH, saya diberitahu bahawa projek ini ditangguhkan dan tentu sekali di Penampang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada *dam* di mana *we provide water to the people of KK but* banyak orang di Penampang masih belum ada air bersih.

Jadi, itulah diluluskan projek RM48 juta ini untuk orang-orang Penampang yang tidak ada paip pergi ke rumah-rumah mereka. Saya rasa ini betul-betul untuk rakyat di Penampang. Kenapa pula ditangguhkan oleh kerajaan yang dulu? Saya harap Kerajaan PN ini akan teruskan projek ini kerana ini boleh membantu rakyat. Kita dalam Malaysia ini kalau ada orang yang minum air bersih, ada yang tidak, tidak adillah saya rasa. Saya mintalah kalau Kerajaan PN ini supaya kalau ada, kementerian ini pastikan bahawa projek ini terus diluluskan.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah *flood mitigation*. *Flood mitigation* ini Tuan Yang di-Pertua, musim BN juga diluluskan RM480 ribu. Bila musim PH, saya tidak tahu kenapa. Sedangkan MP dia saudara saya. *First cousin* saya, Dorell Leiking, dia Timbalan Presiden Warisan. Akan tetapi saya tanya dia, dia cakap pada saya, *he wants to give priority to another project which is not relevant at this present stage*. Dia minta *flyover* di Penampang. Sedangkan projek *flood mitigation* ini kalau ada dua jam sahaja hujan, tetap banjir di Penampang.

Baru-baru ini, Dorell juga cakap di *newspaper* bahawa dia sudah dapat kelulusan untuk klinik. Klinik ini memang diluluskan dari dulu, dari zaman MCA lagi. MCA yang minta projek ini tapi kadang-kadang pandai dia orang ambil nama. Saya boleh jadi saksi pada projek ini kerana saya pergi berjumpa sama ketua kesihatan di Penampang dan ketua kesihatan itu, doktor cakap, *“Datuk John, this project is not good”*. *“Why?”* Saya bilang. Kerana dia bilang, kalau bina klinik kesihatan, dia tidak ada *parking*. *Only parking for staff*. Yang orang mahu datang pergi klinik ini orang sakit. Adakah mahu angkat? Berapa jauh mahu jalan? Jadi, saya mintalah kalau boleh cari tempat yang sesuai.

Fasal klinik lagi ini, saya minta hospital di Penampang ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana penduduk di Penampang ini sudah hampir lebih 100 ribu yang tinggal sana dan ia berdekatan sama KK. Dahulu dalam *meeting Senate* di sini pun saya ada cakap pasal klinik ini, dan saya mohon jawapan secepatnya supaya hospital harus dibina di Penampang.

■1550

Kepada KPLW, jalan raya pun banyak yang masih belum ada di Penampang ini. Ada saya kadang-kadang saya pernah berjalan kaki pergi Lokos, Ngungun di mana ada sekolah

di sana dan murid-murid dan cikgu-cikgu dia minta bantuan pada *hikers* untuk angkat barang-barang keperluan murid dan cikgu pergi ke sekolah itu. Jadi, tentu sekali kita harus ada jalan raya supaya kemudahan untuk cikgu-cikgu dan murid-murid yang bersekolah di sekolah berkenaan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh berbahas lebih baik tanpa membaca.

Datuk John Ambrose: [*Ketawa*] Saya ingin lagi bercakap Tuan Yang di-Pertua, pasal ini Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua: Jalan ya, jalan?

Datuk John Ambrose: Jalan raya di mana diluluskan oleh kerajaan yang dahulu patut diteruskan oleh Pakatan Harapan tetapi saya tengok Tuan Yang di-Pertua, banyak kompelin kerana parit-parit di jalan raya itu pernah ada berlaku satu peristiwa *few months ago* di mana kerbau masuk dalam parit itu, tidak dapat diangkat dan mati di sana.

Kalau boleh kita kasi besar sedikit kerana kalau binatang pun boleh mati, saya rasa manusia pun bahaya juga [*Ketawa*] Itulah saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu ada- dan tanahlah kita ini. Projek-projek Pan Borneo ini mereka sudah *bikin* Pan Borneo tetapi pampasan kepada tuan punya tanah itu belum ada, banyak lagi belum dapat. Ini saya mahu tahu angka, berapa banyak orang yang belum terima. Kalau kawasan Penampang pun masih belum kena bayar, tentu sekali kawasan lain-lain pun tentu lebih banyak juga.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk John Ambrose: Tidak, sekarang saya ingin- isu yang tuntutan Manila ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai orang Sabah, tentu sekali saya memang susah hati. Namun saya tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Sabah baru-baru ini, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap kalau Sabah dituntut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekeras-kerasnya menentang tuntutan Filipina ini dan saya harap Kementerian Luar Negeri ini bolehlah bercakap sama *Philippine* ini.

Cerita ini Tuan Yang di-Pertua, *I think I better share some of the-* bila musim Tandou ini, di mana Datuk Seri Shafie Apdal telah- ketika itu Datuk Seri Shafie Apdal bukan Ketua Menteri. Musim itu Yang Berhormat Tan Sri Musa. Dia telah *contact* ipar saya Datuk Amir Kahar, anak kepada arwah Tun untuk pergi berunding sama Sultan Sulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tun Mustapha, Tun Mustapha?

Datuk John Ambrose: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab banyak Tun sekarang.

Datuk John Ambrose: Tun Mustapha.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk John Ambrose: Anak kepada Tun Mustapha, dia pergi berunding *then* bila dia sampai sana, Sultan Sulu bilang sudah, *gunshot has been fired*. Bila ada *fire* sudah, so dia

bilang dia tidak boleh buat apa-apa. So, kalau rundingan ini, saya rasa nama Tun Mustapha masih lagi disegani oleh orang-orang Sulu ini dan kalau boleh rombongan itu tolonglah bawa yang ada kaitan dengan Sultan Sulu. Itu sahaja pendapat saya.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua yang amat penting betul-betul ialah *Native Court*. Ada tiga *court* di Malaysia ini yang *directly recognized, three courts' been recognized in Malaysia. One is Judiciary Court, one is the Syariah Court, one is Native Court. Native Court* ini sudah *has been in the... [Rakaman kurang jelas] Even before Malaysia* tetapi dia ada sekarang. Dahulu dia tiada *court*, sekarang mantan Perdana Menteri Dato' Sri Najib telah meluluskan lebih daripada sebanyak RM60 juta projek ini supaya semua *court* ini di kawasan-kawasan KDMR ini dibina.

Akan tetapi, saya kira minta kalau boleh kasi naik taraf dia. Kalaupun tidak seimbang tetapi naik taraf supaya *recognize because* kalau *certificate* dia, kita boleh- ada orang pergi kahwin pun boleh, orang mati pun boleh minta sana. Saya rasa ini memadai kerana kita mesti mahu naik taraf *Native Court* ini Tuan Yang di-Pertua kerana dia adalah *Native Court* untuk orang asal di Sabah dan ada berapa-berapa daerah sudah pun ada *Native Court*. Di tempat saya ada *library* dia pun.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik. Habis?

Datuk John Ambrose: *Last* lah Tuan Yang di-Pertua. Baik, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya dengan ini menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah. Tadi susah-susah juga hendak cari helaian yang berkenaan ya. Akan tetapi itulah oleh kerana Yang Berhormat lebih tersohor berucap tanpa membaca, teruskan lain kali. Jadi, tidak payah cari kertas-kertas yang banyak lagi. Terima kasih ya.

Dengan itu di jemput dengan hormatnya Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

3.56 ptg.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Selamat petang saya ucapkan Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini untuk perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sewajarnya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Oleh kerana telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua kita yang baharu. Saya rasa kita sangat berbangga, Tuan Yang di-Pertua merupakan seorang yang mempunyai pengalaman yang cukup lama dan kita memang menunggu masanya kerana Dewan Negara ini memang telah lama mencuba dengan berbagai-bagai strategi untuk memperkasakan Dewan Negara.

Akan tetapi hingga ke hari ini disebabkan banyak faktor-faktor tertentu termasuk mungkin kita terpaksa menerima arahan JPA, banyak perkara-perkara yang tidak boleh dilepaskan. Harapan kita Tuan Yang di-Pertua akan terus memperjuangkan untuk Dewan Negara, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: *Insya-Allah... [Dewan tepuk]*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara, isu-isu yang berkaitan untuk yang pertamanya ialah isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan dan nilai murni.

Kalau kita lihat Titah Tuanku, di mana Baginda telah menekankan bahawa sebagai seorang pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat iaitu sebagai seorang pemimpin bukan sahaja saya fahamkan untuk pemimpin-pemimpin politik tetapi semua pemimpin dari atas sampai ke bawah. Namun dalam konteks kita, Ahli-ahli Parlimen sebagai seorang pemimpin kita sentiasa diperhatikan, ya diperhatikan. Kita menjadi contoh teladan kepada rakyat, contoh teladan kepada anak-anak buah.

Maka, sudah pasti kita mempunyai tanggungjawab yang agak berat ya, menunjukkan contoh yang baik, nilai-nilai murni, nilai-nilai positif yang baik bukan sahaja dalam Parlimen tetapi di luar Parlimen. Di dalam Parlimen bagaimana mungkin kita ingin mendidik anak-anak, jika sekiranya kita dalam Parlimen tidak boleh berkomunikasi dengan baik. Apabila kita *argue* di dalam isu-isu tertentu, kita menjadi emosional bahkan kita terjerit-jerit, menyalak-menyalak. Ada orang kata macam beruk pun ada dalam Parlimen ini dan di luar sana orang tertawakan kita. Kalau kita baca dalam sosial media, adakala kita rasa malu.

■1600

Maka dalam Parlimen saya katakan tadi, kita kena tunjukkan contoh iaitu apabila kita berbahas walaupun kita mempunyai perbezaan pendapat, seharusnya kita berbahas dengan teratur. Ia menunjukkan bahawa kita golongan yang intelektual, yang mempunyai peranan yang patut dihormati oleh semua pihak dengan tingkah laku kita itu. Itu di dalam Dewan. Di luar Dewan pun sama iaitu kita kena mempunyai nilai-nilai yang positif sebagai seorang pemimpin.

Kita kena tunjukkan bahawa kita berbudi bahasa, menghormati agama lain, menghormati Perlembagaan dan kita tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak senonoh. Perhubungan kita dengan orang lain kena jaga dengan baik, kita jauhkan diri daripada membuat perkara-perkara yang dipandang sebagai negatif yang boleh menjatuhkan nama baik kita sendiri dan nama baik keluarga, bersopan-santun. Kita bersyukur, tunjukkan kita sebagai pemimpin, kita bersyukur sebagai rakyat Malaysia.

Walaupun kerajaan kita ada kelemahan-kelemahan tertentu, tidak ada sebab untuk kita menghina kerajaan, tidak kira kita di dalam negara atau luar negara. Tidak ada sebab. Sewajarnya kita bersyukur kerana menjadi rakyat di Malaysia ini. Saya berkata sedemikian Tuan Yang di-Pertua kerana, dalam pemerhatian saya setelah beberapa hari saya melihat sahabat-sahabat kita berbahas.

Pertamanya saya menghormati pandangan masing-masing dan saya memahami perasaan masing-masing terutama berkaitan dengan sentimen-sentimen kaum masing-masing. Kita hormati, tetapi saya ingin jelaskan kita sebagai pemimpin kita kena pastikan kita juga kena menghormati negara dan perlembagaan kita. Sebagai pemimpin, kita jangan sama sekali memburuk-burukkan negara di luar negara contohnya.

Saya bersimpati dengan semua orang, tetapi kalau saya perhatikan, kita ingin mendapatkan simpati daripada kaum lain, tetapi kita membuat perkara-perkara yang memburukkan nama negara contohnya, ini kita tidak boleh terima.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, semasa saya belajar di luar negara, rakan-rakan saya cukup ramai daripada luar. Dalam bilik saya, saya *share* bilik dengan seorang daripada India, Ravi namanya. Kita bahagi-bahagi tugas. Kita semua bujang masa itu. Saya selalunya boleh masuk lauk. Ravi ni tugas dia hanya masak *vegetables*. Saya ingat apa benda *vegetables* dia hendak masak. Bila tiba bab makan saya tengok, *onion*. Satu pinggan besar *onion [Ketawa]* *Onion*, dia letak tomato sos, *cili sos*. Saya kata, “*Hey Ravi, what is this?*” “*This is onion, onion vegetables.*”

Saya cukup menghormati Ravi, pada masa saya belajar tu India memang kita tahu negara pada masa itulah negara yang agak mundur dan agak miskin. Akan tetapi apabila saya bercakap dengan Ravi, setahun saya duduk satu bilik dengan dia, tidak pernah saya dengar dia mengutuk negara India, tak pernah, *never*. Bahkan cara dia cakap tu, seolah-olah India negara yang paling maju dalam dunia. Maksudnya dia tidak pernah satu perkataan pun, saya tunggu kalau dia cuba, tidak pernah. Saya menghormati Ravi dengan semangat patriotisme beliau.

Jadi, kalau di sini saya melihat sahabat-sahabat saya, tidak kira apa kaum, mengutuk kerajaan kita, terutama di luar negara, apatah lagi mengadakan cerita yang bukan-bukan, yang tidak logik langsung, tidak masuk akal. Saya rasa ini tidak menunjukkan nilai-nilai murni dan contoh teladan yang baik, kita sebagai Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, *a fish rots from the head*, dengan izin. Ikan ini dia membusuk bermula dengan kepala, iaitu kalau sekiranya kita sebagai seorang pemimpin, kalau sekiranya seorang pemimpin itu rasis, pemikiran dia rasis, *chauvinist*, semua pengikut dia akan menjadi rasis. Kalau sekiranya pemimpin itu rasuah- ini tidak kira orang politik kah pegawai kerajaan. Katakanlah Menteri itu rasuah, saya boleh *guarantee*, ini pengalaman saya sendiri. Kalau Menteri itu rasuah, kemungkinan besar pegawai-pegawai di bawah pun akan rasuah.

Dia punya Ketua Pengarah kah, KSU kah, *political secretary* dia. Bahkan sampai kerani, peon dia pun mungkin rasuah. Ini sebab, kalau dia katakan kerani dia tahu bos dia rasuah 1 juta, apa salah kalau dia rasuah RM100. Kalau takdirnya bos dia hendak tangkap, "Oh! *You* terima rasuah ya?" Dia akan kata, "Bos jangan tangkap saya bos, saya tahu bos sudah makan 1 juta." So, akhirnya seluruh sistem akan rasuah.

Saya maksudkan inilah, saya mengharapkan dalam suasana normal baharu, boleh tidak kita tukar? Saya mengakui selama 60 tahun lebih kita merdeka dah, memang banyak masalah. Saya tidak menafikan. Cukup banyak masalah. Bukan sahaja kerajaan-kerajaan terdahulu, kerajaan yang baharu ini pun, yang lepas ini pun banyak masalah walaupun baru dua bulan. Cukup banyak masalah.

Boleh tidak kita fikirkan bermula dari sekarang, di bawah *Prime Minister* yang baharu? Kita buka langkah baharu, buka cerita baharu, buka buku baharu. Mengambil kesempatan dengan pengalaman kita dengan COVID-19. Buka lembaran baharu, kita sebagai rakyat Malaysia, kita pastikan negara kita akan menjadi sebuah negara yang aman dan stabil.

Kita mulakan sistem itu dengan mengamalkan apa yang saya katakan tadi, nilai-nilai murni dan semangat perpaduan di kalangan kita. Tugas ini saya kata tadi tidak kira orang politik ke, pegawai kerajaan, GLC, badan berkanun, DO punya *office* kah, pejabat tanah, pejabat hutan, pejabat pendaftaran, polis, kastam, imigresen, BPR, elakkan daripada rasuah. Ini kerana Yang di-Pertuan Agong, dalam titah baginda menekankan, "Tanamkanlah di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi, bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan".

Tuan Yang di-Pertua, baginda juga menyentuh tentang kepentingan perpaduan di kalangan rakyat. Ini kerana kita lihat dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, bahawa perpaduan di negara adalah sudah mula goyah. Ini satu, pada saya pandangan yang serius. Sudah mula goyah dan bertambah buruk iaitu dari segi *progression* bertambah teruk dibandingkan dari dulu.

Bahkan dibandingkan dengan berpuluh tahun yang lepas, Yang di-Pertuan Agong mengatakan bahawa perpaduan negara ini sudah mula goyah dan bertambah buruk dengan sentimen yang juga dimainkan oleh ahli-ahli politik yang tiada penghujung. Ini satu *signal* yang saya rasa kita kena ambil secara serius. Untuk itu, baginda menekankan, “Saya merasakan bahawa sudah sampai masanya kerajaan meneliti semula di mana kelemahan dan silap kita selama ini dan apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan semula.”

Bahkan Yang di-Pertuan Agong mengharapkan kerajaan pada hari ini mengambil langkah yang tersusun tidak kira kesilapan-kesilapan itu kecil ataupun besar. Tindakan mesti diambil tanpa memilih bulu, tanpa mengira siapa yang telah melakukan kesalahan itu. Ini kerana kalau kita tidak mulakan langkah pada hari ini, kita bimbang masalah ini akan menjadi bertambah teruk pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai positif dan bersatu-padu, kita bermula daripada peringkat persekolahan anak-anak kita. Daripada peringkat persekolahan anak kita seperti yang saya jelaskan tadi apa yang telah dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

■1610

Mengikut seorang profesor, ya saya berkesempatan berjumpa beliau semasa saya membuat PhD, semasa saya buat PhD beberapa tahun yang lepas saya pergi ke rumah beliau dan saya bertuah kerana beliau telah menyerahkan satu buku. Di peringkat sarjana, saya mengambil bidang sosiologi. Buku beliau adalah bertajuk, “*Sociology by Alex Yeoh*”. Alex Yeoh ini seorang profesor Cina tetapi rakyat US. Saya bersama dengan Profesor Dr. Alex Yeoh maka pernah makan di rumah beliau, saya rapat dengan beliau. Memang seorang yang cukup profesional. Saya kalau pergi ke rumah beliau, saya memang akan duduk dan berbincang isu-isu yang berkaitan dengan kemasyarakatan.,

Saya tertarik dengan pemikiran beliau dan saya selalu mendoakan kalau semualah manusia macam ini yang mempunyai pemikiran yang rasional tidak kira apa bangsa dan agama berdasarkan kepada fakta-fakta, berdasarkan kepada undang-undang dan Perlembagaan, berdasarkan kepada realiti global, berdasarkan *the practice by other countries* kita akan menjadi sebuah negara yang hebat. Akan tetapi, tidak ramai. Ini kerana mengikut Profesor Alex Yeoh saya bacakan dalam bahasa Inggeris dulu sebab saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya mempunyai masa yang agak tidak terhad ya [*Ketawa*]

Itu saya syok sikit pun tak menyangka saya dapat ini. Kalau tidak, saya menggelabah kalau saya tahu *you have only one more minute to go*, pengsan saya. Saya hendak baca, ini kita perhati. Saya minta maaf saya tidak berniat untuk menyakitkan hati sesiapa tetapi saya– biar kita *share* sama. Ya, kita dalam ini sebagai keluarga.

Saya selalu menjelaskan dahulu berapa kali saya katakan saya melihat semua Ahli Yang Berhormat di sini tidak kira apa agama, apa bangsa, lelaki atau perempuan sebagai adik-beradik saya. Saya rasa enam tahun sudah saya dalam Dewan ini, saya merupakan seorang yang cukup bertuah kerana dapat berkawan rapat dengan cukup ramai sahabat yang cukup rapat dengan saya.

Semua yang ada dalam Dewan ini saya anggap sebagai saudara memang saya cukup rapat. Tidak ada perasaan entah, sedikit pun tidak ada perasaan tak suka. Pandang itu macam suka sahaja. Macam saya kata dululah kalau dengan lelaki itu memang saya suka tetapi dengan perempuan itu lagi suka. Akan tetapi maksudnya suka sebagai saudara dan dia ada perasaan sikit betul tak, macam itulah.

Saya hendak bacakan sini apa benda si Alex Yeoh. Dia kata di sini, *“To foster national unity, schools mostly primary and secondary schools rather than colleagues and universities.”* Schools iaitu sekolah ya, untuk memperkukuhkan perpaduan sekolah iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja dan bukan universiti. Ya, kena faham itu, dia tekankan di sekolah rendah dan sekolah menengah dan dia kata, *“Not universities and colleagues. Schools rather than colleagues and universities play an important role in transmitting the culture to the new generation.”*

Kita bercakap dari segi budaya, kita bercakap dari segi nilai. Kalau kita hendak menanamkan nilai-nilai yang murni dan budaya-budaya yang murni mengikut kata Alex Yeoh hanya boleh dilakukan semasa budak-budak ini di sekolah rendah dan sekolah menengah. Masuk universiti dah tak boleh. Mesti sekolah rendah dan sekolah menengah.

“Student are taught to become good citizen, to love their country, to cherish their cultural values and to be proud of their nationality”, iaitu hanya sekolah melalui sekolah ini pelajar-pelajar diletakkan di bawah satu bumbung, pelajar-pelajar yang pelbagai kaum— ya anak saya masa saya belajar pernah sempat masuk di *primary school* dua orang di sana. Pelbagai kaum, berbagai-bagai kaler ada. Akan tetapi saya cukup tertarik sistem mereka. Sebelum budak-budak belajar, bendera akan dinaikkan dan mereka akan menyanyi lagu *National Anthem* US dan anak-anak akan pegang dada menghormati bendera dan lagu kebangsaan US.

Mereka bercampur walaupun pelbagai rupa dan pelbagai warna, mereka bercampur dengan baik. Ini kerana apa? Ini kerana mereka telah biasa diletakkan di bawah satu bumbung. Mereka mengenali antara satu dengan lain, maka dalam masa jangka panjang tidak ada perasaan benci dan tidak ada perasaan perbezaan tetapi perasaan kesatuan sebagai satu bangsa dalam sebuah negara.

Dikata sini, *“Schools also plant seed of patriotism in their young charges by teaching civics, history and other social study”*. Walaupun Amerika sebuah negara yang maju, di sini

dia menekankan pentingnya pengajaran mata pelajaran ya seperti Sivik, Moral, *Social Studies* bahkan *History*- dan Sejarah.

Saya membacakan buku ini kerana ianya menjadi contoh kepada kita apabila kita berbincang tentang perpaduan. Selalu orang mengatakan perpaduan mesti bermula daripada pelajar-pelajar, budak-budak yang masih belajar semasa mereka kecil. Ini kerana ia mudah kita terapkan kerana mereka masih lembut. Ya, kita hendak- mereka masih dikatakan rebung bukan belum menjadi buluh lagi cukup mudah dilentur. Maka, ini satu konsep yang diterima oleh seluruh dunia.

Maka, itu sebab Tuan Yang di-Pertua pada sayalah berdasarkan kepada apa yang saya bacakan tadi, kita yang sebenarnya ikut fakta realiti praktis *by all the countries in the world*, semua. Kita sewajarnya ini saya hendak beritahu dulu. Ini sewajarnya mempunyai satu sistem sekolah satu aliran sahaja. Saya minta maaf saya katakan kalau mereka yang tidak menerima ini, saya tahu mereka mempunyai pelbagai ribuan *excuses* tetapi tidak ada dalam satu dunia pun.

Saya boleh mengatakan *100 percent professors intellectual* seluruh dunia menganuti fahaman ini, satu sistem, *100 percent*. Seluruh dunia mengamalkan sistem yang sama dan negara ASEAN pun ia berdekatan dengan kita pun mengamalkan sistem yang sama. *Singapore* pun yang majoritinya *Chinese they don't care*, dia tutup sekolah Cina. Satu sistem.

Okey, saya menerima pandangan masing-masing. Macam-macamlah pandangan, saya terima. Saya tidak marah. Apa yang saya hendak sampaikan selepas ini kita boleh fikirkan bersama. *It just a process*. Saya *alhamdulillah*, saya agak rapat dengan persatuan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan saya juga rapat, saya sebagai Penasihat Strategik Persatuan Graduan Muda Cina seluruh Malaysia. Saya kalau *attend* program dia, saya seekor-seekornya muka Melayu, yang lain semua muka anak muda Cina.

Saya pergi makan dengan mereka, saya satu-satunya muka Melayu. Saya makan dengan anak-anak muda Cina.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Tan Sri, boleh minta penjelasan? Rakan...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sahabat saya, Tuan Yang di-Pertua boleh mohon penjelasan. Boleh ya. Okey, Yang Berhormat Tan Sri saya ingin jelaskanlah secara peribadi kita ada punya beza pandangan. Yang Berhormat Tan Sri bersetuju bahawa sekolah satu aliran. Saya secara peribadi saya tidak bersetuju, saya punya alasan. Jadi, saya rasa ini ialah satu peluang yang baik, satu pandangan saya rasa agak baik tadi.

Saya rasa juga perlu dilihat yang kami tidak bersetuju ini dan saya rasa sekiranya pandangan ini betul-betul digarap untuk kepentingan lebih besar saya rasa kita akan dapat

satu jalan keluar. Ini kerana pandangan saya ada orang melihat pendidikan dari sisi kebudayaan, ada orang melihat dari sisi ekonomi seperti Sir Ken Robinson yang baru meninggal baru ini tokoh pendidikan berhujah begitu.

Jadi soalnya, kalau Yang Berhormat Tan Sri melihat dari segi aspek sekolah satu aliran ini, adakah kita tidak memanfaatkan pada pandangan saya kepelbagaian yang kita ada itu. Kalau kita buat satu aliran, bagaimana kita hendak memanfaatkan. Oleh sebab bagi saya kalau hendak memanfaatkan itu dibuat seawal di peringkat pendidikan, saya rasa banyak sinergi yang dapat dihasilkan apabila bakat-bakat terbaik daripada bangsa Cina dapat berinteraksi dan mereka juga dapat berkongsi.

■1620

Saya yakin setiap bangsa mempunyai kekuatan masing-masing. Kalau Malaysia mampu ada dasar yang boleh menggarap kekuatan tersebut, tanpa kita betul-betul kata satu aliran ataupun dua aliran. Akan tetapi cuba kita fikir- tetapi saya rasa untuk mengambil kesempatan kepelbagaian itu bagi saya satu kekuatan. Itu pandangan saya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Memang saya rasa saya menghormati dan saya setuju pandangan itu. Saya rasa ini masa yang pada saya, *very timely* kerana pengalaman saya dalam dua *governments* yang lepas.

Kita dapat melihat kepentingan keperluan pada hari ini- keperluan yang cukup sangat untuk kita betulkan kedudukan kita sebagai satu bangsa negara Malaysia. Itu keperluan. Kepelbagaian, kita bersyukur. Kita mempunyai pelbagai kaum. Kalau kita dapat satukan mereka semasa mereka kanak-kanak, kita rapatkan mereka, rapatkan pemikiran dan semangat mereka. Tidak kira Melayu, Cina, Iban, Kadazan, India, *as a force, we can be a very strong nation in the future.*

Tuan Yang di-Pertua, saya terus terang ini sesi- tahun yang terakhir, saya akan habis hujung tahun ini. Akan tetapi saya rasa ada sekali lagi sesi dan saya rasa saya sudah bercakap enam tahun, lama sudah saya bercakap benda alah ini.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tan Sri, boleh saya mencelah?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, ya.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya tertarik dengan hujah-hujah Tan Sri, setelah merujuk karya Profesor Eric Teo berkaitan dengan pendidikan satu aliran. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah kerajaan pada hari ini punya *political will* untuk mencadangkan dan melaksanakan apa yang kita sebut? Saya juga membaca banyak *literature* fasal pendidikan daripada awal, Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan sebagainya.

Akhirnya, sistem di Malaysia menerima apa yang ada hari ini. Akan tetapi seandainya kerajaan yang ada pada hari ini, Kerajaan Perikatan Nasional punya *political will*, apakah ia sanggup melaksanakan polisi yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ini?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sebenarnya, saya tahu lah, saya terlibat sedikit dalam politik. Tak banyak lah, saya dalam bidang akademik tetapi diberi Allah, peluang untuk bersama-sama dalam politik. Apabila saya dilantik dalam Majlis Tertinggi UMNO dan dilantik sebagai Pengerusi Biro Pendidikan UMNO. Di mana saya tiap-tiap kali sebelum PAU, Mesyuarat Agung UMNO, kita akan ada mesyuarat khas di peringkat tertinggi untuk membincangkan ucapan-ucapan di Mesyuarat Agung UMNO. Benda ini kita bincang dan saya tahu.

Untuk pengetahuan, tiap-tiap kali mesyuarat saya- kami, tiap-tiap kali ya, memang benda ini tidak pernah saya lepaskan. Saya sentiasa bawa. Enam tahun, tidak jadi apa pun. Buat penat sahaja. [Ketawa] Sebab? Tidak ada *political will*. Terus terang saya kata, saya tidak mahu sebut siapa yang saya berbincang dengan peringkat atas. Dia kata, "*Ibrahim, it's very difficult, because we have Chinese, we have Indian*". Masalahnya apa? "*Kalau saya tak dengar ini, ini, ini, nanti mereka tidak undi. I need Chinese's support, I need Indian's support. Walaupun saya hendak buat, tak boleh*".

Itu sebab saya tidak pernah meletakkan kesalahan kepada pemimpin-pemimpin yang lepas. Saya tahu banyak pejuang-pejuang nasionalis Melayu marah kepada kerajaan yang lepas. Saya tahu. Kerajaan Barisan Nasional kerana tidak menjadikan perkara ini realiti. Akan tetapi *political will* tidak ada. Oleh kerana apa? Ini kerana sentiasa diganggu gugat, *pressure*, ugut, oleh orang-orang politik yang lain, termasuk orang politik bukan Melayu.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tan Sri, mohon mencelah?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tan Sri. Saya yakin dengan pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari tadi, nampaknya beliau akan memulakan *political will* dari dalam diri beliau sendiri. Saya yakin kalau ini boleh diperjuangkan bersama, ia boleh menjadi kenyataan. Apa komen daripada Yang Berhormat Senator? Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih sahabat saya. Ini yang saya hendak buat. Saya tahu *political will* agak susah. *Political will*, saya rasa tidak cukup. Kita hendakkan satu keikhlasan, sokongan daripada semua rakyat, tidak kira apa kaum. Kita ketepikan perasaan-perasaan cauvinis, rasis kita. *We are Malaysian*. Tuan Yang di-Pertua kena fikir apa rasa perasaan orang Melayu apabila kami tahu bahawa silibus kurikulum itu datang daripada Taiwan. Lebih mengagungkan sejarah-sejarah negeri China. *You called yourself a Malaysian*, apa rasa perasaan kami?

Kami sahaja memohon untuk kita bersatu, bersatu, *you are not sincere*. Saya kena jelaskan kerana saya akan berikan hujah-hujah secara akademik kerana saya rasa tahun depan saya sudah tidak ada dekat sini lagi. *This is my last best service that I can give*, kerana merupakan satu titik tolak iaitu saya inginkan kerjasama dan sokongan semua pihak, tidak kira apa kaum.

Kita ketepikan perbezaan tetapi kita bergerak ke hadapan untuk anak cucu cicit kita. Saya selalu bercakap dengan anak-anak saya, saya mempunyai anak Cina ribuan. Anak Cina saya ribuan. Isteri saya kata, bila masa *you* kahwin dengan *amoi*? Oleh kerana dengan *group* anak-anak muda graduan Cina ini, mereka panggil saya ayahanda. So, kalau Tuan Yang di-Pertua, nampak budak-budak Cina panggil ayahanda, *they are my group*.

So, saya selalu mengatakan, *you are the generation responsible for the future of the country*. Tanggungjawab anak cucu cicit *you, is your* tanggungjawab. *Not my* tanggungjawab. Saya memikirkan satu hari anak-anak muda ini, bukan anak-anak tua. Anak-anak tua, semua otak sudah keras, tak boleh fikir sudah. Otak dia sudah tidak boleh *kona*, dekat situ, dekat situ sahaja. Saya mengharapkan anak-anak muda ini, *I told them*, tak kira *you* Melayu, Cina, India, Sabah, Sarawak, *you sit down together*. Duduk betul-betul, bincangkan secara profesional sebab *you are still young*.

Mereka yang tua ini saya sudah bercakap- Tuan Yang di-Pertua, saya semenjak pencen daripada UiTM, tiap-tiap tahun saya bergerak ke seluruh Malaysia. Berjumpa dengan pengetua-pengetua sekolah, guru-guru sekolah. Bukan sahaja Melayu, pelbagai kaum. Pelbagai kaum. *So, I've been getting all the feedbacks. It's not new*. Sebelum saya jadi Majlis Tertinggi UMNO, saya sudah terlibat. Saya pergi ke seluruh negara, melihat isu-isu macam ini.

Maksud saya, saya merasakan perkara ini hanya boleh direalisasikan kalau semua kita ini- kita berlapang dada dan buka minda kita. Buka minda.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tan Sri, boleh tanya lagi Tan Sri? Tajuk yang *best* ini, boleh?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tan Sri, katakanlah- andaian. Cadangan Tan Sri itu dapat dilaksanakan tetapi di dalam satu kerangka perundangan yang masih lagi ada ketidakadilan. Contohnya, ada anak Melayu pandai, ada anak Cina pandai. Akan tetapi kelebihan untuk hendak dapat biasiswa dan sebagainya, agak berbeza. Bagi saya, itu juga yang akan melatari perpaduan itu, dapat dicapai ataupun tidak. Apabila dia merasa ia tidak diadili dengan baik di peringkat awal dia belajar, contohnya. Tadi kita bercakap dari segi silibus, kita bercakap dari segi tempat mereka supaya duduk bersama.

Akan tetapi saya rasa yang juga mengganggu gugat isu perpaduan ialah isu keadilan ataupun ketidakadilan. Jadi, pada pandangan saya, perkara ini perlu dilihat dengan secara sisi pandang yang holistik, dengan lebih lengkap. Ini kerana bagi saya, ia tidak akan menyelesaikan masalah yang kata tadi, perpaduan tadi, sekiranya isu yang lebih fundamental itu tidak ditangani. Jadi, apa pandangan Tan Sri?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya akan menjawab soalan itu menggunakan tulisan-tulisan yang ditulis oleh orang Cina. Adil ataupun tidak adil. *Then I will read to you* Tuan Yang di-Pertua akan fikir kan sendiri. Ini kerana keadilan ini bukan senang hendak kita bincangkan. Kalau kita bercakap keadilan, katakan kalau kita tuduh orang Melayu tidak adil kepada orang Cina, *it's totally wrong*. Saya akan *quote* daripada buku-buku nanti. Saya akan tunjukkan. Ada banyak lagi ini... [*Menujukan sebuah beg*] Kita tunggu sampai 5.30 petang. Saya akan bercakap sampai 5.30 petang.

■1630

Timbalan Yang di-Pertua: Sila-sila.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: [*Ketawa*]

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Senator Tan Sri, cuma saya hendak betulkan. Saya tidak berkata orang Melayu berlaku tidak adil kepada orang Cina. Tidak. Maksud saya itu, sekiranya apa cuba kita perbetulkan itu tidak menghalusi isu ketidakadilan itu, saya fikir takut nanti apa yang kita hendak capai nanti itu akan ada lompong juga.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: So, itu maksud saya perlu dilihat dengan secara menyeluruh supaya apa yang kita hendak capai akhirnya tadi iaitu perpaduan melalui pendidikan itu dapat dicapai. Pada pandangan saya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu menjadi teras perjuangan. Saya tekankan beberapa kali, kita tetap menekankan konsep keadilan *irrespective* apa bangsa pun kita ini, itu asasnya. Kalau tidak— saya hendak bercakap dengan anak muda benda yang sama. Jangan ada perasaan kepada kaum-kaum lain yang *you* tidak berlaku adil ataupun *you* pilih bulu, *you* menzalimi, jangan sama sekali. *Once you* tunjukkan sekali, *you lost your trust*. Jadi, saya maksudkan ini merupakan satu perkara yang hendak saya jelaskan pada petang ini. Saya juga akan terangkan apa Prof Dr Teo Kok Seong. Saya akan keluarkan apa Prof Dr Teo Kok Seong cakap. Ini berkaitan dengan isu tadi, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai positif dan bersatu padu- yang saya katakan tadi, mulakan dengan anak-anak kita. Kalau kita lihat pada hari ini daripada segi bahasa contohnya, apabila saya kata sekolah satu aliran mesti menggunakan satu bahasa. Di Malaysia, *like it or not* bahasa

Melayu, *full stop*. Oh! Jangan kata kami ini, ini, ini. Oleh sebab *China is going to be world power* maka kita kena- *no, no, no, please open your mind, open your mind*, tolong sedikit. Ini kerana, di Jerman pun dia menggunakan bahasa Jerman.

Di Perancis dia menggunakan bahasa Perancis sebagai *medium of instructions*. Di China pun ada bahasa Cina. Di Afrika, di negara Arab. Kenapa di Malaysia pula tidak boleh? Apa *argument* yang kita hendak buat? Ada benda yang tidak betul. *Argument* berbentuk ini, saya selalu beri pengiktirafan sebagai *argument* yang rasis, yang *chauvinist*. Sesiapa yang menyarankan idea yang bercanggah dengan Perlembagaan, *you are a racist and chauvinist*. Hanya mementingkan untuk diri sendiri tetapi tidak mementingkan untuk kepentingan negara dan anak cucu cicit kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam Perlembagaan, bahasa-bahasa lain boleh digunakan. Saya bawa dalam Bahasa Melayu pun ada, dalam bahasa Orang Putih pun ada... [Menunjukkan senaskhah dokumen] Saya hendak jelaskan penggunaan Bahasa Melayu iaitu Artikel 152(1), bahawa, "*Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen: dengan syarat bahawa- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan selain bagi maksud rasmi atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain...*".

Perkataan-perkataan daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa itu, mengajar ataupun belajar bahasa, faham ya? Bahasa lain tadi boleh kita ajar dan kita mengajar tetapi bukan digunakan sebagai untuk mengajar kurikulum sebagai *medium of instructions*. Itu tidak boleh. Kalau tidak faham dalam Bahasa Melayu, saya baca dalam bahasa Orang Putih pula. Ini kalau saya salah, tolong tegur dan boleh tanya. Saya dengan ikhlas. Saya tidak berniat apa benda. Saya cuma hendak memperbetulkan itu sahaja. Kalau boleh diterima.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat di dalam Dewan yang mulia ini, apabila PH mengambil alih, ucapan saya, saya kata kalau sekiranya parti DAP boleh *adjust* sedikit, *withdraw* sedikit matlamat-matlamat yang bercanggah dengan keadaan Malaysia pelbagai kaum. Saya maksudkan contohnya daripada segi hendak jadikan negara kita Republik lah, Artikel 153 *Malay privileges* apa benda itu. Saya kata, saya sendiri akan *join*. *I think* dalam *Hansard* ada. *I'm very open. Because* saya kalau boleh semua *Malaysian* sama, kita sama-sama duduk bersama. Kita *develop our country*.

Maksud saya di sini, tujuan saya ikhlas. Bahawa kalau di sini dalam bahasa orang putih, "*The national language shall be the Malay language and shall be in such script as Parliament may by law provide: Provided that (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other*

*languages...". "...from teaching or learning, any other languages..." Mengajar dan belajar bahasa bukan digunakan bahasa itu sebagai *medium of instruction*.*

Jadi apa yang dilakukan oleh sekolah-sekolah vernakular adalah bercanggah dengan Perlembagaan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya- itu satu perkara. Akan tetapi, sayangnya...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat, boleh *I*?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Tuan Nga Hock Cheh: Minta laluan. Dengan izin *Deputy Speaker*. Ini ada sedikit teknikal, *I* minta keizinan menggunakan bahasa Inggeris supaya tidak disalah faham atau diputarbelitkan oleh mana-mana pihak.

The issue of using this Article 152- I think surfaced in the Merdeka University's case. Because of the University and Colleges Act, the Federal Court held- I think it was Justice Yusufi whom delivered the lead judgement to say you cannot use the language other than the official language for official purposes. He deemed the university teaching in a language other than Bahasa as an official usage. But the school is established under the Education Act 1996. It may not necessarily be caught by the use of word 'official purpose'.

To the best of my knowledge, there is no case law on this. Recently, there was a suit filed because MOF want to give the fund to this Chinese school, Chinese Kebangsaan school. But subsequently, I understand this soon had been withdrawn. So, it's arguable whether under Article 152(a) using a language other than BM in other schools is violating this Article.

Now, we can also see there are international schools established in this country. They don't use BM as a main medium, they used English as a main medium. That has been accepted by the government. So, if the international schools can use a language other than BM for purpose of education, than the Chinese schools, the Tamil schools or other language- probably we may want to think the spirit of Article 152 looks to be like the happy compromised at that time when the Constitution was established.

So, that people in one language group, they are not feeling that totally they denied the right to learn their own mother tongue. So, I beg to differ with Professor on your interpretation on this Article 152 but, the important is the spirit. We all this in Dewan Negara, we have learned to agree, to disagree. Agreeably. So, no hard feelings, we just exchange ideas and things. Thank you.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, terima kasih sahabat saya. Saya memang geng baik dengan Yang Berhormat Senator ini. *I appreciate and respect you on views. This's a matter of interpretation.*

■1640

Tuan Yang di-Pertua, macam inilah Artikel 152 ini kalau kita tengok *the spirit of the article*, negara sebagai sebuah negara Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai

bahasa kebangsaan *very straight forward*. Maksudnya *for official purposes*, kalau tidak *official* boleh. Maknanya kita tidak melarang kalau kita menggunakan bahasa Mandarin di rumah bercakap dengan anak, bercakap di luar.

Akan tetapi, yang berkaitan dengan *official* memang dikatakan tidak boleh. Itu bacaan saya sini *but*, pada saya, saya tidak mahu *argue* dari segi *legal but* dari segi *spirit* kita sebagai seorang rakyat Malaysia, jiwa Malaysia- pada sayalah, *you ask me, I've to accept it. If I call myself real patriotic Malaysian. That's my answer, that's my view.*

Jadi harapan saya macam inilah, pandangan saya ini berdasarkan kepada perpaduan saya katakan tadi. Pada saya- tidak tahulah, tidak pernah saya dengar menggunakan bahasa lain di *national school*. *Are you saying about international school or national school?*

Tuan Nga Hock Cheh: *International school.*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *International is different. That's not our school, international.* Cuma saya hendak kaitkan *international school* sepatutnya- *formation of international school* sebenarnya *was main* for anak ekspatriat. Ini pun satu langkah yang kurang bijak. Kerajaan telah membenarkan- *local* pun pergi *international school. This is not right.* Saya akan cakap benda ini kemudian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak *share*, hendak tunjuk sikit supaya kita sama-sama memahami dan kita jangan marah kalau ada orang bercakap lebih-lebih sikit, kita faham kerana pertama saya bila saya bercakap, saya akan gunakan banyak fakta-fakta yang tertentu untuk mengukuhkan hujah-hujah saya itu.

Saya bawa buku ini Robert Kuok.... [*Menunjukkan sebuah buku*] [*Ketawa*] Saya ambil *a few only* sebab saya rasa takut banyak sangat, panjang pula cerita. Saya- mana tadi, *first page* saya hendak tunjukkan. Saya hendak terangkan betapa mereka ini, mereka belajar bahasa Melayu. Yang tulis ini Tan Sri Robert Kuok *but his writing about his father*. Bapa dia lebih awal. Dia kata apa bapa dia ini. Bapa dia pesan pada dia, dia kata, *father felt that the land and resource rightly belong to the Malays, like it or not...* [*Merujuk sebuah buku*] Bapa dia pesan kepada dia. Itu yang pertama. Saya *quote* yang penting sahaja.

Saya hendak tunjuk fasal bahasa tadi- bapa dia memang fasih Bahasa Melayu. Bahasa Orang Putih tidak reti, emaknya pun tidak reti bahasa Orang Putih tapi cukup fasih Bahasa Melayu. Okey yang ini, *father spoke good Malay but he didn't speak English neither did mother...* [*Merujuk kepada sebuah buku*] Tahun berapa ini bapa kepada Robert Kuok- *spoke good Malay*. Bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat apa perasan kami Teo Kok Seong apabila membuat *survey* di PLKN. Ratusan budak-budak Cina dan India, *the young generation* tidak boleh langsung bercakap Melayu. *Call yourself a Malaysian?* Tidak boleh bercakap Bahasa Melayu *but yet* bapa Robert Kuok fasih Bahasa Melayu.

Cuma- ini dia puji orang Melayu, dia kata apa, *he saw the Malay's as the gentleman of the region...* [Merujuk sebuah buku] Ini bapa dia belum dia lagi. Robert Kuok *is a very nice man*. Ini dia cakap fasal bapa dia. *That's why* dia punya nilai-nilai murni dia ada sebab bapa dia ajar dia. Bapa dia kata, *the Malay's as the gentleman of the region...* [Merujuk sebuah buku] Minta maaf cakap saya *quote* apa dia tulis, *while to him the Chinese were not so much gentleman but a mercenary, calculating, treacherous crowd, oh! My god. Treacherous* maksudnya orang Cina dia kata orang yang khianat dan suka menipu. *Calculating* maksudnya berkira sangat, tidak boleh tolak ansur. *Mercenary* maksudnya tamak. Ini bapa dia cakap bukan saya cakap. Jangan pandang saya marah.

Saya hendak bagi tahu bapa dia kata Melayu cukup baik dalam kalangan orang Melayu. Yang *you all* marah kepada orang Melayu, apa hal? Yang cakap ini orang Cina. Ini bukan Melayu cakap. Maksudnya apa, dulu pun kaum-kaum yang lain rasional cukup hormat orang Melayu tetapi kenapa sekarang kita bertukar benci kepada kita. Apa salah kita? Kita hendak tolong pun salah. Banyak jasa kita kepada orang-orang bukan Melayu. Bacalah apa Sambanthan cakap, Tan Siew Sin cakap... [Rakaman kurang jelas] Saya tidak mahu *quote*. *I am sure you know*. Kalau saya cakap lagi sakit hati nanti *you all*.

Betapa baiknya Melayu- tidak ada bangsa yang baik dalam dunia melainkan Melayu. Apa lagi hendak cakap. Ini Robert Kuok- saya hendak cakap fasal bahasa sahaja sebenarnya tapi *kona* sikit.

Ini Lim Goh Tong. Ini tauke...

Seorang Ahli: Genting Highlands.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Genting. Okey, saya hendak cari yang dia punya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Lim Goh Tong datang ke Malaya umur 20 tahun, miskin, cukup-cukup miskin. Jangan ingat dia datang bawa duit, tidak ada. Cukup miskin.

Dia datang ke Malaysia, datang-datang jadi *carpenter*, jadi buruh. Akan tetapi dalam masa lebih kurang 20 tahun *he became a millionaire*. Dia kata dia senang- dia puji sini memang dia puji orang Melayu yang banyak menolong- puji pemimpin Melayu, puji orang Melayu. Dia juga sebenarnya dia pernah datang ke Malaya dan kemudian balik ke China. Dia konon-konon hendak terus menetap sebab ibu bapa dia suruh dia suruh duduk di sana. *But*, terpaksa lari ke sini balik dua faktor yang pertama memang hidup susah, itu dulu, sekarang memang hebatlah. Kedua dia kata kalau dia tidak balik entah-entah dia memang sudah mati kena bunuh dengan Jepun.

So, maksudnya memang- *he's very thankful*. Maka dia balik ke sini dan dia kata dia bersyukur kalau dia tidak balik ke Malaya dia memang miskinlah, dia kata, *but now* dia balik ke Malaya *become so rich*.

Dia ini Lim Goh Tong, dia kata, *I realized that to succeed in Malaya I had to know the Malay language. So, I learn it earnestly and pick it up quickly...* [Merujuk sebuah buku] Ini kalau orang dulu-dulu boleh buat *earnestly*, dia bekerja keras, belajar bahasa Melayu *and pick up very quickly*. Apa yang susah? So, mak dia berpesan dekat dia, dia kata Lim Goh Tong engkau boleh pergi sana, engkau janganlah dia kata buat perangai tidak senonoh. Dia kata, *on the eve of the departure, my mother kept remaining me that being in a foreign land I must be tolerant...* [Merujuk sebuah buku]

Ini nilai-nilai yang diajar oleh ibu bapa kita, tok nenek kita. Termasuk nilai-nilai yang disebut oleh Tun Manikasagam, Sambathan, Tan Siew Sin. Banyak yang menyatakan nilai-nilai penting kalau kita hendak hidup bersama dengan orang-orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu ini. Telah dipesan berkali-kali tetapi kita tidak buat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini banyak orang tidak tahu. Saya bawa sana banyak orang tidak tahu ini.... [Merujuk sebuah buku] Ahli-ahli Yang Berhormat, Istana negara sebelum Agong pindah ke istana baharu sekarang menjadi *The Royal Museum, belong to this guy...* [Merujuk sebuah buku] Jangan *you* ingat istana negara itu kerajaan buat ataupun Sultan buat. *Belong to Chan Wing's*.

Chan Wing ini dia tinggalkan negara China umur dia 14 tahun untuk datang ke negara China emak dia terpaksa jual adik bongso untuk beli tiket, jual adik bongso. Dia menangis. Bukan jual adik bongso perempuan. Cina *those days*, anak perempuan dia tidak berapa sayang sangat. Ini adik bongso lelaki tau- dijual. Sebab hendak beli tiket datang ke Malaya. Punya miskin.

Datang ke Malaya dalam masa lebih kurang 20 tahun *filthy rich*. Dia datang kerja di *tin mines*. *Filthy rich* buat rumah yang kita panggil *the riches, the biggest house in Malaya. The biggest house in Malaya*. Itulah Istana Negara yang lama. Kalau di China, *one-child family*. Dia datang ke *Malaya*, dia ada 26 orang anak. *Alhamdulillah* bersyukur. Duduk di *Malaya*, ada 26 orang anak, lapan orang isteri. Itu yang saya cemburu. Itu saya tabik dengan Chan Wing. Saya banyak tabik sama dia. Lapan orang isteri, 26 orang anak.

■1650

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ini hendak beri contoh. Saya hendak lembutkan hati yang tidak lembut...

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat Senator, tumpang tanya sedikit.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Yang lapan orang isteri itu dia ada tulis tak, dia makan ubat apa? Dalam buku itu, dia ada tulis tidak ubat apa yang dia makan sampai lapan orang isteri itu? Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kalau dia datang *Malaya* dapat 26 orang anak, mungkin dia makan Tongkat Ali. Itu kita kena buat *research* agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak rajin lagi, tengok- tadi buku ya. Hendak rajin tengok, boleh buka drama *YouTube*, "*The Memoir of Majie*." Cerita drama China, bagaimana orang-orang Cina dari negara China, *migrate* ke sini, *with difficult life* hinggan dia kata, *once you* masuk *Malaya*, *you are going to become wise- or something* lah. *I* pun dah lupa. Masuk *Malaya*, *you* akan menjadi orang yang lebih sempurna maksudnya. "*The Memoir of Majie*" ini menceritakan tentang orang perempuan daripada negara China datang sini untuk mencari makan, dia jadi *servant* dan sanggup tidak kahwin. Syarat, jangan kahwin. Saya *relate* itu supaya kita faham sejarah bagaimana mereka datang ke sini.

Lagi satu, *the latest one* yang saya selalu tengok cerita- *Chinese drama* iaitu "*The Iron Lady*." Dah habis ya. Saya selalu tengok dengan isteri saya. Saya suka tengok.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengatakan bahawa sistem pendidikan adalah asas kepada perpaduan. Saya faham ada yang tidak mahu menerima di mana saya akan mencadangkan sekejap lagi apa yang patut kita buat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah perkara-perkara yang berkaitan seperti Sijil UEC. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat pun biasa dengar, orang-orang Melayu memang tidak mahu terima. Kalau kita lihat pandangan-pandangan...

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Yang Berhormat Tan Sri, sebelah sini.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sila, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri.

Memang hari ini agak menarik huraian, ulasan yang agak akademik dengan fakta-fakta yang cukup begitu menarik terutamanya dengan apa yang diceritakan berkenaan kisah-kisah Robert Kuok, Goh Tong yang memiliki sejarah yang tersendiri kerana penghormatan mereka terhadap orang-orang Melayu. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri. Memang di dalam Perlembagaan negara kita itu ialah hendak menjadi syarat untuk menjadi Melayu itu ialah Islam.

Persoalan saya ialah mungkin mereka agak tertarik dengan- seperti mana yang disebut tadi, mereka yang Robert Kuok ataupun Goh Tong dan pemimpin-pemimpin Cina yang lain yang datang ke negara kita pada hari itu tertarik dengan Melayu dan sebagainya mungkin kerana pegangan yang kuat kepada Islam. Kerana Islam mengajar menghormati orang lain, kerana itulah penerapan yang kita dapat lihat. Perkara ini sebenarnya berlaku, berterusan sehingga hari ini.

Kalau kita lihat, orang Cina dia boleh buka kedai runcit di kampung Melayu sehingga hari ini, daripada satu pintu hingga berkembang tiga pintu. Orang Melayu pula buka kedai runcit daripada tiga pintu hingga tidak ada pintu- maknanya tutup. Hendak menggambarkan tentang orang Cina ataupun orang bangsa lain boleh hidup di dalam masyarakat Melayu kerana dia ada nilai-nilai Islam di sini.

Cumanya, hari ini mungkin juga kita mesti melihat- mungkin berlaku satu koreksi ataupun kita buat muhasabah. Mungkin kadang-kadang ada juga kes-kes yang menyebabkan orang hilang penghormatan kepada kita ini apabila kita meninggalkan nilai-nilai yang sepatutnya tidak lekang dari kalangan hati budi orang Melayu yang memang diajar oleh Islam sehinggakan boleh menunduk orang-orang bukan Islam itu untuk menghormati kita sehinggakan wujudnya asimilasi di dalam masyarakat.

Perkara ini juga boleh kita rujuk di Kelantan terutamanya. Kita tengok di sana bagaimana berlakunya proses perpaduan nasional cukup hebat di kalangan orang-orang di sana walaupun mereka minoriti, walaupun Cina dipanggil “mek”, ataupun lelaki dipanggil “awang”. Walaupun dia Cina. Ini benda-benda yang kita dapat lihat.

Soalnya ialah perkara nilai ini sekarang ini sudah hilang sehinggakan penghormatan orang terhadap kita ini semakin luntur begitu. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya setuju. Sebenarnya peranan nilai ini penting.

Kalau kita lihat komen-komen di luar negara, selalu mengatakan orang-orang bukan Islam tertarik kepada Islam disebabkan nilai yang kita praktis yang menunjukkan sifat-sifat kita mesra, kita baik, kita tidak sombong. Maka mereka terpicik dengan nilai yang kita ada. Itu salah satu faktor.

Akan tetapi, ini bukan *very straight forward answer*. Ianya kita kena bincang dalam kerangka yang lebih besar. *It’s not that simplistic*. Saya setuju dahulu memang ya. Semasa di kampung- ini kita tengok pergerakan daripada sebuah masyarakat tradisional kepada masyarakat *urban*. Itu ada banyak kita boleh ulas. Sebuah negara yang tradisional, *agricultural* bertukar kepada negara yang *industrial*. Itu juga akan merubah nilai-nilai kita. Sebuah negara yang dahulu miskin tiba-tiba menjadi kaya. Nilai akan berubah.

Dahulu semasa miskin, semasa Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Abdul Razak, tidak ada pembangunan. Kita miskin, nilai kita agak berlainan. Akan tetapi apabila gerakan di zaman Tun Mahathir menjadi PM Keempat, negara kita telah maju, materialistik, materialisme lebih penting daripada nilai. Bukan sahaja kepada Melayu, tapi juga Cina semua sama perangai dia.

Contoh, saya setuju, di kampung saya pun, Yang Berhormat. Saya budak kampung. Orang Cina pun ada, orang India pun ada. Di kampung saya ada satu kedai itu dekat dengan rumah saya, diceritakan oleh emak saya, apabila orang Cina itu datang, memang dia datang tidak ada apa benda pun, dia tanya tuan empunya tanah, "*Boleh tidak saya duduk hendak berniaga?*". Dibenarkan tanpa bayaran. *This is quite common. You can ask anybody.* Tanpa bayaran, berpuluh-puluh tahun. Tidak ada satu sen pun. Ini dia tanam pokok apa benda pun, apa benda, tidak pernah kacau.

Sebelah sana pula ada satu Kedai Ah Kau, dia buka kedai runcit. Kalau sesetengah tempat yang kita baca, hendak-hendak masyarakat yang agresif, dia tengok kedai itu bermacam-macam makanan ada, kita orang Melayu miskin, boleh juga kita rompak. *But it never happens.* Tidak pernah berlaku. Budak-budak Melayu, sejahat mana budak Melayu di kampung, merompak, walaupun dia lapar, tidak ada. Nilai.

Di Kelantan, mengapa orang Cina boleh jadi "mek" dan jadi "awe"? Kenapa sini tidak boleh? Kenapa Selangor tidak boleh? Ini kita kena bincang secara mendalam. Ini berkaitan dengan masyarakat itu dengan konsep orang selalu kata, kalau semasa kecil- di Kelantan, masyarakat Cina kecil. Dia senang untuk diasimilasikan. Akan tetapi apabila masyarakat itu menjadi besar, apatah lagi menjadi bertambah kaya- dahulu miskin dia sayang kita, tetapi apabila kaya, dia sudah dapat apa yang dia hendak, nilai dia akan bertukar. Jadi benda ini sosiologi. Banyak benda boleh kita perhati.

Akan tetapi saya setuju dengan pandangan...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat Tan Sri, minta laluan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri setujuakah semasa 60-an apabila kita sekolah, kita tidak ada masalah? Lagipun saya duduk kampung Cina, jiran saya berdekatan, Pasir Panjang, satu kampung orang Melayu.

■1700

Kita semua tidak ada apa-apa masalah. Kenduri pun kadang-kadang dia jemput. Orang Melayu pun buka stor kampung Cina. Sekarang masih ada. Ramai orang Melayu pergi ke kedai runcit Cina, beli barang-barang. *So, keharmonian on the ground kampung, I don't see any- this sort of racial feeling- they say you are Malay, or you are Chinese, or any of this.* Di Dewan yang mulia ini, jiran sebelah kanan PAS, kiri pun PAS, belakang. Apa parti pun ada. Ini adalah macam satu *united nations* punya muhibah- kedudukan sini. Tidak ada *government* punya blok, apa parti punya blok. Kita duduk semua campur-campur. Ini adalah satu contoh yang baik di Dewan Negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua selalu cakap keluarga dia. *I* memang pandang kepada Timbalan Yang di-Pertua sebab sebagai ayah Dewan Negara ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Pada satu trip kita pergi *Cambodia*, saya nampak bagaimana dia jaga semua...

Seorang Ahli: Anak.

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh jaga anak dari Dewan Negara. Kita pergi sana trip *Interparliamentary Union*. So, barangkali ahli politik yang kurang jaga menyuarakan sentimen perkauman sudah- *has adversely affected to unity. Some of them they even mortgage unity for political ends. I think some of these things we have to look at it realistically and we appraise ourselves and really look upon all the races here as fellow Malaysians, where how we can help one another. That should be the spirit and then we will see unity.*

For example, poverty admission to university, we have student straight A's they got no chance to get into it. It natural- it creates unpleasant feelings. Poor people, we have all races of poor people. We try to help them and some of this government's policy also need to be reviewed.

I'm all for because I have always enjoyed very good friends. When I went to England, I started the day when I debated my classmate, a Malay lady, took leave in whether my wife and I to stay in her house, hosted us. I really remember very fondly, we never come back, we see the mother, the mother will peluk me and said "anak angkat". Masak goreng pisang, masak karipap. I have been a waris of all this very fine treatment from my Malay friends. So, I find it very difficult to accept now certain country since the atmosphere has change. So, we have to membetulkan situasi ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh cakap lagi ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *I hope by 5.30* lah kita habis ya. Boleh ya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sebab ini banyak lagi ini. *Actually, I need one more hour* tetapi saya akan cuba buat setengah jam. Jadi saya setuju Yang Berhormat Senator Nga.

Datuk Lim Pay Hen: Mencelah sedikit.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, ya. Okey.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan daripada Yang Berhormat Senator Nga ini, saya setuju dengan pandangan beliau bahawa- saya ini budak kampung juga. Jadi saya masih ingat dalam tahun 60-an, keadaan kehidupan kita begitu

simple. Jadi Ah Meng, Ali dengan Muthu boleh campur bersama. Di tempat saya itu terdapat kedai kopi yang mana setiap kali saya kalau balik kampung, saya mesti singgah di kedai kopi itu dan saya bertemu dengan kawan-kawan daripada berbilang kaum. Tidak ada masalah, kita bergurau, kita bercerita.

Jadi setuju atau tidak Yang Berhormat Senator Tan Sri bahawa dunia dalam hari ini, media itu yang mainkan peranan. Media macam *Facebook*, *Instagram* ataupun itu mainkan peranan bahawa berita-berita yang palsu, berita-berita yang tidak benar itu disebarkan dalam media ini yang menyebabkan lama-kelamaan itu orang yang baca itu dia terpengaruh. Ini salah satu sebab.

Saya juga teringat wayang yang bernama "Ole-ole"... *[Disampuk]* ...Main *football* itu, yang mana saya tengok gambar itu bertema baik...

Seorang Ahli: "Ola Bola".

Datuk Lim Pay Hen: "Ola Bola". Itu satu tema yang bagus di mana dia menunjukkan satu tema yang berbilang kaum yang mana walaupun budak-budak itu daripada kecil itu tetapi tema yang dimainkan oleh wayang itu memang menunjukkan semangat muhibah Malaysia yang sedia ada.

Jadi, adakah Yang Berhormat Senator Tan Sri setuju bahawa di desa-desa, kampung-kampung itu, masalah perkauman itu tidak timbul? Akan tetapi oleh kerana saya rasa ahli-ahli politik kadangkalanya memainkan isu perkauman. Jadi lama-kelamaan ia akan timbul mengesyaki satu sama lain. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sebenarnya kalau kita hendak ulas siapa yang bertanggungjawab- daripada segi *list* yang bertanggungjawab, *number one is* ahli politik. Saya punya jawapan. Ahli politiklah yang bertanggungjawab kita jadi macam ini. Kita bergaduh sesama sendiri. Kita pengikut politik 'A', dia pengikut politik 'B'. Pemimpin politik 'A' cucuk pemimpin politik 'B', dia kaya, gaji besar, kereta besar, rumah besar, bini besar, kita bergaduh. Ahli politik *[Ketawa]*

Itu sebab saya selalu tegaskan, kita ahli politik ini, impian sayalah kalau boleh semua ahli politik ini bersatu. Bahkan pernah saya mengatakan- *I even if- I don't mind even to have one party system*. Sampai begitu sekali. Macam saya sudah tidak fikir apa hendak buat dengan orang Malaysia ini. Tidak ada kerja lain kah? Sampai bila kita hendak menghadapi masalah ini- 1,000 tahun lagi? Hendak biarkan sampai *1,000 years more? 100 years more?* Jadi, *there must be a stop*.

Jadi, saya setuju- saya mintalah kita di sini kena bantu iaitu kita kena menasihatkan kalau kita dapati parti politik kita itu agak keterlaluan, terlebih mementingkan politiknya, ya dengan sifat cauvinisnya, tidak mementingkan kepentingan negara, anak cucu cicit kita, *then* kita betulkan. Kita tegur. Kita kena mainkan peranan.

Kedua, *social media*, memang. Terutama pada hari ini, memang *social media* kalau kita baca pun ada kala kita naik darah tahu. Kita sakit, benci dibuatnya. Itu kita itu, yang lebih rasional kita anggap sudah lama hidup. Kita pun naik benci, naik menyampah. Apatah lagi anak-anak muda. Kalau dicucuk dengan *social media* tiap-tiap hari, dan pada hari ini kita ada *cybertroopers*, di-*create* bayar gaji buat itu buat ini supaya mencucuk. *This need to be stop*. Pada pandangan saya, kita kena mainkan peranan itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung lagi berkenaan dengan perpaduan dan nilai-nilai murni. Tadi sahabat saya Yang Berhormat- saya baca apa yang Profesor Teo Kok Seong. Yang Berhormat-Yang Berhormat, di Malaysia ini, kalau saya kata di peringkat dunia, *100 percent professors intellectual* berpandangan yang sama, sekolah satu aliran. *Full stop*. Tidak ada soalan. Di Malaysia ada pula yang kata, “No”, macam-macam idea termasuk bahkan profesor Melayu pun mengatakan sekolah satu aliran ini dia tidak setuju. Kalau boleh kita pelbagaikan aliran. Itu Melayu itu. Ada- tetapi tidak ramai. Adalah sekerat dua. Sebab majoriti termasuk profesor-profesor bukan Melayu, Cina dan India di Malaysia ini bersama-sama dengan kita supaya *ultimate* di satu hari, doa kita, kita akan wujudkan sekolah satu aliran dengan syarat dipersetujui secara konsensus oleh semua masyarakat di negara ini.

Profesor Teo Kok Seong, “*Sistem persekolahan satu aliran perlu diperkenalkan bagi membentuk perpaduan selain mewujudkan interaksi berbilang kaum terutama generasi muda*”. Profesor Teo Kok Seong kata, “*Berhenti membuat tuntutan melampau, sebaliknya berpegang kepada resam di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*”. Itu Profesor Teo Kok Seong. Ini saya ambil mungkin tiga *quotations*, okey.

■1710

Sekarang ini pun kesan daripada sekolah vernakular berlaku polarisasi di kampus yang amat ketara. Pergilah ke IPTA, jangan banding dengan IPTS kerana majoriti mereka begitu ramai. Pergilah melihat Kolej New Era Kajang yang dipunyai sendiri oleh Dong Jiao Zong dengan lulusan UEC mereka.

Ketiga, rata-rata masyarakat Cina tempatan- ini daripada Tai Chi Kin. Rata-rata masyarakat Cina tempatan bersikap cauvinis serta masih gagal asimilasi dengan budaya dan masyarakat setempat seperti diaspora China di Amerika Syarikat, *United Kingdom* dan Thailand yang melakukannya dengan rela hati tanpa berkompromi dengan identiti mereka.

Pandangan daripada profesor-profesor bukan Melayu termasuk mendiang Khoo Kay Kim kalau Ahli Yang Berhormat baca. Baca buku beliau. Saya berkesempatan berbincang dengan anak beliau baru-baru ini dan saya memang menghormati pandangan Tan Sri Khoo. Cukup nasionalistik, ia cukup patriotisme jati diri Malaysia.

Saya hendak *share* masih topik perpaduan ini hendak beritahu rakan-rakan saya orang Cina. Ramai orang akademik Cina dan bukan akademik Cina di Malaysia ini yang tidak

suka sikap chauvinis orang Cina [*Ketawa*] Baca buku ini. Saya pun tidak sanggup baca. Saya tidak sanggup baca buku *because* dia kutuk *you all* sendiri. *You all* tidak sedar dirikah? Macam itu lebih kurang. Saya sendiri pun saya baca bulu roma saya naik. Sebab dia marah. Dia kata engkau orang ini apa hal engkau buat macam. Itu *referring* kepada bukan semua orang Cina, saya tahu. Ini kepada sekumpulan. Macam saya katakan tadi ahli politik mencucuk kita padahal kita macam saya setuju tadi saya di kampung pun, kita cukup rapat.

Saya di sekolah, pada zaman kita, generasi kita Yang Berhormat Nga kita bersekolah bercampur dengan bukan Melayu. Dengan India, dengan Singh, dengan Cina. Kita bertengkar pun, kita bertengkar kasar tetapi selepas itu yang si Wong badan dia besar daripada saya, memang selalu buli saya. Bertengkar, bertengkar, dia hero saya tidak berani lawan. Akhirnya dia menang dan saya kata, "Eh Wong. Engkau buli aku, jom belanja aku makan." Dia Cina banyak duit, dia belanja saya makan mi.

Jadi kita boleh sampai ke tahap itu sebab kita sudah duduk lama dengan dia. *You* boleh bertengkar, boleh berketuk, boleh apa tidak ada benda. Sekarang kita pergi kutuk sedikit, kutuk sedikit sekarang. Kutuk Cina, kutuk Melayu, kutuk India- mampus. Maksudnya sebab kita tidak duduk bersama. Kita sekolah bersama tidak ada benda, *you* kutuk saya. Makan bersama tidak ada hal. Ya Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sedikit. Mendengar penjelasan Tuan Yang di-Pertua, dari segi sisi pandang saya seolah-olah perkara pendidikan ini adalah satu perkara dipanggil *situational* sebab perkataan Yang Berhormat banyak guna tadi adalah interaksi, interaksi. Akan tetapi saya melihat pendidikan ini ia bukan perkara *situational* semata-mata. Ia perkara normatif, ada asasnya. Oleh sebab itu kalau- betulkan saya. Saya bukan profesor.

Sebab kalau kita ambil pendidikan John Lewis profesor daripada *Columbia University* itu, dia kata pendidikan itu punya asas demokrasi. Kalau pendidikan itu tidak demokratik dalam konteks maksudnya dapat dinikmati oleh semua, kalau demokratik dalam konteks maksudnya yang minoriti pun dapat haknya. Jadi perkara itu, itulah pendidikan.

Kalau kita ambil dalam konteks Paulo Freire falsafah pendidik daripada Brazil itu yang mempromosikan pendidikan popular itu. Dia lagi lain pula *each other*.

Oleh sebab itu bagi saya katakan Yang Berhormat- ini andaian saya, sebab saya produk sekolah agama. Saya daripada Al-Mashoor, kemudian ke Kolej Islam, kemudian ke Universiti Islam. Akan tetapi bayangkan walaupun saya di Al-Mashoor, di Kolej Islam yang diajar contohnya katakanlah Surah Al-Hujurat ayat 14 sampai ayat 16 itu- dijadikan kamu itu lelaki dan perempuan, pelbagai- Allah Taala katakan dengan satu tujuan sahaja, iaitu untuk *lita'arafu bainakum*. *Ta'arafu* pada pandangan saya- suruhan untuk sangat berpendidikan, untuk kamu kenal mengenali.

So, bagi saya kalau itu yang diajar, tiba-tiba pula kita ke *United Nations*. Masuk, masuk pintu gerbang pertama yang diajar dekat situ apa dia. Pandangan- falsafah Cina itu, kalau kamu tidak mahu dilayan sebegitu, jangan kamu lakukan sebegitu kepada orang lain. Selepas itu kita tengok dalam budaya India pula. Kalau kita tengok Tago, Matahama Gandhi pun dia ajar juga- kita perlu menghormati agama lain seperti mana kita menghormati agama kita sendiri.

So, saya mengandaikan sebenarnya pendidikan ini saya berdepan dengan Tuan Yang di-Pertua ialah cikgu. Saya rasa jawatan Cikgu Halim itu bagi sayalah satu anugerah, *special* Tuan Yang di-Pertua. So bagi saya Tuan Yang di-Pertua melalui proses. Jadi bagi saya pendidikan ini ia bukanlah satu perkara yang *situational* semata-mata, hanya merujuk kepada kita main bola sama-sama, kita minum kopi sama-sama, tidak. Ia punya satu asas normatif yang mana ia mencabar kita juga menilai orang lain daripada kaca mata kita. Macam mana kita boleh berlaku adil kepada orang lain, bagaimana kita boleh menghormati orang lain.

Kalau perkara itu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak cuba selesaikan, kita hanya selesaikan masalah *situational*, saya khuatir pendidikan itu lebih lagi daripada itu. Oleh sebab itu bagi saya ketika Nabi Muhammad SAW hadir pun, baginda memberi satu pendidikan asas yang berbeza sehinggalah satu generasi jahiliah itu yang ketika itu tidak menghormati orang lain itu tertukar. Seheinggakan satu generasi Islam yang dibawa itu menghormati bangsa-bangsa yang lain sehinggalah di Mekah itu ada Yahudi, ada bangsa lain semuanya dapat hidup dengan satu toleransi yang baik.

Bagi saya sebenarnya kita juga perlu betulkan dari segi asas normatif pendidikan itu juga selain daripada aspek interaksi tadi, *situational*.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey terima kasih. Saya sudah mula bimbang ini. Ini ada 14 minit boleh habis.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Alamak, alahai. Saya takut saya tidak habis. Banyak lagi saya hendak cakap.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Sekejap. Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila Yang Berhormat bercakap tentang perpaduan kita di Malaysia, kita di Malaysia ini terdiri daripada rakyat kita berbilang kaum, berbilang agama. Jadi, saya ambil misalan bahawa kita sebenarnya terdiri daripada anak-anak sungai yang berbilang-bilang. Banyak anak sungai. Anak sungai di hulu itu airnya berbagai-bagai warna. Ada air warna hitam, ada airnya warna kelabu, ada warna coklat tua, ada putih jernih.

Jadi, dalam aliran air ini ia akan mengalir kepada satu sungai besar yang kita maksudkan ialah *mobility social*. Jadi apabila air sungai ini kita ibaratkan sebagai kaum-kaum yang tertentu. Hilir sungai itu mungkin terdiri daripada satu kaum, satu kaum yang lain.

Jadi apabila air sungai mengalir, ia akan pergi kepada satu sungai yang besar. Apabila sampai ke satu sungai yang besar, warna air itu sudah tidak ada asli lagi. Sungai yang di hulu itu hitam airnya, kelabu kah airnya, coklat tua kah, putih jernih kah apabila sampai ke satu sungai besar ia seolah-olah satu *blending*.

Jadi apabila ia *blending*, bermakna warna air itu sudah tidak sama seperti apa yang ada di hulu sungai. Jadi saya rasa itulah rupa coraknya masyarakat Malaysia. Jadi, itulah sepatutnya yang menjadi ramuan kepada perpaduan kita. Kita tidak boleh terlalu mempersoalkan tentang dominasi sesuatu kaum. Akan tetapi apabila kita sudah bercampur dengan *mobility social* kita, aliran air itu berjalan. Akhirnya kita sampai kepada satu warna air yang tidak lagi asli seperti di hulu sungai tetapi satu warna yang baharu. Itulah rupanya pembentukan masyarakat dan budaya Malaysia.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pukul berapa saya kena berhenti?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat Senator kerana keilmuan tadi, Yang Berhormat bagi ilmu banyak kepada anak-anak buah kita, jadi pandangan bagus. Saya minta Yang Berhormat gulung lagi lima minit. Lima minit lagi.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sampai pukul 5 berapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Jam 5.25 petang.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Hish, tidak boleh. Ahli Yang Berhormat pun sanggup tunggu semua. Sekejap sahaja lagi. Tambah dalam...

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi 10 minit boleh? Boleh ya. Saya beri tambah.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Alahai. Okey saya cuba. Saya ingat macam inilah buku ini pun saya beli sendiri dan baca buku ini sendiri. *What I'm want to saying* buku ini mengatakan *you respect the Malays*. Itu sahaja. Jangan buat orang Melayu macam itu. Kalau *you* buat macam itu, *you* orang Cina tidak sedar diri maksudnya [Ketawa]

So, beli. *Please read this book*. Sayang banyak ilmu yang saya hendak turunkan tetapi tidak dapat. Okey Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Robert Lau Hui Yew: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Itu- boleh tolong sedikit tak. Kalau tidak saya tidak habis. Minta maaf, minta maaf. *Please, please. I don't have time.*

Tentang pendidikan tadi juga kalau saya boleh jelaskan makna pendidikan Yang Berhormat Senator Yusmadi. Tidak ada masa juga, *actually* ada. Tidak ada masa saya hendak jelaskan tentang pendidikan.

■1720

Okey, saya ada dua lagi perkara penting yang saya hendak sampaikan. Saya memang- saya rasa-rasa tidak boleh habis ini. Jadi, untuk buat sementara waktu Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada kerajaan, sementara kita hendak memikirkan bersama dengan rakyat berbagai kaum, melihat tentang kemungkinan menjurus kepada satu sistem aliran ini, boleh tidak kita perkasakan sekolah kebangsaan?

Ya, saya telah mencadangkan beberapa kali ya. Perkasakan sekolah kebangsaan, bukan perkasakan sekolah vernakular. Bukan perkasakan sekolah swasta Cina, tidak. Perkasakan sekolah kebangsaan, bermaksud menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sebuah sekolah pilihan utama oleh semua murid dari berbagai kaum. Iaitu dari infrastrukturnya terbaik, dari segi akademiknya terbaik, cikgu Bahasa Inggeris, cikgu Bahasa Cina, cikgu Bahasa Tamil, cikgu Matematik, cikgu yang terbaik. Bahkan, import cikgu Bahasa Inggeris daripada UK, terbaik.

Masa saya bagi ceramah, seorang pengetua bangsa Cina bangun. Dia kata, "*I'm a profesional man.*" Saya kalau hendak hantar anak saya, saya akan hantar sekolah terbaik. Kalau sekolah kebangsaan *you* terbaik, *I've sent my children to you*. Ini satu hari dia kata, "Saya punya jiran punya anak turun daripada *railing* tangga sekolah, sekolah kebangsaan, luka terbelah tangan anak saya." Dia kata, "Saya tidak akan hantar anak saya ke sekolah kebangsaan. *Toilet* busuk." *Toilet* tidak sempurna ya. Bandingkan sekolah Cina, sekolah *private* Cina apatah lagi, bilik cikgu *fully air-cond*.

Maksudnya, dengan masa yang ringkas ini, memperkasakan sekolah kebangsaan, daripada kita memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah yang bercanggah dengan Perlembagaan itu, kita bagi duit kepada sekolah kebangsaan, termasuk sekolah di Sabah dan Sarawak yang begitu daif. *It is a process*. Kalau kita buat itu dulu, dengan ICT nya *complete*, semuanya *complete*. *Insyallah* orang Cina dan orang India pun akan lari kepada sekolah kebangsaan, dengan syarat, menjadi sekolah yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang seterusnya, saya hendak bercakap sedikit tentang alam sekitar. Kebelakangan ini kita banyak mendengar isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar.

Pertama, berkenaan dengan isu tanah haram durian di Raub. Saya- ini menjadi begitu polemik. Saya hendak bacakan rintihan atau kemarahan orang Melayu. Dia kata, "Pada 2016, A. Rahman Hashim, seorang bekas tentera, dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM50 ribu selepas didapati bersalah menceroboh hutan simpan dekat Gunung Semanggol.

Pada Januari 2020 pula, Bol Kiat, seorang warga Kemboja, didenda RM45 ribu selepas mengaku bersalah atas tuduhan mendiami hutan simpan.” Seorang tadi mendiami, seorang tadi hanya menceroboh ya tetapi dijel dan didenda.

“Kontradiksinya, di ambang ulang tahun kemerdekaan negara, penceroboh tanah kerajaan di Raub yang dipercayai kebanyakannya bangsa DAP...” Ini sebab dia marah tau, dia marah sebab berlaku tidak adil kepada orang Melayu. “...mendapat kemenangan pertama apabila berjaya mendapatkan perintah penggantung sementara terhadap notis pengosongan tanah kebun yang diteroka secara haram oleh mereka.” Apa perasaan bangsaku? Inikah keadilan untuk Melayu?

Tentera Melayu yang pernah berjasa pada negara dihukum denda dan penjara tetapi pekebun Cina yang entah dari mana asal usulnya, tidak dikenakan hukuman yang sama sedangkan tanah yang dicerobohi ribuan ekar luasnya. Kerajaan Pahang kerugian RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanahnya. Bangsa DAP inilah yang menyaman Kerajaan Pahang berkaitan penggunaan tulisan jawi, kini bangsa yang sama mengangkat gambar Agong, konon mengharapakan pembelaan, keadilan.

Maksud saya, apabila kita membuat ketidakadilan ini, orang Melayu yang terasa sebab dia kata orang Melayu semua kena. Di Kuala Lumpur, seorang Menteri membuat komen, seorang makcik jual nasi lemak, sekangkang kera, dihalau dan dirobuhkan. Hendak cari sesuap nasi, ini bercakap dari segi miskinlah ya. Di UiTM sendiri pada hari ini ya, sebelah Hotel UiTM mereka membuat satu *cafe* yang kecil. Tiba-tiba diarahkan *stop*. Saya tanya, “Kenapa *stop*?”, “Oleh sebab berdekatan dengan parit.” Tidak ada kena mengena, tidak ada toksik apa benda pun ya.

Di UiTM Jengka, beberapa kedai orang Melayu yang miskin, hendak cari sesuap nasi berniaga kecil-kecilan, dirobuhkan. So, orang Melayu kata, “Kalau bab-bab Melayu, semua kamu tangkap, semua kamu halau. Di Penang, rumah Melayu kena roboh, bab Melayu semua. Akan tetapi bab-bab Cina, semua boleh.”

Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dan bukan sahaja mereka tidak puas hati kepada orang Cina, mereka tidak puas hati kepada orang Melayu sendiri. Pegawai-pegawai Melayu yang telah dirasuah, mereka mengatakan. Oleh sebab orang Cina ada bagi ‘pelincir’, ada bagi rasuah. Kami orang Melayu, hendak bagi ‘pelincir’ apa? Kami tidak ada duit. Ini saya katakan tadi, nilai positif dan juga perangai-perangai rasuah ini mesti di *stop*.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mesti melihat, SPRM. Siapa yang rasuah dan yang makan rasuah. Selama ini yang makan rasuah, kena tangkap tetapi yang bagi rasuah, lepas. Ini tidak betul. Sepatutnya dua-dua ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebab tidak ada masa, saya baca itu, saya hendak mengatakan tadi ya, bahawa kes dusun durian di Raub ini sekarang menjadi begitu serius.

Menjadi *racial*, kerajaan kena berhati-hati. Orang Melayu, tanah sekangkang kera, kamu halau. Oh, orang Cina boleh kalau dibagi tanah itu dekat berapa ribu hektar? *Divided by what? One, one, one.* Seorang mendapat 40 hektar. Oh, senang-senang. Senang-senang. Bukan dengki, tidak tapi persoalannya kerajaan Melayu sendiri tidak adil kepada orang Melayu.

Ini yang saya bacakan tadi dan ini tidak bagus. Tidak ada- penguat kuasa yang rasuah, pejabat tanah rasuah kah, polis rasuah, bahagian Kastam, Imigresen, pendaftaran, semua rasuah, ini yang jadi pada kita pada hari ini. Itu sebab Tuanku kata, "*Once and for all, enough is enough.*" Kita *stop*, cari jalan supaya perkara ini boleh kita hapuskan sama sekali...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah tidak, sikit saja.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Begitu juga yang berlaku di Sungai, di Rawang...

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sekejap ya. Di Rawang pun sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Dia buat *factory* di tepi sungai yang besar. UiTM buat kedai kecil di tepi parit, orang Melayu buat rumah kecil di tepi sungai, kena roboh. Ini *factory* besar, bertahun-tahun dibenarkan, tidak ada tangkapan. Oleh sebab apa, orang mengatakan ini semua rasuah punya fasal.

Begitu juga yang berlaku di Johor tahun lepas ya. Begitu juga yang terlibat dengan suami kepada Yang Berhormat Menteri pada masa itu, sama juga. Di mana berapa ratus sekolah ditutup. Siapa yang kena? Melayu. Dikatakan pada hari ini, yang ruginya adalah....

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh saya mencelah sedikit?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...orang Melayu.

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah sikit?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh, tidak boleh, sebenarnya saya tidak habis lagi. Saya tidak habis lagi.

Dr. Yaakob bin Sapari: Oleh sebab dia tengah *excited* itu, kalau bagi pencilahan sikit, boleh?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh, bolehlah.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya tertarik hujah-hujah daripada Profesor tadi. Ada satu buku tulisan *John Rawls*, "*The Law of Justice.*" Saya pun banyak buku juga Tan Sri, kalau hendak bawa, banyak juga sini. So, banyak juga artikel saya baca. Ia kata, bukan soal bangsa tapi soal *fairness*. Apakah *fair*? Jadi, itu justifikasi. Kalau kita kaitkan ia bangsa, ia akan jadi isu-isu lain. Akan tetapi dalam keadaan *justice, fairness*, itu kita laksanakan. Isunya ialah isu *corruptions*. Jadi, kalau itu yang kita hendak *highlight*, mungkin kita boleh bahaskan. Akan

tetapi kalau kita kaitkan dengan isu perkauman, saya rasa ia jadi panjang nantinya. Jadi, apa pandangan Profesor?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya pun tidak kaitkan dengan masalah perkauman. Saya kata tuduhan orang Melayu. Ini saya kata ini berbahaya kerana perbuatan-perbuatan itu seolah-olah kita menzalimi bangsa Melayu sendiri, orang Cina dimanjakan. Ini tuduhan orang Melayu. Ia jadi *racial*. Bukan saya menganjurkan rasis ke tidak, tidak ya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali saya rasa... [*Menyemak teks ucapan*] Alamak hai, ini yang susah, macam mana ini? Saya sudah menggelabah sudah ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya, saya yakin dengan pelantikan Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri.

■1730

Kita mengharapkan perubahan ini boleh kita lakukan. Ini kerana, pada saya memang sewajarnya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin. Beliau merupakan Perdana Menteri pintu depan istana. Bukan pintu belakang ya [*Ketawa*] di pintu depan istana tahu. Tidak ada dalam sejarah kita *Prime Minister* dilantik melalui istana. Ini orang Islam kata... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dan saya merasakan beliau pun tidak terfikir akan menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau pun tidak berangan saya rasa lah apabila melihat pada suasana hari itu.

Akan tetapi, saya rasa pelantikan beliau- pada saya lah, telah menerima secara- rata-rata diterima kerana kejayaan beliau menjalankan tugas menghadapi COVID-19. Apatah lagi, apabila kita bercakap suasana pada hari ini dan Titah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memang kita harapkan masalah yang kita hadapi selama 60 tahun ini dapat kita selesaikan.

Kalau kita dahulu kita main letakkan masalah kepada kerajaan lama dan saya terangkan tidak boleh semata-mata kita letakkan kepada kerajaan lama. Kerajaan lama pun kita boleh pecah kepada dua; satu UMNO lama, satu UMNO baharu. UMNO lama sampai kepada Tun Hussein Onn. UMNO baharu bermula daripada Tun Mahathir. Lepas itu barulah Pakatan Harapan, lepas itu sekarang PN. Kita telah lihat- minta maaf pada orang Melayu, untuk sahabat-sahabat saya daripada parti yang berlainan. UMNO lama pun ada masalah, UMNO baharu bermulanya rasuah.

Saya jelaskan -ia politik duit, politik wang apabila Tun Mahathir dan juga Timbalannya yang juga Yang Berhormat Menteri Kewangannya pada masa itu. Bermulanya projek besar-besar, bermulanya kronisme, bermulanya proksi, bermulanya *direct nego*- bermacam-macam.

So, jangan letak kesalahan kepada orang Melayu sahaja kerana apabila PH memerintah selama 22 bulan, dua kali lima lagi teruk. Saya ada *list* panjang hendak bacakan

selama 22 bulan apa mereka buat. Lagi sakit hati nanti fasal saya hendak cakap memang banyak. Cukup banyak.

Maksudnya kalau dahulu mereka mengatakan di bawah pemerintahan kami, kami tidak akan mengamalkan *direct nego*, mereka buat juga. Di bawah pemerintahan kami tidak ada kes-kes yang apa benda ini- dia *drop* kes juga. Banyak kes-kes yang masih dalam *court*, belum habis di-*drop*-nya. Banyak benda-benda yang bercanggah apatah lagi mereka telah menzalimi banyak kepentingan Melayu. Saya terus terang cakap di sini. Selama 22 bulan- ini saya mewakili ini, rintihan orang Melayu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Dalam masa selama 22 bulan.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat di Dewan yang mulia ini, saya telah mengatakan saya telah membuat ramalan. Dalam masa dua tahun, sebelum PRU 14- dalam masa dua tahun, kalau sekiranya BN kalah, kerajaan yang memerintah itu akan *collapse*, akan hancur dalam masa dua tahun. *Alhamdulillah*, nujum saya itu jadi. Akan tetapi, nujum saya pada masa itu- saya tidak membuat *prediction* siapa yang akan ambil alih. Saya kata akan jatuh, *collapse*. Betul memang *collapse* dan ini tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia. Akan tetapi, *alhamdulillah* Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin ambil alih.

Itu sebab saya katakan, kita mengharapkan betulkanlah semua masalah. Kita doakan Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sudahlah. Cukup. *Enough is enough. Be a professional politician.* Ketepikan masalah perbezaan-perbezaan, ketepikan kepentingan kaum sendiri. Perkukuhkan- kita duduk bersama, bincang bersama, apakah patut kita lakukan daripada aspek-aspek keadilan berbagai-bagai- *we discuss together*. Supaya kita dapat bekerja dengan ikhlas dalam perjuangan kita, letakkan kepentingan agama, bangsa dan negara sebagai asas. Bukan meletakkan kepentingan diri sendiri dalam perjuangan kita. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Kita rasa banyak ilmu kita dapat petang ini. Saya juga senang hati sahabat-sahabat saya di sebelah sana pun menerima hujah itu dengan bernas dan baik. Kita dengar dengan teliti dan bijak.

Itulah saya rasa. Jadi, hari ini kita tahulah bahawasanya Yang Berhormat Senator- dalam perjuangan ini sahabat tidak berpanjangan, musuh pula tidak berlarutan. Yang berpanjangan dan berlarutan hanyalah matlamat perjuangan kita itu... *[Tepuk]* Perjuangan kepada rakyat kita, bangsa kita, negara kita itu. Kita nampak jelas kepada kita.

Petang ini juga saya hendak maklumkan seorang sahabat kita yang habis tempoh *Senatorship*-nya. Orang yang berjasa kepada Dewan. Banyak memberi pandangan yang baik,

hujah yang terbaik, jadi panduan- iaitu tak lain tak bukan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin... [Tepuk], yang dilantik pada iaitu 10 September 2014 hingga 9 September 2017- itu *term* pertama. *Term* kedua dia 10 September 2017 akhirnya hari ini 9 September 2020. Jasa mu dikenang Yang Berhormat Senator Datuk. Dia ini daripada Kota Bharu dan fasih Bahasa Melayu. Daripada Kelantan.

*Pergi ke Pasir Mas seorang diri;
Singgah berehat di Rantau Panjang;
Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin bijak menjaga diri;
Ke mana pergi dihormati orang... [Tepuk]*

*Dari mana hendak ke mana;
Tinggi rumput dari padi;
Bulan mana tahun yang mana;
Jasa bakti mu Yang Berhormat tidak luput di dalam hati... [Tepuk]*

Itu dia. Itu dia tadi banyak jasa dia kita dapatkan. Dia bijak berbicara. Timbul isu-isu masyarakat dan keselamatan. Bagus sangat saya rasa. Jasa mu dikenang Yang Berhormat Senator. Jadi, kita dapat harap jumpa lagi, kita doakan dia semoga panjang umur dan terus berjuang untuk bangsa dan negara.

Terima kasih setakat ini. Saya minta tadi kepada Setiausaha tadi- kita pergi kepada hal yang lain. Sila Setiausaha. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, ada Usul Penangguhan daripada Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 15(3)

5.38 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan ucapan penangguhan. Mohon Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin untuk membacakan teks ucapannya.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pemeriksaan Kuasa Negeri

5.39 ptg.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Usul saya adalah berkenaan dengan pemeriksaan kuasa negeri.

Sebagaimana yang dimaklumkan, Malaysia adalah sebuah Negara Persekutuan yang terbentuk daripada gabungan 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan kuasa Eksekutif dan Legislatif bagi negeri, Persekutuan dan bersama. Peranan dan obligasi negeri dinyatakan dengan jelas dalam Perkara 80, tetapi di manakah peruntukan yang menggambarkan obligasi Persekutuan terhadap negeri? Sekiranya Persekutuan tidak memenuhi mana-mana peruntukan berkaitan bidang kuasa negeri atau kuasa bersama, apakah tindakan yang boleh diambil oleh negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan?

Apakah indikator dan agensi yang memastikan pengagihan dan penyaluran kewangan dalam bidang kuasa bersama kepada negeri-negeri dalam Perkara 82 dipatuhi dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan rakyat dan negara. Antara perkara-perkara dalam kuasa bersama ialah kanak-kanak, belia dan wanita.

■1740

Dari segi operasi contohnya, ada agensi daripada Persekutuan ditubuhkan di negeri-negeri tetapi tidak diselaraskan dengan agensi di peringkat negeri. Ada agensi di negeri membuat lantikan politik untuk maksud kepentingan pentadbiran dan hasrat negeri. Kesannya peruntukan untuk perkara yang sama terbeban di pihak Persekutuan dan negeri walaupun ia boleh diselaraskan dan beban kewangan dapat diminimumkan. Apakah sudah ada inisiatif di pihak kerajaan untuk menilai dan menganalisis isu ini bagi reformasi perbelanjaan melibatkan kewangan Persekutuan dan negeri.

Apakah rundingan dengan negeri dalam hal bidang kuasa bersama suatu kewajipan atau pilihan. Sejauh mana pula kewajipan Persekutuan berunding dengan negeri-negeri dalam kes contohnya Perjanjian Malaysia 1963. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada keluarga saya Ahli Yang Berhormat yang tunggu saya sampai akhirnya ini. Dari bicara tadi saya rasa sangat terbaiklah, puas hati. Seorang orang lama, orang tua itu rasa saya senang hati kalau saya tinggal pun, wah kita ada tokoh-tokoh yang baik, yang prihatin dan pemimpin-pemimpin yang tidak sombong, yang bagus, penuh dengan kebajikan. Itu dia tadi dan selalu bersyukur, pemimpin saya senang hati

dan juga mendengar pendapat, hujah-hujah yang baik dengan baik dan berhujah dengan baik. Itu sangat baiklah. Satu ciri pemimpin, dengar. *You have to be a good listener*. Itu katanya.

Jadi Yang Berhormat sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, sila.

5.42 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran masa yang diberikan dan saya ingin mohon masa yang agak mencukupilah untuk menjelaskan jawapan kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak yang telah pun membangkitkan usul yang berkenaan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua sesungguhnya kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang telah mengemukakan usul ucapan penangguhan berkaitan kuasa Eksekutif dan Legislatif antara Persekutuan dan juga negeri.

Tuan Yang di-Pertua penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut. Pertamanya persoalan di manakah peruntukan yang menggambarkan obligasi Persekutuan terhadap negeri dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh negeri mengikut Perlembagaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengamalkan konsep Persekutuan ataupun Federalisme yang bercirikan Kerajaan Pusat dan pada masa yang sama negeri-negeri mempunyai kuasa autonomi dalam perkara tertentu.

Konsep Federalisme diterjemahkan melalui pembahagian kuasa, perundangan antara Parlimen dengan badan perundangan negeri serta pembahagian kuasa Eksekutif antara Persekutuan dengan negeri. Prinsip ini telah dinyatakan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan khususnya di dalam Bahagian VI.

Pembahagian kuasa perundangan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri diperuntukkan dengan jelas di bawah Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan juga dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kuasa perundangan Parlimen disenaraikan dalam Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan sementara kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri bagi kerajaan negeri pula disenaraikan dalam Senarai Negeri.

Kedua-dua Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa perundangan secara bersama bagi perkara yang dinyatakan dalam Senarai Bersama.

Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi negeri-negeri mengenai apa-apa perkara dalam Senarai Negeri hanya dalam hal-hal yang berikut.

Pertama, bagi maksud melaksanakan apa-apa *tricky*, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan. Atau bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri ataupun lebih atau jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana negeri.

Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada Parlimen untuk memperluas kuasa perundangan negeri. Apa-apa perkara yang mengenainya, badan perundangan negeri dibenarkan oleh Akta Parlimen untuk membuat undang-undang hendaklah bagi maksud Perkara 79 iaitu perjalanan kuasa perundangan bersama.

Perkara 80 pembahagian kuasa Eksekutif, dan Perkara 82 pembiayaan perbelanjaan bagi perkara dalam Senarai Bersama dikira berkenaan dengan negeri tersebut seolah-olah perkara itu merupakan perkara yang disebut dalam Senarai Bersama.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan mengenai pembahagian kuasa Eksekutif Persekutuan dengan negeri dan bukannya peranan dan obligasi negeri seperti yang dinyatakan di dalam usul.

Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan antara lainya memperuntukkan bahawa kuasa Eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengenainya Parlimen boleh membuat undang-undang dan kuasa Eksekutif sesuatu negeri meliputi segala perkara yang mengenainya badan perundangan negeri itu boleh membuat undang-undang.

Seterusnya Perkara 80(2) Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan bahawa kuasa Eksekutif Persekutuan tidak meliputi apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri kecuali setakat yang diperuntukkan dalam Perkara 93 iaitu siasatan, tinjauan dan perangkaan.

Perkara 94 kuasa Persekutuan berkenaan dengan rakyat negeri, dan Perkara 95 pemeriksaan aktiviti negeri. Kuasa Eksekutif Persekutuan juga tidak meliputi apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama kecuali setakat yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan atau negeri.

Bagi hal perkara dalam Senarai Bersama, sekiranya undang-undang Persekutuan atau negeri memberikan kuasa Eksekutif kepada Persekutuan, undang-undang itu boleh berbuat demikian dengan menyingkirkan kuasa Eksekutif negeri itu.

Manakala Perkara 80(4) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan supaya kuasa Eksekutif sesuatu negeri hendaklah meliputi pentadbiran mana-mana peruntukan tertentu dalam undang-undang Persekutuan dan boleh bagi maksud itu memberikan kuasa kepada dan mengenakan kewajipan pada mana-mana pihak berkuasa negeri itu.

Oleh yang demikian, pembahagian kuasa perundangan dan Eksekutif antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri diperuntukkan dengan jelas di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ia jelas menunjukkan jaminan hubungan Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri di bawah sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia. Kedua-dua Parlimen, Kerajaan Persekutuan dan badan perundangan negeri ataupun kerajaan negeri hendaklah melaksanakan kuasa masing-masing menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Namun sekiranya kerajaan negeri merasakan bahawa Kerajaan Persekutuan telah membuat undang-undang mengenai perkara di bawah Senarai Negeri ataupun tindakan yang dibuat oleh Eksekutif Persekutuan yang melanggar kuasa negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan maka kerajaan negeri boleh mencabar kesahan tindakan tersebut di Mahkamah Persekutuan selaras dengan Perkara 4, dan 128 Perlembagaan Persekutuan.

■1750

Dalam hal ini, Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kedudukan tertinggi Perlembagaan Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

Manakala Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hanya Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk menentukan persoalan sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau badan perundangan sesuatu negeri adalah tidak sah atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang mengenainya Parlimen atau mengikut mana-mana yang berkenaan.

Badan perundangan negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang dan pertikaian atas apa-apa soal lain antara negeri dengan negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana negeri.

Isu yang kedua yang diusulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin sebentar tadi ialah persoalan mengenai apakah indikator dan agensi yang memastikan wang pengagihan dan penyaluran kewangan dalam bidang kuasa bersama kepada negeri-negeri dalam Perkara 82 Perlembagaan Persekutuan dipatuhi dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan perbelanjaan yang berhubungan dengan perkara dalam Senarai Bersama jelas diperuntukkan di bawah Perkara 82 Perlembagaan Persekutuan. Jika mana-mana undang-undang atau tindakan eksekutif yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama melibatkan perbelanjaan, melainkan jika dipersetujui selainnya, beban perbelanjaan itu ditanggung oleh Persekutuan jika perbelanjaan itu berbangkit sama ada daripada komitmen Persekutuan atau

daripada komitmen negeri yang diakujujikan mengikut dasar Persekutuan dan dengan kelulusan khusus Kerajaan Persekutuan, dan oleh negeri atau negeri-negeri yang berkenaan jika perbelanjaan itu berbangkit daripada komitmen negeri yang diakujujikan oleh negeri atau negeri-negeri itu atau kuasa negeri atau negeri-negeri itu sendiri.

Pengagihan beban kewangan tersebut boleh dipersetujui selainnya sekiranya perkiraan dibuat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di bawah Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan peruntukan bagi pembayaran berkenaan dengan apa-apa kos yang dilakukan di bawah perkiraan bagi pelaksanaan apa-apa fungsi oleh pihak berkuasa pada satu pihak bagi pihak berkuasa pada pihak yang satu lagi. Namun, perkiraan tersebut adalah tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang Persekutuan dan juga undang-undang negeri.

Sekiranya mana-mana undang-undang Persekutuan dibuat untuk memberikan kuasa eksekutif atau apa-apa fungsi kepada pihak berkuasa negeri di bawah Perkara 80(4) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 80(6) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah membuat apa-apa pembayaran kepada negeri sebagaimana yang dipersetujui antara Persekutuan dengan negeri itu.

Oleh yang demikian, peruntukan undang-undang berkenaan dengan perbelanjaan melibatkan kewangan Persekutuan dan negeri adalah jelas di bawah Perlembagaan Persekutuan. Isu berkenaan dengan pengagihan dan penyaluran kewangan serta agensi di peringkat negeri merupakan satu isu dasar dan pelaksanaan di bawah kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi perkara yang berkenaan.

Selain itu, Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai penubuhan Majlis Kewangan Negara yang terdiri daripada Perdana Menteri, mana-mana Menteri lain yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dan seorang wakil dari setiap negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Di bawah Perkara 108(4) Perlembagaan Persekutuan, adalah menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuan untuk berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan:

- (i) pemberian yang dibuat oleh Persekutuan kepada negeri-negeri;
- (ii) penyerahhakan kepada negeri-negeri keseluruhan atau apa-apa bahagian hasil daripada apa-apa cukai atau fi Persekutuan;
- (iii) keperluan penjamin tahunan Persekutuan dan negeri-negeri dan penjanaaan kuasa meminjam Persekutuan dan negeri-negeri itu;
- (iv) pembuatan pinjaman kepada mana-mana negeri;
- (v) pembuatan rancangan pembangunan mengikut Perkara 92;
- (vi) perkara-perkara yang disebut dalam Butiran 7(f) dan (g) Senarai Persekutuan;

- (vii) apa-apa cadangan untuk membawa rang undang-undang bagi suatu undang-undang yang disebut dalam Fasal (2) Perkara 109 dan Fasal (3) atau (3A) Perkara 110; dan
- (viii) apa-apa perkara lain yang berkenaan dengannya Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang Persekutuan membuat peruntukan bagi mengadakan rundingan dengan Majlis Kewangan Negara.

Seterusnya, berdasarkan Perkara 108(5) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan juga boleh merundingi Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan apa-apa perkara lain, sama ada atau tidak perkara itu melibatkan soal kewangan, dan kerajaan sesuatu negeri boleh merundingi Majlis tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara yang menyentuh kedudukan kewangan negeri itu.

Oleh itu, apa-apa perbincangan atau rundingan mengenai hal perkara yang melibatkan kewangan boleh diadakan oleh kerajaan negeri bersama Kerajaan Persekutuan dalam Majlis Kewangan Negara.

Di dalam usul yang dikemukakan tadi juga, perkara ketiga yang disentuh ialah adakah rundingan dengan negeri dalam hal bidang kuasa bersama satu kewajipan ataupun pilihan, dan sejauh mana pula kewajipan Persekutuan merunding dengan negeri-negeri dalam kes Perjanjian Malaysia 1963.

Dalam hal ini, berdasarkan kepada Perkara 74(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan, kedua-dua Parlimen dan badan perundangan sesuatu negeri boleh membuat tundang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu di dalam Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Perjalanan kuasa perundangan bagi hal perkara dalam bidang kuasa bersama diperuntukkan di bawah Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada Perkara 79(1) Perlembagaan Persekutuan, suatu rang undang-undang ataupun pindaan kepada rang undang-undang berkenaan dengan mana-mana perkara di bawah Senarai Bersama hendaklah diperakui oleh Pegawai Pengerusi Majlis Parlimen atau Pegawai Pengerusi Dewan Undangan di mana mana-mana negeri yang berkaitan.

Setelah diperakui, berdasarkan Perkara 79(2) Perlembagaan Persekutuan, sesuatu rang undang-undang ataupun pindaan tersebut tidak boleh diteruskan sehingga empat minggu telah berlalu selepas penyiarannya, melainkan jika Pegawai Pengerusi itu membenarkan rang undang-undang atau pindaan itu diteruskan atas alasan keterdesakan setelah berpuas hati bahawa kerajaan negeri, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, Kerajaan Persekutuan telah dirundingi.

Walaupun rundingan dengan kerajaan negeri bukan merupakan suatu kewajipan bagi mana-mana rang undang-undang di bawah Senarai Bersama dibuat oleh Kerajaan

Persekutuan, melainkan kehendak di bawah Perkara 79(2) Perlembagaan Persekutuan, rundingan sedemikian adalah wajar dibuat selaras dengan konsep Federalisme yang diamalkan di Malaysia.

Perkara yang sama turut terpakai sekiranya kerajaan negeri yang mencadangkan rang undang-undang tersebut dan rundingan sewajarnya dibuat dengan Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, terdapat forum yang ditubuhkan secara khusus melalui undang-undang yang melibatkan hal perkara dalam Senarai Bersama. Sebagai contoh, dalam perkara berkaitan Perancangan Bandar dan Desa, Butiran 5, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Majlis Perancangan Fizikal Negara telah ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. Terdapat juga rundingan yang diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri secara pentadbiran bagi membincangkan perkara yang melibatkan hubungan Persekutuan dan negeri seperti Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan hal pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Berdasarkan konsep Federalisme, kuasa-kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan dengan jelas dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Negeri Sabah dan Sarawak turut menikmati hak-hak istimewa lain yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak. Dalam perjalanan kuasa-kuasa dan hak istimewa tersebut, pelbagai rundingan telah dibuat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Sarawak termasuklah rundingan di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 sebelum ini yang kini dipantau oleh Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sudah- kita selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 10 September 2020. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.03 petang]